



Forest Stewardship Council®



Standard Pengurusan Hutan Nasional FSC untuk Malaysia

*(Terjemahan daripada
FSC National Forest Stewardship Standard of Malaysia
FSC-STD-MYS-01.1-2021 EN)*



All Rights Reserved FSC® International 2015 FSC® F000100

Standard

Sumbangan Foto

Dari Kiri ke Kanan:

- Foto 1: Sebuah hutan simpan di kawasan *Central Forest Spine* Semenanjung Malaysia, © Charmaine Chee, FSC Malaysia.
- Foto 2: Harimau Malaya di Kompleks Hutan Belum Temengor_WW2126325_Christopher Wong, oleh Christopher Wong, © WWF-Malaysia.
- Foto 3: Arboris memanjang “hutan demi kehidupan dan demi generasi masa depan kita, kita mesti melindunginya!!!”, oleh Mohd Shah Fitri, © Jamiluddin Jami.

CATATAN MENGENAI VERSI BAHASA MELAYU:

Ini adalah terjemahan Bahasa Melayu daripada FSC National Forest Stewardship Standard of Malaysia versi Bahasa Inggeris dengan kod FSC-STD-MYS-01.1-2021 EN, iaitu versi rasmi yang diluluskan oleh Pusat Antarabangsa FSC (FSC International Center) dan boleh didapati pada pautan ic.fsc.org. Sebarang terjemahan versi daripada terbitan ini bukan terjemahan rasmi yang diluluskan oleh Pusat Antarabangsa FSC. Jika terdapat sebarang percanggahan atau perkara tidak konsisten antara versi Bahasa Inggeris rasmi dengan versi terjemahan ini, maka versi Bahasa Inggeris adalah menjadi rujukan.

Judul	Standard Pengurusan Hutan Nasional FSC untuk Malaysia
Kod rujukan dokumen	FSC-STD-MYS-01.1-2021 EN (Terjemahan)
Status	Lulus
Skop	Semua jenis hutan <i>(termasuk NTFPs, perincian dalam seksyen 2.2. "Skop standard")</i>
Tarikh kelulusan	20 Disember 2021
Badan yang meluluskan	Jawatankuasa Dasar dan Standard (<i>Policy and Standards Committee</i>)
Tarikh penerbitan	25 Januari 2022
Tarikh berkuatkuasa	1 Mei 2022
Tempoh peralihan¹	12 bulan dari tarikh kuat kuasa
Tempoh sahlaku	Sehingga disemak, diganti atau ditarik balik
Alamat setempat	FSC Malaysia J03, Common Ground Jaya One, G.016, The Square, Jaya One, 72A, Jln Profesor Diraja Ungku Aziz, Seksyen 13, 46200 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia ☎ +603-5590 6001 ✉ info@my.fsc.org
Alamat Unit Pelaksanaan dan Standard FSC (Performance and Standards Unit FSC)	FSC International Center gGmbH - Performance and Standards Unit - Adenauerallee 134 53113 Bonn, Germany ☎ +49-(0)228-36766-0 📠 +49-(0)228-36766-65 ✉ psu@fsc.org
<p>© 2022 Forest Stewardship Council, A.C. All rights reserved. FSC®F000100</p> <p>Tiada mana-mana bahagian dalam terbitan ini yang dilindungi oleh hakcipta penerbit boleh diterbitkan semula atau disalin dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara (grafik, elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, rakaman atau sistem dapatan maklumat) tanpa mendapat kebenaran bertulis daripada penerbit.</p> <p>Forest Stewardship Council® (FSC) adalah sebuah organisasi bebas, bukan berdasarkan keuntungan, organisasi bukan kerajaan yang ditubuhkan untuk menyokong pengurusan hutan sedunia yang bersesuaian dengan alam sekitar, memanfaatkan dari segi sosial dan berdaya maju dari segi ekonomi.</p> <p>Visi FSC adalah nilai sebenar hutan diiktiraf dan diintegrasikan sepenuhnya dalam masyarakat seluruh dunia. FSC merupakan pemangkin utama dan penentu bagi pengurusan hutan yang lebih baik dan transformasi dalam pasaran, memacu pengalihan pengurusan hutan global ke arah penggunaan, pemuliharaan, pemuliharaan secara mampan, dan menghormati semua.</p>	

¹ Tempoh peralihan ialah garis masa di mana terdapat fasa masuk selari bagi versi baharu dan fasa keluar daripada versi lama standard. Enam (6) bulan selepas tamat tempoh peralihan, sijil yang dikeluarkan terhadap versi lama dianggap tidak sah.

Kandungan

1.	Prakata	5
1.1.	Penyata pemerihalan bagi Forest Stewardship Council (FSC)	5
1.2.	Penyata pemerihalan Pejabat Nasional	5
1.3.	Penyata pemerihalan Kumpulan Pembangunan Standard (Standards Development Group)	6
2.	Pengantar	7
2.1.	Tujuan standard	7
2.2.	Skop standard	8
2.3.	Maklumat latar belakang pembangunan standard	8
3.	Versi standard	9
4.	Konteks	10
5.	Rujukan	10
6.	Nota tentang penggunaan indikator	12
6.1.	Skala, Intensiti dan Risiko (SIR)	12
6.2.	Nilai-nilai Konservasi Tinggi (High Conservation Values) (HCVs)	14
7.	Prinsip-prinsip, kriteria, dan indikator nasional	15
	<i>Prinsip* 1: Pematuhan Undang-Undang</i>	15
	<i>Prinsip* 2: Hak-hak dan syarat-syarat pekerjaan para pekerja*</i>	23
	<i>Prinsip* 3: Hak-hak Orang Asal/Asli*</i>	35
	<i>Prinsip* 4: Hubungan komuniti</i>	43
	<i>Prinsip* 5: Manfaat dari hutan</i>	53
	<i>Prinsip* 6: Impak dan nilai-nilai alam sekitar*</i>	59
	<i>Prinsip* 7: Pelan pengurusan</i>	75
	<i>Prinsip* 8: Pemantauan dan penilaian</i>	80
	<i>Prinsip* 9: Nilai-nilai Konservasi Tinggi (High Conservation Values)</i>	84
	<i>Prinsip* 10: Pelaksanaan aktiviti-aktiviti pengurusan</i>	92
8.	Lampiran-lampiran bagi Standard Pengurusan Hutan	105
	<i>Lampiran A: Senarai undang-undang, peraturan, triti antarabangsa yang diratifikasi, konvensyen-konvensyen dan perjanjian-perjanjian</i>	105
	<i>Lampiran B: Garis Panduan tentang Syarat-Syarat Latihan Pekerja</i>	118
	<i>Lampiran C: Gambarajah Konseptual Rangkaian Kawasan Konservasi</i>	119
	<i>Lampiran D: Elemen Pelan Pengurusan</i>	120
	<i>Lampiran E: Keperluan Pemantauan</i>	123
	<i>Lampiran F: Rangka Kerja Nilai Konservasi Tinggi Nasional</i>	126
	<i>Lampiran G: Garis Panduan tentang Prosedur Operasi Standard (SOPs)</i>	154
9.	Senarai Istilah FSC	163

1. Prakata

1.1. Penyata pemerihalan bagi Forest Stewardship Council (FSC)

Forest Stewardship Council A.C. (FSC) ditubuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah susulan kepada Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu berkenaan Alam Sekitar dan Pembangunan (Persidangan Bumi di Rio de Janeiro, 1992) dengan misi untuk mempromosi pengurusan hutan sedunia yang bersesuaian dengan alam sekitar, memanfaatkan dari aspek sosial dan berdaya maju dari segi ekonomi.

Pengurusan hutan yang bersesuaian dengan alam sekitar memastikan penghasilan kayu, hasil hutan bukan kayu dan perkhidmatan ekosistem yang tidak mengurangkan atau menjelaskan biodiversiti, produktiviti dan proses ekologi hutan. Pengurusan hutan yang bermanfaat kepada masyarakat dapat membantu komuniti setempat dan masyarakat umum menikmati faedah jangka panjang serta menyediakan insentif yang kukuh kepada komuniti setempat untuk menjaga kelestarian sumber-sumber hutan. Pengurusan hutan yang mampan bermaksud operasi perhutanan berstruktur dan diuruskan untuk penjanaan keuntungan yang mencukupi tanpa mengorbankan sumber-sumber perhutanan, ekosistem atau komuniti setempat. Tekanan yang wujud antara keperluan untuk menjana pulangan kewangan yang memadai dan prinsip-prinsip operasi hutan yang bertanggungjawab boleh dikurangkan menerusi usaha-usaha pemasaran rangkaian penuh pelbagai produk dan perkhidmatan hutan mengikut nilai terbaik masing-masing (FSC A.C. Undang-undang kecil, diratifikasi, September 1994; semakan terkini pada bulan Oktober 2017).

FSC adalah sebuah organisasi antarabangsa yang menyediakan satu sistem akreditasi dan pensijilan oleh pihak ketiga yang bebas secara sukarela. Sistem ini membolehkan pemegang sijil memasarkan produk dan perkhidmatan perhutanan yang telah memenuhi standard FSC yang bersesuaian dengan alam sekitar, memastikan dari segi aspek sosial dan berdaya maju dari segi ekonomi. Standard Pengurusan FSC adalah berdasarkan Prinsip-prinsip dan Kriteria FSC (*FSC Principles and Criteria*) (P&C). Selain itu, FSC juga menetapkan standard bagi akreditasi Badan-badan Penaksiran Pematuhan (juga dikenali sebagai Badan-Badan Pensijilan) yang mengesahkan pematuhan kepada standard FSC. Berdasarkan standard ini, FSC menyediakan satu sistem pensijilan untuk organisasi yang berhasrat memasarkan produk yang mendapat diperakui FSC.

1.2. Penyata pemerihalan Pejabat Nasional

Usaha-usaha untuk menubuhkan organisasi FSC di Malaysia bermula pada tahun 2002 apabila sekumpulan kecil pihak berkepentingan telah memulakan pembentukan Inisiatif Kebangsaan FSC. Sebagai langkah pematuhan kepada syarat-syarat FSC, satu Jawatankuasa Kerja Kebangsaan telah dibentuk pada tahun 2007 dan disahkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada akhir tahun sama, sekaligus menjadi entiti tempatan berdaftar mewakili FSC di Malaysia. Entiti tersebut pada asalnya didaftarkan di bawah nama syarikat ‘Forest Stewardship (Malaysia) Sdn. Bhd.’. Bagaimanapun, pada

tahun 2009, nama tersebut telah ditukar kepada ‘Forest Sustainability (Malaysia) Sdn. Bhd. (FSM)’. FSC Malaysia dilancarkan di Kuala Lumpur pada 19 November 2014, setelah menerima kelulusan FSC sebagai Pejabat Nasional bagi FSC. Tugasan serta-merta bagi entiti itu adalah menerajui proses pembangunan Standard Pengurusan Hutan Kebangsaan FSC, di samping mempromosikan pengurusan hutan secara berdedikasi di Malaysia; menghulurkan sokongan untuk perniagaan dan pemasaran, jaminan kualiti dan tanda perdagangan dan perkhidmatan keahlian bagi pihak FSC di peringkat kebangsaan.

Untuk maklumat lanjut mengenai FSC Malaysia, sila layari: <https://my.fsc.org/>

1.3. Penyata pemerihalan Kumpulan Pembangunan Standard (Standards Development Group)

Pembangunan Standard Pengurusan Kebangsaan FSC Malaysia bermula secara rasmi pada bulan Jun 2011, setelah permohonan FSC Malaysia mendapat kelulusan FSC International untuk membangunkan satu set standard kebangsaan. Kumpulan Pembangunan Standard Kebangsaan Malaysia (*Malaysian National Standards Development Group*), sebuah kumpulan independen yang terdiri daripada cabang alam sekitar, ekonomi dan sosial dari tiga wilayah di Malaysia (Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia), telah dibentuk untuk membangun dan menyelenggara Standard Pengurusan Hutan Nasional FSC menurut standard dan tatacara FSC. Kumpulan Pembangunan Standard Nasional Malaysia (*Malaysian National Standards Development Group*) (NSDG) dipengerusikan oleh Anthony Sebastian (sebastianfsc14@gmail.com), dan terdiri daripada ahli-ahli berikut:

Cabang Ekonomi	
Edmund GAN	edmundgsgan@gmail.com
Chin Tong TAN	tanct@envotech.com.my
Cabang Alam Sekitar	
Yii Tan CHANG	yiitan@pereresearch.com.my
Kanitha KRISHNASAMY	kanitha.krishnasamy@traffic.org
Cabang Sosial	
Thomas JALONG	rakankomuniti@gmail.com
Si Siew LIM	slim@onegrassroots.org

2. Pengantar

2.1. Tujuan standard

Standard ini menggariskan elemen yang diperlukan oleh Badan-badan Persijilan yang diakreditasi oleh FSC harus menilai amalan pengurusan hutan yang termasuk dalam skop (lihat 2.2. di bawah). Prinsip-prinsip dan Kriteria FSC (*FSC Principles and Criteria*) (P&C) bagi Pengurusan Hutan menyediakan satu standard yang diiktiraf di peringkat antarabangsa untuk pengurusan perhutanan yang bertanggungjawab. Bagaimanapun, mana-mana standard antarabangsa bagi pengurusan hutan perlu diadaptasi mengikut kesesuaian di peringkat serantau atau di peringkat kebangsaan supaya dapat mencerminkan kepelbagaian dari segi perundangan, sosial dan geografi di seluruh dunia.

Justeru, Prinsip-prinsip dan Kriteria FSC, mensyaratkan indikator yang perlu diadaptasi mengikut keadaan serantau atau kebangsaan sebelum dilaksanakan di tahap Unit Pengurusan.

Pada bulan Mac 2015, Lembaga Pengarah FSC telah meluluskan [FSC-STD-60-004 V1-0 EN](#), satu set Indikator Generik Antarabangsa (*International Generic Indicators*) (IGIs) yang merupakan titik permulaan pengadaptasian Prinsip-prinsip dan Kriteria FSC mengikut keadaan serantau atau kebangsaan. Ia bermatlamat untuk:

- Memastikan pelaksanaan P&C secara konsisten di seluruh dunia;
- Menambahbaik dan memantapkan kredibiliti Sistem FSC;
- Menambahbaik konsistensi dan mutu Standard Pengurusan Hutan Nasional; dan
- Mendukung proses kelulusan Standard Pengurusan Hutan Nasional yang lebih pantas dan cekap .

Prinsip-prinsip dan Kriteria FSC berserta dengan satu set Indikator Kebangsaan yang diluluskan oleh Jawatankuasa Polisi dan Standard FSC (*Policy and Standards Committee*) (PSC) membentuk Standard Pengurusan Hutan Nasional FSC (*FSC National Forest Stewardship Standard*) (NFSS). Pembangunan NFSS adalah berdasarkan syarat-syarat yang digariskan dalam Dokumen-dokumen normatif FSC yang berikut:

- [FSC-PRO-60-006 \(V2-0\) EN](#) *Development and Transfer of National Forest Stewardship Standards to the FSC Principles and Criteria Version 5-1* (Pembangunan dan Pindahan Standard Pengurusan Hutan Nasional kepada Prinsip-prinsip dan Kriteria FSC Versi 5-1);
- [FSC-STD-60-002 \(V1-0\) EN](#) *Structure and Content of National Forest Stewardship Standards* (Struktur dan Kandungan Standard Pengurusan Hutan Nasional; dan
- [FSC-STD-60-006 \(V1-2\) EN](#) *Process Requirements for the Development and Maintenance of National Forest Stewardship Standards* (Syarat-syarat Pemprosesan bagi Pembangunan dan Penyenggaraan Standard Pengurusan Hutan Nasional).

Dokumen-dokumen tersebut di atas disediakan oleh Unit Prestasi dan Standard FSC (*FSC Performance and Standards Unit*) (PSU) untuk menambahbaik konsistensi dan ketelusan dalam pengambilan keputusan-keputusan persijilan di antara pelbagai Badan Persijilan serantau/kebangsaan, dan di belahan dunia yang berbeza, dan demikian meningkatkan kredibiliti skim persijilan FSC secara keseluruhan

2.2. Skop standard

Standard ini diguna pakai untuk semua operasi hutan yang ingin mendapatkan persijilan FSC di Malaysia. Standard ini diguna pakai untuk semua jenis hutan, dan pada peringkat Unit Pengurusan, meliputi semua skala dan intensiti bagi operasi pengurusan hutan. Ini termasuk kayu balak dan Hasil Hutan Bukan Kayu (*Non-Timber Forest Products*) (NTFPs). NTFP yang berada dalam skop NFSS ini meliputi produk-produk berikut:

- Buah-buahan (boleh dimakan atau tidak boleh dimakan),
- Sap atau rembesan kelenjar: gam, resin, lateks,
- Herba ubatan: daun, batang, kulit kayu, akar, cendawan, dan
- Tumbuh-tumbuhan berbatang: rotan, buluh, kayu gubal, kayu teras.

Catatan: Untuk pensijilan, NTFPs harus berasal dari Unit Pengurusan di mana Organisasi telah menunjukkan pematuhan terhadap semua keperluan NFSS Malaysia. NSDG telah memastikan bahawa semua indikator di NFSS Malaysia telah diterangkan atau ditakrifkan dengan cara yang turut merujuk kepada NTFPs.

2.3. Maklumat latar belakang pembangunan standard

Proses pembangunan Standard Pengurusan Hutan Nasional (*National Forest Stewardship Standard*) (NFSS) Malaysia didaftarkan oleh Unit Prestasi dan Standard FSC (*FSC Performance and Standards Unit*) pada bulan Jun 2011. Proses ini termasuk perkembangan tiga draf standard berikutnya: draf standard 1.0, diterbitkan pada 17 Mac 2017; draf standard 2.0, diterbitkan pada 2 Januari 2018; dan draf standard 3.0, diterbitkan pada 30 April 2018.

Kumpulan Pembangunan Standard Nasional (*National Standards Development Group*) telah mengadakan mesyuarat secara fizikal sebanyak 12 kali sewaktu proses pembangunan standard. Ini diikuti dengan emel dan panggilan telefon dari semasa ke semasa apabila perlu. Setiap tempoh konsultasi awam meliputi mesyuarat fizikal melibatkan pihak berkepentingan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia, di mana pihak berkepentingan yang utama menerima maklumat terkini dan diminta untuk memberikan komen dan maklum balas mengenai draf standard. Selain itu, pengumuman berhubung keberadaan draf standard dibuat di laman web FSC Malaysia dan salinan draf standard itu diedarkan melalui emel bagi membolehkan penerimaan input spesifik mengenai cadangan standard kebangsaan.

Draf standard 1.0 telah diedarkan kepada ahli Forum Konsultatif, Pejabat-pejabat Inisiatif Nasional (*FSC National Initiatives*) dan Pejabat Nasional dan Serantau FSC di wilayah serantau, badan-badan persijilan yang diakreditasi oleh FSC yang beroperasi di rantau ini, kumpulan pihak berkepentingan dan Unit Prestasi dan Standard FSC bagi tujuan penerimaan komen dan maklumbalas.

Draf standard 2.0 telah menjalani proses uji-cuba di hutan pada bulan September dan Oktober 2017 di dua tapak berbeza: Acacia Forest Industries (AFI), sebuah perladangan pokok akasia dan eucalyptus di Sabah; dan Asrama Raya, hutan semulajadi di Terengganu, Semenanjung Malaysia.

Draf standard 3.0 merangkumi komen yang diterima daripada pihak berkepentingan sewaktu konsultasi awam dan ujian di lapangan dan dihantar kepada FSC International untuk mendapat kelulusan pada bulan April 2018.

Versi 1-0 NFSS Malaysia telah diluluskan dengan bersyarat oleh FSC International pada bulan Ogos 2018. Selepas pindaan terakhir dibuat bagi memenuhi syarat, standard telah diterbitkan dan mula dikuatkuasakan pada bulan April 2019.

Sementara itu, FSC International menerbitkan Indikator Generik Antarabangsa (*International Generic Indicators*) (IGI) v2-0, di mana syarat-syarat untuk melaksanakan Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa ILO (*ILO Core Labour Conventions*) telah dihuraikan dengan lebih lanjut, dan konsep baharu seperti Lanskap Hutan Utuh (*Intact Forest Landscapes*) (IFL) dan Lanskap Budaya Orang Asli (*Indigenous Cultural Landscapes*) (ICL) telah diperkenalkan. Objektif semakan terkini NFSS Malaysia adalah bagi mencerminkan IGI v2-0 dan memasukkan NTFP ke dalam skop standard. Senarai keanggotaan Kumpulan Pembangunan Standard Nasional (*National Standards Development Group*) (NSDG) yang menyemak standard ini tidak berubah. Draf pertama NFSS versi 1-1 ini (FSC-STD-MYS-01.1-2021) diterbitkan bagi konsultasi awam 1 April hingga 31 Mei 2021. Draf kedua NFSS versi 1-1 merangkumi komen yang diterima daripada pihak berkepentingan semasa konsultasi awam dan telah dihantar kepada FSC International untuk kelulusan pada 8 Julai 2021.

3. Versi standard

Versi terkini Standard Pengurusan Hutan Nasional FSC bagi Malaysia ialah FSC- STD-MYS-01-2018 Semua jenis dan skala hutan EN. Versi standard ini mengandungi IGI v2-0 dan NTFPs dalam skopnya. Versi semakan ini (FSC-STD-MYS-01.1-2021) telah diluluskan secara rasmi oleh FSC International pada 20 Disember 2021.

Standard ini telah dibangunkan berdasarkan pendapat bersama ahli-ahli NSDG bahawa ia telah menjalani konsultasi dan ujian di lapangan yang mencukupi serta wajar diberikan kelulusan oleh FSC. Standard ini memenuhi matlamat dan objektif ahli-ahli NSDG dan dipercayai menjadi satu sumber penting bagi mempromosikan pengurusan hutan secara bertanggungjawab di Malaysia.

4. Konteks

Standard ini meliputi seluruh Malaysia, Semenanjung Malaysia bahagian barat dan Malaysia Timur (terdiri daripada negeri Sabah dan Sarawak) bahagian timur, termasuk pulau-pulau kecil yang mengelilingi kedua-dua tanah daratan tersebut. Semenanjung Malaysia terletak di bahagian selatan Semenanjung Tanah Melayu, di selatan Thailand, di utara Singapura dan di timur pulau Sumatera di Indonesia; Malaysia Timur merangkumi sebahagian besar utara pulau Borneo, dengan sempadan darat yang dikongsi bersama Brunei di sebelah utara dan Borneo Indonesia di selatan (dipetik dari https://en.wikipedia.org/wiki/Geography_of_Malaysia).

Standard ini telah dibangunkan oleh Kumpulan Pembangunan Standard Malaysia (*Malaysian Standards Development Group*) yang dipengerusikan oleh Anthony Sebastian dan diselaraskan oleh Si Siew Lim. Maklumat tambahan telah disediakan oleh Panel Pakar Teknikal SDG yang dianggotai oleh Andrew Ng, Barney Chan, Wei Kwang Chong, Surin Suksuwan, Cynthia Chin, Glen MacNair, K C Ling, Robert Ong, Mooi See Tor, Engrit Liaw dan Son Kheong Yap.

5. Rujukan

Dokumen-dokumen rujukan berikut adalah relevan apabila menggunakan standard ini. Untuk rujukan versi tanpa nombor, edisi terkini bagi dokumen rujukan yang berkaitan akan digunakan (termasuk sebarang pindaan).

FSC-POL-01-004	<i>Policy for the Association of Organizations with FSC</i> (<i>Polisi Persatuan Organisasi dengan FSC</i>)
FSC-POL-20-003	<i>The Excision of Areas from the Scope of Certification</i> (<i>Pengasingan Kawasan daripada Skop Pensijilan</i>)
FSC-POL-30-001	<i>FSC Pesticides Policy</i> (<i>Polisi Racun Makhluk Perosak FSC</i>)
FSC-POL-30-401	<i>FSC Certification and the ILO Conventions</i> (<i>Pensijilan FSC dan Konvensyen ILO</i>)
FSC-POL-30-602	<i>FSC Interpretation on GMOs</i> (<i>Interpretasi FSC mengenai GMO (Pengubahsuai Organisme Genetik)</i>)
FSC-STD-01-002	<i>Glossary of Terms</i> (<i>Senarai Istilah</i>)

FSC-STD-01-003	<i>SLIMF Eligibility Criteria (Kriteria Kelayakan SLIMF)</i>
FSC-STD-20-007	<i>Forest Management Evaluations (Penilaian Pengurusan Hutan)</i>
FSC-STD-30-005	<i>FSC Standard for Group Entities in Forest Management Groups (Standard FSC bagi Entiti Kumpulan dalam Kumpulan Pengurusan Hutan)</i>
FSC-STD-60-002	<i>Structure and Content of National Forest Stewardship Standards (Struktur dan Kandungan Standard Pengurusan Hutan Kebangsaan)</i>
FSC-STD-60-006	<i>Development of National Forest Stewardship Standards (Pembangunan Standard Pengurusan Hutan Kebangsaan)</i>
FSC-PRO-01-001	<i>The Development and Revision of FSC Normative Documents (Pembangunan dan Semakan Semula Dokumen-dokumen Normatif FSC)</i>
FSC-PRO-01-005	<i>Processing Appeals (Pemprosesan Rayuan)</i>
FSC-PRO-01-008	<i>Processing Complaints in the FSC Certification Scheme (Pemprosesan Aduan dalam Skim Pensijilan FSC)</i>
FSC-PRO-01-009	<i>Processing Policy for Association Complaints in the FSC Certification Scheme (Polisi Pemprosesan bagi Aduan Persatuan dalam Skim Pensijilan FSC)</i>
FSC-PRO-30-006	<i>Ecosystem Services Procedure: Impact Demonstration and Market Tools (Prosedur Perkhidmatan Ekosistem: Demonstrasi Kesan dan Alat Pasaran)</i>
FSC-DIR-20-007	<i>FSC Directive on Forest Management Evaluations (Arahan FSC mengenai Penilaian Pengurusan Hutan)</i>

Dokumen-dokumen yang disenaraikan di atas tidak mempunyai terjemahan rasmi dalam Bahasa Melayu. Tajuk-tajuk dokumen yang diterjemahkan hanya sekadar rujukan dan/atau informasi bagi memudahkan tujuan pembacaan sahaja.

[Lebihan halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

6. Nota tentang penggunaan indikator

Bagi setiap Kriteria, sebilangan indikator disenaraikan. Bagi indikator yang hanya diberikan nombor, tanpa sebarang abjad tambahan (cth. Indikator 1.1.1), indikator itu bertujuan digunakan untuk semua saiz dan jenis hutan, termasuk perladangan.

Dalam sesetengah kes, syarat-syarat tambahan dinyatakan untuk digunakan bagi pengurusan hutan kecil atau intensiti rendah (*small or low-intensity managed forests*) (SLIMF). Dalam kes ini, indikator didahului dengan perkataan 'SLIMF'. Dalam keadaan di mana terdapat penambahan sub-indikator SLIMF pada penunjuk tertentu (cth. Indikator 2.3.1 dan SLIMF 2.3.1.1), hanya sub-indikator SLIMF tersebut digunakan untuk menilai operasi SLIMF.

6.1. Skala, Intensiti dan Risiko (SIR)

FSC telah membangunkan 'Garis Panduan bagi Pembangunan Standard bagi menangani risiko aktiviti yang tidak boleh diterima berhubung dengan skala dan intensiti' '*Guideline for Standard Developers for addressing risk of unacceptable activities in regard to scale and intensity*' (FSC-GUI-60-002 V1-0 EN) untuk menyediakan rangka kerja generik bagi Pembangun Standard bagi:

- Menangani risiko aktiviti yang tidak boleh diterima berhubung dengan skala dan intensiti;
- Menangani risiko secara berkesan dan efisien bagi impak negatif yang tidak boleh diterima dalam konteks nasional;
- Mengenalpasti bahawa risiko daripada aktiviti negatif adalah satu fungsi skala, intensiti dan konteks. Lain kata: SIR bermakna skala + intensiti + konteks = risiko (*scale + intensity + context = risk*)
- Mengenalpasti bahawa SIR, terutamanya berkaitan dengan impak pengurusan aktiviti-aktiviti dan bukan berkaitan secara langsung dengan kategori pemilik tanah, jenis milikan mahupun saiz Organisasi atau Unit Pengurusan;
- Mengenalpasti bahawa risiko ialah kemungkinan atau kebarangkalian sesuatu peristiwa dengan kesan negatif ke atas nilai-nilai ekonomi, alam sekitar dan sosial, digabungkan dengan kesan kesan daripada; dan
- Mengenalpasti menerusi analisis dan sampel indikator dalam Matriks SIR, bagaimana SIR digunakan pada setiap Kriteria.

Prinsip-prinsip dan Kriteria FSC Versi 5 (P&C V5) telah memperkenalkan konsep SIR ke dalam sistem FSC. Ia digunakan dalam seluruh standard tetapi dinyatakan secara eksplisit dalam Prinsip-prinsip 7 & 8 dan dalam Kriteria berikut: 1.7, 2.3, 4.3, 4.4, 4.5, 5.1, 5.4, 5.5, 6.1, 6.2, 6.3, 6.4, 6.5, 7.1, 7.2, 7.6, 8.5, 9.1, 9.3, 9.4, dan 10.9.

Ketiga-tiga faktor iaitu ‘Skala, Intensiti dan Risiko’ menentukan kemungkinan bahawa sesuatu kegiatan pengurusan itu akan membawa impak negatif ke atas nilai-nilai sosial, alam sekitar atau ekonomi yang berkaitan dengan Unit Pengurusan atau Organisasi.

Sebagai standard FSC pertama yang dibangunkan pada peringkat kebangsaan di Malaysia, pihak-pihak berkepentingan bersetuju agar tumpuan khusus diberikan bagi memastikan standard ini digunakan di pelbagai operasi perhutanan memandangkan wujudnya perbezaan dari segi ciri-ciri dan keadaan Unit-unit Pengurusan Malaysia merentasi tiga wilayah yang berbeza dalam aspek geografi, ekologi dan politik. Justeru, persetujuan dicapai bersama antara pihak berkepentingan untuk bermula dengan versi standard Malaysia yang paling asas, mengujinya selama tempoh lima tahun dan kemudian menyemak semula dengan mengambilkira faktor-faktor tentang SIR.

Standard ini tidak membezakan syarat-syarat berdasarkan skala, intensiti, atau konteks bagi kriteria. SIR dipertimbangkan dalam konteks setiap indikator, tetapi perkataan tidak diubahsuai secara spesifik untuk mencerminkan skala atau intensiti. Keputusan uji cuba di hutan yang dijalankan di dalam dua buah Unit Pengurusan yang kecil seluas 10,000 ha dan 17,000 ha, menunjukkan tiada aspek yang membimbangkan berdasarkan indikator atau pengesah.

SDG memberi komitmen bagi penerapan penuh peraturan dan syarat-syarat spesifik bagi SIR dalam kajian dan semakan semula yang seterusnya untuk NFSS Malaysia.

Konsep Skala, Intensiti dan Risiko ditangani pada peringkat indikator dengan menggunakan SLIMF global ambang yang tidak dimodifikasi dari segi intensiti (lihat FSC-STD-01-003 SLIMF Eligibility Criteria (Kriteria Kelayakan SLIMF)). Bagaimanapun, versi semakan NFSS Malaysia ini akan menggunakan ambang baharu untuk menentukan unit pengurusan kecil – 40.46 ha (atau 100 ekar), dan bukan nilai lalai global seluas 100 ha. Tujuan perubahan ini adalah kerana ambang seluas 40.46 ha pada umumnya dianggap terpakai bagi pekebun kecil di Malaysia, berdasarkan undang-undang negara. Unit pengurusan yang mengumpul atau menuai Hasil Hutan Bukan Kayu (*Non-Timber Forest Products*) (NTFPs) hendaklah dinilai sebagai 'intensiti rendah' mengikut kadar penuaian. Oleh itu, unit pengurusan yang terdiri daripada hutan semulajadi yang di mana hanya NTFPs dituai layak dianggap sebagai Unit Pengurusan 'intensiti rendah'. Perladangan Hasil Hutan Bukan Kayu (contohnya, ladang kelapa sawit, ladang koko) tidak boleh dianggap sebagai unit pengurusan intensiti rendah berdasarkan tafsiran standard ini.

6.2. Nilai-nilai Konservasi Tinggi (High Conservation Values) (HCVs)

Lampiran F (Rangka Kerja Nilai Tinggi Konservasi Nasional) (*National High Conservation Value (HCV) Framework*) standard ini memperuntukkan keperluan bagi pengurus untuk melaksanakan indikator dari Prinsip 9 dalam Standard Pengawasan Hutan Nasional (NFSS) Malaysia. Pemegang pensijilan FSC, badan-badan pensijilan dan lain-lain hendaklah menggunakan Rangka Kerja HCV Nasional ini bagi memenuhi keperluan Prinsip 9. Rangka Kerja HCV Nasional ini merangkumi penentuan khusus HCV pada peringkat nasional dan sumber-sumber Maklumat Terbaik yang Sedia Ada untuk mengenal pasti, menilai, mengurus dan memantau HCV. Penentuan HCV dan Maklumat Terbaik yang Sedia Ada yang disediakan dalam Rangka Kerja ini mungkin tidak menyeluruh. Contoh tambahan penentuan HCV mungkin wujud pada skala nasional, wilayah atau unit pengurusan, dan harus dikenal pasti oleh pengurus hutan melalui penilaian dan penglibatan.

Sumber HCV berikut boleh didapati daripada pautan <https://my.fsc.org/my-en/hcv-documents>:

- *Malaysian National Interpretation for the Identification of High Conservation Values* (Tafsiran Kebangsaan Malaysia bagi Pengenalan Konservasi Nilai Tinggi) – Garis Panduan untuk menyokong pengenalpastian HCV yang lebih baik di Malaysia dengan menyediakan definisi bagi enam kategori HCV dalam konteks Malaysia, rangka kerja untuk menilai tahap ancaman terhadap HCV serta kajian kes dan sumber data yang berkaitan.
- *HCV Guidance* (Garis Panduan HCV) – Ini merupakan dokumen-dokumen garis panduan terkini daripada Rangkaian dan termasuk definisi HCV terkini. Dua dokumen utama adalah *Common Guidance on Identification of HCVs* (Garis Panduan Am Pengenalpastian HCV) dan *Common Guidance on Management and Monitoring of HCVs* (Garis Panduan Am Pengurusan dan Pemantauan HCV). Definisi-definisi HCV ini mengatasi mana-mana garis panduan atau saranan terdahulu.
- *HCV National Interpretations* (Tafsiran Kebangsaan HCV) – Ini menyediakan garis panduan praktikal mengenai cara mengenalpasti, mengurus dan memantau HCV pada tahap nasional.
- Kertas kerja – Kompilasi kertas kerja dan jurnal yang telah disemak semula tentang HCV dalam pelbagai konteks komoditi dan ekosistem.

Organisasi hendaklah mempertimbangkan dokumen-dokumen ini ketika membentuk strategi pengurusan HCV khusus. Badan pensijilan juga boleh merujuk kepada sumber-sumber ini bagi mengesahkan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh sesebuah organisasi mematuhi indikator yang berkaitan.

7. Prinsip-prinsip, kriteria, dan indikator nasional

Prinsip* 1: Pematuhan Undang-Undang

Organisasi* harus mematuhi segala undang-undang yang digunakan*, peraturan dan triti antarabangsa yang diratifikasi* di Malaysia, konvensyen dan perjanjian.

Kriteria* 1.1. Organisasi* harus merupakan sebuah entiti yang sah di sisi undang-undang yang mempunyai pendaftaran sah di sisi undang-undang*, yang jelas, didokumentasi dan tidak boleh dicabar serta mendapat kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa yang kompeten di sisi undang-undang* untuk aktiviti-aktiviti tertentu.

Indikator 1.1.1. Pendaftaran sah di sisi undang-undang untuk menjalankan segala kegiatan dalam lingkungan skop sijil yang didokumentasi, dan tiada masalah yang belum diselesaikan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Suratcara seperti Memorandum dan Tataurusan Persatuan (M&A) yang menghuraikan penubuhan, objektif serta aktiviti-aktiviti Organisasi di bawah Enakmen atau Akta yang berkaitan.
- 2) Pemeriksaan: Tiada bukti mengenai wujudnya sebarang masalah yang belum diselesaikan berhubung pendaftaran sah Organisasi.

Indikator 1.1.2. Pendaftaran sah di sisi undang-undang diberikan oleh pihak berkuasa kompeten di sisi undang-undang mengikut prosedur yang ditetapkan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Untuk Syarikat dan Perkongsian Liabiliti Terhad – Dokumen-dokumen: Dokumen-dokumen berkanun asal atau salinan diakui sah di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang menunjukkan:
 - a) Pendaftaran Syarikat
 - b) Pemegang saham dan pemilikan
 - c) Alamat pejabat berdaftar
 - d) Maklumat dan butiran alamat pengarah, pengurus dan setiausaha syarikat
- 2) Untuk Organisasi Kerajaan – Dokumen-dokumen: Ordinans Negeri atau Akta Persekutuan yang diwartakan mengenai penubuhan Organisasi.
- 3) Untuk Persatuan – Dokumen-dokumen: Dokumen asal atau salinan diakui sah bagi:
 - a) Sijil Pendaftaran
 - b) Senarai Pemegang Jawatan
 - c) Perlembagaan Persatuan
- 4) Untuk Pemilikan Tunggal atau Perkongsian – Dokumen-dokumen: Dokumen asal atau salinan diakui sah bagi Sijil Pendaftaran Perniagaan.

Kriteria* 1.2. Organisasi* harus membuktikan status sah* Unit Pengurusan* di sisi undang-undang, termasuk tempoh pegangan* dan hak-hak kepenggunaan*, dan sempadannya, digariskan dengan jelas.

Indikator 1.2.1. Tempoh pegangan sah di sisi undang-undang untuk mengurus dan menggunakan sumber-sumber termasuk penuaian dan pemprosesan hasil hutan bukan kayu dalam lingkungan skop sijil yang didokumenkan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Untuk Sabah – Dokumen-dokumen:
 - a) Perjanjian Lesen Pengurusan Hutan Mampan (*Sustainable Forest Management Licence Agreement*) (SFMLA), Perjanjian Lesen Kayu, atau Lesen Perkayuan,
 - b) Hakmilik Tanah atau Perjanjian Pajakan Tanah bagi Unit Pengurusan,
 - c) Lesen/permit Hasil Hutan Bukan Kayu (jika berkenaan), dan
 - d) Mana-mana lesen/permit lain (iaitu, ekopelancongan, perkhidmatan ekosistem, perhutanan tani atau lesen peniaga getah).
- 2) Untuk Sarawak – Dokumen-dokumen:
 - a) Lesen Perkayuan Hutan dan/atau Lesen Hutan Penanaman,
 - b) Hakmilik Tanah atau Perjanjian Pajakan Tanah bagi Unit Pengurusan,
 - c) Lesen/permit Hasil Hutan Bukan Kayu (jika berkenaan), dan
 - d) Mana-mana lesen/permit lain (iaitu, ekopelancongan, perkhidmatan ekosistem, perhutanan tani atau lesen peniaga getah).
- 3) Untuk Semenanjung Malaysia – Dokumen-dokumen:
 - a) Perjanjian konsesi yang ditandatangan dan/atau surat penyerahan kepada Organisasi,
 - b) Hakmilik Tanah atau Perjanjian Pajakan Tanah bagi Unit Pengurusan,
 - c) Lesen/permit Hasil Hutan Bukan Kayu (iaitu, Lesen Perdagangan/Pemprosesan Getah, Lesen Pengilangan Keluaran Getah atau Lesen Semaian Getah) (jika berkenaan),
 - d) Permit Masuk,
 - e) Permit/Lesen Penuaian, Sub-Lesen Penuaian, dan
 - f) Mana-mana lesen/permit lain (iaitu, ekopelancongan, perkhidmatan ekosistem, perhutanan tani atau lesen peniaga getah).

Indikator 1.2.2. Tempoh pegangan sah di sisi undang-undang diberikan oleh pihak berkuasa yang kompeten di sisi undang-undang menurut mengikut prosedur yang ditetapkan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Untuk Hutan Simpan/Hutan Simpan Kekal/Tanah Negeri – Dokumen-dokumen: Warta Kerajaan, dan
- 2) Untuk tanah persendirian – Dokumen-dokumen: Hakmilik Tanah.

Indikator 1.2.3 Sempadan semua Unit-unit Pengurusan dalam skop sijil ditandakan atau didokumenkan dan ditunjukkan dalam peta dengan jelas.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Peta rasmi dari Jabatan Perhutanan Negeri dan/atau Pejabat Tanah atau Jabatan Tanah dan Ukur yang menunjukkan sempadan Unit Pengurusan.

Kriteria* 1.3. Organisasi* harus mempunyai hak yang sah di sisi undang-undang* untuk beroperasi di dalam Unit Pengurusan*, yang menepati status sah di sisi undang-undang bagi Organisasi* dan Unit Pengurusan*, dan mematuhi obligasi undang-undang di bawah undang-undang negara dan undang-undang tempatan* serta kaedah-kaedah dan syarat-syarat pentadbiran yang berkaitan. Hak undang-undang merangkumi penuaian produk dan/atau pembekalan perkhidmatan ekosistem* dalam lingkungan Unit Pengurusan*. Organisasi* haruslah membayar caj yang ditetapkan secara sah berhubung hak-hak dan obligasi.

Indikator 1.3.1. Semua aktiviti termasuk penuaian dan pemprosesan hasil hutan bukan kayu dalam Unit Pengurusan dijalankan seiring dengan pematuhan kepada:

- 1) Undang-undang digunakan dan kaedah-kaedah serta syarat-syarat pentadbiran,
- 2) Hak undang-undang dan Adat; dan
- 3) Kod amalan obligatori.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Dokumen asal atau salinan diakui sah bagi lesen perdagangan atau perniagaan dari majlis tempatan (jika berkaitan).

Nota: Lihat Pengesah untuk Indikator 1.2.1 dan Lampiran A (Senarai undang-undang digunakan, kaedah-kaedah, triti antarabangsa yang diratifikasi, konvensyen dan perjanjian).

Indikator 1.3.2. Pembayaran dibuat tepat pada masanya berhubung segala caj yang ditetapkan secara sah berkaitan dengan pengurusan hutan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod-rekod seperti invois, bayaran balik cukai dan resit atau pengisyiharan cukai dan resit-resit atau pelepasan dan pengecualian cukai oleh pihak berkuasa.

Indikator 1.3.3. Aktiviti-aktiviti yang termasuk dalam pelan pengurusan dibentuk untuk mematuhi segala undang-undang berkaitan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Pelan pengurusan

Nota: Lihat Pengesah-Pengesah untuk Indikator 1.2.1 dan Lampiran A (Senarai undang-undang, kaedah-kaedah, triti antarabangsa yang diratifikasi, konvensyen dan perjanjian).

Kriteria* 1.4. Organisasi* harus membentuk dan melaksanakan langkah-langkah dan/atau berurusan dengan agensi penguatkuasaan untuk melindungi Unit Pengurusan* secara sistematis daripada penggunaan sumber yang tidak diizinkan atau yang tidak sah di sisi undang-undang, penempatan dan aktiviti haram yang lain.

Indikator 1.4.1. Aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan dikenalpasti, dan langkah-langkah diambil untuk memberikan perlindungan kepada Unit Pengurusan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Prosedur Operasi Standard (*Standard Operating Procedure*) (*SOP*) (lihat Lampiran G - Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard),
 - b) Rekod segala kejadian yang tidak diizinkan dan/atau aktiviti haram yang dikesan,
- 2) Temu bual: Unit Pengawalseliaan dan Penguatkuasaan untuk bukti mengenai langkah-langkah perlindungan yang telah dilaksanakan.
- 3) Pemeriksaan:
 - a) Sempadan yang ditandakan di kawasan berisiko tinggi dengan pencerobohan, dan
 - b) Pelaksanaan SOP.

Indikator 1.4.2. Apabila perlindungan menjadi tanggungjawab badan-badan berkuasa yang sah di sisi undang-undang, sebuah sistem akan dilaksanakan untuk berurusan dengan badan-badan berkuasa ini bagi mengenalpasti, melapor, mengawal dan mencegah aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan atau aktiviti haram.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod urusan dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang relevan.

Indikator 1.4.3. Jika aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan atau aktiviti haram dikesan, langkah-langkah akan diambil untuk menanganinya.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod tindakan yang diambil oleh Unit Pengawalseliaan dan Penguatkuasaan, dan
- 2) Temu bual: Unit Pengawalseliaan dan Penguatkuasaan untuk bukti berkenaan dengan langkah-langkah perlindungan yang diambil.

Kriteria* 1.5. Organisasi* harus mematuhi undang-undang negara*, undang-undang tempatan*, konvensyen antarabangsa yang diratifikasi* serta kod amalan obligatori*, berkaitan dengan pengangkutan dan perdagangan produk hutan dalam dan dari lingkungan Unit Pengurusan*, dan/atau sehingga kepada rantai jualan pertama dibuktikan.

Indikator 1.5.1. Pematuhan kepada undang-undang negara, undang-undang tempatan, onvensyen antarabangsa yang digunakan serta diratifikasi dan kod amalan obligatori, berkaitan pengangkutan dan perdagangan produk hutan, termasuk hasil hutan bukan kayu sehingga rantaian bekalan pertama dibuktikan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Permit pas pengeluaran, pesanan hantaran, invois, bil pemunggahan, borang deklarasi eksport, permit pelupusan kayu dan/atau lain-lain yang relevan,
 - b) Penandaan pokok, rekod penandaan dan/atau rekod pengeluaran, dan
- 2) Temu bual: Kakitangan dan pihak berkuasa untuk bukti pematuhan.

Nota: Lihat Lampiran A Senarai undang-undang, kaedah-kaedah, triti antarabangsa yang diratifikasi, konvensyen dan perjanjian).

Indikator 1.5.2 Pematuhan kepada peruntukan CITES ditunjukkan, termasuk melalui pemilikan sijil penuaian dan perdagangan (termasuk hasil hutan bukan kayu) bagi mana-mana spesis tersenarai dalam CITES.

Pengesah-pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Senarai semua kayu tempatan (dan bukan-kayu, jika berkaitan) yang tersenarai dalam CITES dalam lingkungan Unit Pengurusan, dan
 - b) Permit atau lesen (untuk Semenanjung Malaysia) bagi penuaian dan perdagangan.

Nota: Lihat Lampiran A (Senarai undang-undang, kaedah-kaedah, triti antarabangsa yang diratifikasi, konvensyen dan perjanjian yang digunakan).

Kriteria* 1.6. Organisasi* harus mengenalpasti, mencegah dan menyelesaikan pertikaian* mengenai isu-isu berkanun atau undang-undang adat*, yang boleh diselesaikan di luar mahkamah tepat pada masanya*, dengan melibatkan pihak berkepentingan yang terkesan*.

Indikator 1.6.1. Satu proses penyelesaian pertikaian tersedia untuk capaian umum disediakan sebagai satu Prosedur Operasi Standard, dibentuk melalui perundingan yang bersesuaian dengan rentas budaya pihak berkepentingan yang terjejas.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Prosedur Operasi Standard (lihat Lampiran G – Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard) untuk penyelesaian pertikaian termasuk pengenalan pertikaian yang berkaitan dan prosedur pencegahan,
 - b) Rekod-rekod urusan dengan pihak berkepentingan yang terkesan, dan

- 2) Temu bual: Pihak berkepentingan yang terkesan untuk bukti perundingan yang memuaskan sewaktu pembentukan proses penyelesaian pertikaian oleh Organisasi.

Indikator 1.6.2. Pertikaian berkaitan isu-isu undang-undang digunakan atau undang-undang adat, yang boleh diselesaikan di luar mahkamah tepat pada masanya, dan sama ada sudah diselesaikan atau masih dalam proses penyelesaian.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Perjanjian penyelesaian dan/atau kes-kes didokumenkan (jika ada),
- 2) Temu bual:
 - a) Pihak berkepentingan yang terkesan akibat daripada ketepatan masa tindak balas, dan
 - b) Pihak berkepentingan yang terkesan dan Pertubuhan Masyarakat Sivil (CSOs) (*Civil Society Organisations*) untuk bukti rundingan adil dan/atau mediasi penyelesaian yang dipersetujui bersama.

Indikator 1.6.3. Rekod terkini bagi pertikaian berkaitan isu-isu undang-undang digunakan atau undang-undang adat disediakan termasuk:

- 1) Langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan pertikaian;
- 2) Hasil daripada semua proses penyelesaian pertikaian; dan
- 3) Pertikaian yang tidak diselesaikan, sebab kegagalan penyelesaian dan cara penyelesaian pertikaian.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Rekod rungutan,
 - b) Rekod keputusan dan tindakan penyelesaian pertikaian, dan
 - c) Rekod perjanjian pampasan dan/atau penyelesaian (jika ada).

Indikator 1.6.4. Operasi dihentikan di kawasan terdapat pertikaian:

- 1) yang substansial magnitudnya; atau
- 2) yang substansial tempohnya; atau
- 3) Melibatkan kepentingan yang seberapa.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod perintah berhenti kerja yang dikeluarkan oleh pihak pengurusan di kawasan pertikaian, dan
- 2) Temu bual: Pihak berkepentingan yang terkesan dan pegawai perhubungan masyarakat untuk bukti bahawa operasi telah berhenti di kawasan terkesan.

Kriteria* 1.7. Organisasi* harus mengumumkan komitmennya untuk tidak menawarkan atau menerima rasuah* dalam bentuk wang atau apa-apa bentuk lain dan harus mematuhi undang-undang anti-rasuah bagi yang berkenaan. Sekiranya tiada undang-undang anti-rasuah, Organisasi harus melaksanakan langkah-langkah lain anti-rasuah yang bersesuaian dengan skala* dan intensiti* operasi pengurusan aktiviti dan risiko* rasuah.

Indikator 1.7.1. Polisi yang dilaksanakan perlu merangkumi komitmen untuk tidak menawarkan atau menerima rasuah dalam bentuk wang atau apa-apa bentuk lain, dan memenuhi atau mengatasi undang-undang yang berkenaan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Polisi bertulis yang mematuhi syarat-syarat,
 - b) Salinan perundangan berkaitan, dan
 - c) Bahan-bahan komunikasi (seperti surat pekeliling, notifikasi, poster, dll.) mengenai polisi kepada kakitangan, termasuk kontraktor dan lain-lain pihak berkepentingan.

SLIMF 1.7.1.1. Deklarasi bertulis atau lisan bahawa tidak boleh memberi atau menerima rasuah dalam bentuk wang atau melibatkan diri dalam bentuk rasuah lain yang disampaikan kepada jiran dan pelanggan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Bahan komunikasi (seperti surat pekeliling, pemberitahuan, poster, dsb.) berhubung deklarasi anti-rasuah kepada kakitangan, termasuk kontraktor dan pihak berkepentingan lain, dan
- 2) Temu bual: Pihak berkepentingan perlu menunjukkan pemahaman deklarasi anti-rasuah.

Indikator 1.7.2. Polisi ini tersedia untuk capaian umum tanpa sebarang kos.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Polisi bertulis dan boleh didapati oleh orang awam.

Indikator 1.7.3. Prosedur dilaksanakan bagi memastikan gejala rasuah, paksaan dan lain-lain budaya rasuah tidak berlaku.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Prosedur Operasi Standard (lihat Lampiran G – Garis panduan Prosedur Operasi Standard) untuk mencegah rasuah, dan
- 2) Temu bual: Pengurus, pekerja dan pihak berkepentingan untuk bukti pelaksanaan prosedur mencegah rasuah.

Indikator 1.7.4. Langkah-langkah pembetulan dilaksanakan sekiranya berlaku rasuah.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Rekod siasatan dalaman yang dijalankan,
 - b) Rekod tindakan disiplin yang diambil,
 - c) Rekod langkah-langkah pembetulan yang dilaksanakan (jika ada), dan
- 2) Temu bual: Pengurus, pekerja dan pihak kepentingan untuk bukti pelaksanaan langkah-langkah pembetulan.

Kriteria* 1.8. Organisasi* harus membuktikan komitmen jangka panjang* untuk mematuhi Prinsip-prinsip* dan Kriteria* FSC dalam Unit Pengurusan* dan Polisi dan Standard FSC yang berkaitan. Kenyataan berkaitan komitmen ini harus digariskan dalam dokumen yang tersedia untuk capaian umum* tanpa sebarang kos.

Indikator 1.8.1. Sebuah polisi bertulis, yang diendors oleh individu yang mempunyai kuasa untuk melaksanakan polisi tersebut, termasuk komitmen jangka panjang terhadap amalan pengurusan hutan seiring dengan Prinsip-prinsip dan Kriteria FSC dan Polisi dan Standard FSC yang berkaitan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Polisi bertulis yang diendors oleh pihak berkuasa atas dari Organisasi yang menyatakan komitmen jangka panjang Organisasi berhubung amalan pengurusan perhutanan seiring dengan Prinsip-prinsip dan Kriteria FSC dan Polisi dan Standard FSC yang berkaitan.

Indikator 1.8.2. Polisi ini tersedia untuk capaian umum tanpa sebarang kos.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Dasar bertulis dan boleh diperolehi oleh orang awam.

[**Lihat Lampiran A**](#) (Senarai undang-undang, kaedah-kaedah, triti antarabangsa yang diratifikasi, konvensyen dan perjanjian).

[**Lihat Lampiran G**](#) (Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard)

Prinsip* 2: Hak-hak dan syarat-syarat pekerjaan para pekerja*

Organisasi* harus menyelenggara atau menambahbaik kebajikan sosial dan ekonomi para pekerja*.

Kriteria* 2.1 Organisas* harus menegakkan* prinsip-prinsip dan hak-hak di tempat kerja seperti yang diterangkan dalam Perisytiharan ILO mengenai Prinsip-prinsip Asas dan Hak-hak di Tempat Kerja (1998) berdasarkan kepada lapan Konvensyen Tenaga Kerja Teras ILO*.

Indikator 2.1.1 Organisasi tidak boleh mengambil pekerja berumur di bawah 15 tahun atau di bawah umur minimum seperti yang termaktub di dalam undang-undang atau peraturan kebangsaan atau tempatan – mana-mana umur lebih tinggi.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Polisi/prosedur pekerjaan,
 - b) Rekod pekerjaan (Pendaftaran Umur), dokumen-dokumen pengenalan seperti salinan sijil kelahiran atau kad pengenalan, dan
- 2) Temu bual dan pemeriksaan: Tiada bukti (menerusi temu bual secara rawak dengan para pekerja dan majikan/kontraktor/wakil-wakil kesatuan sekerja/pihak berkuasa dan pemerhatian di lapangan) mengenai buruh kanak-kanak.

Nota: Lihat Lampiran A (Senarai undang-undang yang boleh digunakan, kaedah-kaedah, triti antarabangsa yang diratifikasi, konvensyen-konvensyen dan perjanjian-perjanjian).

Indikator 2.1.2 Tiada sesiapa yang berumur di bawah 18 tahun digaji dalam kerja merbahaya atau kerja-kerja berat kecuali untuk tujuan latihan yang diluluskan di bawah undang-undang negara dan peraturan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Polisi/prosedur pekerjaan,
 - b) Rekod pekerjaan (Pendaftaran Umur), dokumen-dokumen pengenalan seperti salinan sijil kelahiran atau kad pengenalan, dan
- 2) Temu bual dan pemeriksaan: Tiada bukti (menerusi temu bual secara rawak dengan para pekerja dan majikan/kontraktor/wakil-wakil kesatuan sekerja/pihak berkuasa dan pemerhatian di lapangan) berhubung sesiapa yang berumur di bawah 18 tahun bekerja dalam kerja merbahaya atau berat.

Nota: Lihat Lampiran A Senarai undang-undang yang boleh digunakan, kaedah-kaedah, triti antarabangsa yang diratifikasi, konvensyen-konvensyen dan perjanjian-perjanjian.

Indikator 2.1.3 Perhubungan pekerjaan adalah bersifat sukarela dan berdasarkan persetujuan bersama, tanpa ugutan penalti.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Rekod gaji,
 - b) Kontrak pekerjaan dan/atau perjanjian pekerjaan (termasuk salinan untuk para pekerja),
 - c) Rekod pemotongan gaji,
 - d) Rekod pertikaian dan rungutan,
 - e) Rekod agensi-agensi pekerjaan berlesen, dan
- 2) Temu bual dan pemeriksaan: Untuk mengesahkan (menerusi temu bual secara rawak dengan para pekerja dan majikan/kontraktor/wakil-wakil kesatuan sekerja/pihak berkuasa dan pemerhatian di lapangan) bahawa perhubungan pekerjaan adalah bersifat sukarela dan berdasarkan persetujuan bersama, tanpa ugutan penalti.

Indikator 2.1.4 Tiada bukti yang menunjukkan bahawa terdapat sebarang amalan yang menunjukkan buruh paksaan dan kerahan (kerja paksa atau wajib kerja), termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- keganasan fizikal dan seksual
- buruh terikat
- penahanan gaji /termasuk pembayaran yuran pekerjaan dan/atau pembayaran deposit untuk memulakan pekerjaan
- sekatan pergerakan
- memegang passport dan dokumen-dokumen pengenalan diri
- ancaman atau ugutan kepada pihak berkuasa.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Rekod gaji,
 - b) Kontrak pekerjaan dan/atau perjanjian pekerjaan (termasuk salinan untuk para pekerja),
 - c) Rekod pemotongan gaji,
 - d) Rekod pertikaian dan rungutan,
 - e) Rekod agensi-agensi pekerjaan berlesen, jika ada, dan
- 2) Temu bual dan pemeriksaan: Tiada bukti (menerusi temu bual secara rawak dengan para pekerja dan majikan/kontraktor/wakil-wakil kesatuan sekerja/pihak berkuasa dan pemerhatian di lapangan) tentang sebarang amalan yang menunjukkan buruh paksaan dan kerahan, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang tertera di atas.

Indikator 2.1.5 Amalan Perjawatan dan Pekerjaan tidak bersifat diskriminasi.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Rekod gaji,
 - b) Iklan pekerjaan,
 - c) Rekod permohonan pekerjaan,
 - d) Rekod pertikaian dan rungutan,
 - e) Penilaian pekerjaan (penilaian),
 - f) Polisi dan prosedur,
 - g) Rekod nisbah demografi/jantina dalam pekerjaan mengikut jenis pekerjaan (jika ada), dan
- 2) Temu bual: Tiada bukti (menerusi temu bual secara rawak dengan para pekerja dan majikan/kontraktor/wakil-wakil kesatuan sekerja/pihak berkuasa dan pemerhatian di lapangan) tentang amalan pekerjaan yang bersifat diskriminasi.

Indikator 2.1.6 Para Pekerja dibenarkan untuk menubuhan atau menyertai organisasi pekerja pilihan mereka yang tertakluk kepada peraturan organisasi pekerja.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen:
 - a) Polisi dan prosedur,
 - b) Perlembagaan dan peraturan bertulis organisasi pekerja (jika ada), dan
- 2) Temu bual: Para pekerja, wakil-wakil pertubuhan pekerja/kesatuan sekerja, dan pengurusan untuk bukti tentang kebebasan berpersatuan dan hak-hak pertubuhan pekerjaan dihormati.

Indikator 2.1.7 Organisasi menghormati hak-hak pekerja untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang sah di sisi undang-undang berkaitan dengan penubuhan, penyertaan atau membantu sesebuah organisasi pekerja, atau mengelakkan diri daripada berbuat demikian; dan tidak akan mendiskriminasi atau menghukum pekerja dalam mengamalkan hak-hak ini.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Temu bual: Para pekerja, wakil-wakil kesatuan sekerja, dan pengurusan untuk bukti tentang hak-hak pekerja untuk menjalankan aktiviti di atas dihormati.

Indikator 2.1.8 Organisasi mengadakan rundingan dengan organisasi pekerja yang sah di sisi undang-undang dan/atau wakil-wakil pilihan dengan jujur/niat baik dan telah berusaha sebaik mungkin untuk mencapai satu perjanjian rundingan secara kolektif.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod rundingan/perjanjian rundingan secara kolektif (jika ada),
- 2) Temu bual: Para pekerja dan wakil-wakil pertubuhan pekerja yang diiktiraf untuk bukti bahawa rundingan telah dijalankan secara jujur dan telah berusaha sebaik mungkin untuk mencapai satu perjanjian.

Indikator 2.1.9 Perjanjian rundingan secara kolektif dilaksanakan ketika diperlukan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Perjanjian rundingan secara kolektif (jika ada), dan
- 2) Temu bual: Para pekerja dan wakil-wakil pertubuhan pekerja yang diiktiraf untuk bukti pelaksanaan perjanjian.

Kriteria* 2.2. Organisasi* harus mempromosi kesamarataaan jantina dalam bidang pekerjaan, peluang latihan, penganugerahan kontrak, proses penglibatan* dan aktiviti-aktiviti pengurusan.

Indikator 2.2.1. Sistem-sistem yang dilaksanakan untuk mempromosi kesamarataaan jantina dan menghalang diskriminasi berdasarkan jantina dalam amalan pekerjaan, peluang latihan, penganugerahan kontrak, proses penglibatan dan aktiviti-aktiviti pengurusan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Polisi organisasi tentang kesamarataan jantina,
 - b) Dokumentasi yang menyampaikan polisi organisasi tentang kesamarataan jantina (cth. Surat pekeliling atau notifikasi kepada para pekerja, kontraktor dll.),
 - c) Rekod latihan dan program kesihatan & keselamatan yang mematuhi penyertaan wanita yang secukupnya, dan
- 2) Temu bual: Pengurus, pekerja (termasuk wanita) dan pihak berkepentingan untuk bukti tentang pelaksanaan sistem-sistem yang mempromosi kesamarataan jantina dan bagi mengesahkan penyertaan wanita dalam latihan dan program kesihatan & keselamatan.

Indikator 2.2.2. Peluang pekerjaan terbuka kepada wanita dan lelaki atas dasar sama rata dan wanita digalakkan untuk menyertai aktiviti-aktiviti secara aktif pada semua peringkat pekerjaan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Temu bual: Pengurus, pekerja dan pihak berkepentingan (memfokuskan kepada wanita) untuk mengesahkan bahawa wanita dan lelaki mempunyai akses kepada peluang pekerjaan dalam keadaan yang sama dengan wanita digalakkan untuk menyertai aktiviti-aktiviti pada semua peringkat pekerjaan.

Indikator 2.2.3. Kerja yang biasanya dijalankan oleh wanita (tapak semaihan, silvikultur, penuaian, penimbangan, pembungkusan Hasil Hutan Bukan Kayu, dsb.) disertakan dalam program latihan dan kesihatan & keselamatan yang serupa dengan kerja yang secara amnya dilakukan oleh lelaki.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Dokumentasi dan rekod latihan dan program kesihatan & keselamatan
- 2) Temu bual: Pengurus dan pekerja (memfokuskan kepada wanita) untuk mengesahkan bahawa kerja yang secara amnya dijalankan oleh wanita disertakan dalam program latihan dan kesihatan & keselamatan yang serupa dengan kerja yang secara amnya dilakukan oleh lelaki.

Indikator 2.2.4. Wanita dan lelaki dibayar jumlah gaji sama apabila mereka melakukan tugas yang sama.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod gaji, dan
- 2) Temu bual: Pekerja untuk bukti tentang kesamarataan gaji.

Indikator 2.2.5. Bagi wanita, ia dibayar secara terus kepada mereka dengan menggunakan kaedah yang dipersetujui bersama demi memastikan mereka menerima dan menyimpan gaji dengan selamat.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod kaedah pembayaran gaji (cth. pemindahan terus ke bank, pembayaran terus untuk yuran persekolahan, dsb.), dan
- 2) Temu bual: Pekerja yang berkaitan (memfokuskan kepada wanita) untuk bukti tentang penerimaan dan penyimpanan gaji dengan selamat.

Indikator 2.2.6. Cuti bersalin tidak kurang daripada 60 hari selepas melahirkan anak.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod cuti bersalin, dan
- 2) Temu bual: Pekerja yang berkaitan (memfokuskan kepada wanita) untuk bukti tentang cuti bersalin yang disediakan.

Indikator 2.2.7. Cuti paterniti disediakan dan tiada penalti dikenakan bagi yang mengambil cuti berkenaan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod cuti paterniti, dan
- 2) Temu bual: Pekerja yang berkaitan (memfokuskan kepada lelaki) untuk bukti tentang cuti paterniti yang disediakan.

Indikator 2.2.8. Minit mesyuarat, jawatankuasa pengurusan dan forum pengambilan keputusan yang diadakan membabitkan wanita dan lelaki, serta bagi memudahkan penyertaan aktif kedua-dua jantina.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod dan senarai penyertaan dalam mesyuarat, jawatankuasa dan forum, dan
- 2) Temu bual: Pekerja (wanita dan lelaki) untuk mengesahkan bahawa tiada diskriminasi berdasarkan jantina dalam konteks minit mesyuarat, jawatankuasa pengurusan dan forum pengambilan keputusan.

Indikator 2.2.9. Mekanisme sulit dan efektif wujud untuk pelaporan dan penghapusan kes-kes gangguan seksual dan diskriminasi berdasarkan jantina, taraf perkahwinan, keibubapaan, atau orientasi seksual.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Prosedur Operasi Standard (lihat Lampiran G - Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard),
 - b) Laporan kes (jika ada), dan
- 2) Temu bual: Pengurus, pekerja, kontraktor dan wakil-wakil kesatuan sekerja dan lain-lain pihak berkepentingan yang relevan bagi bukti tiada diskriminasi berdasarkan jantina dan gangguan seksual serta kesedaran tentang mekanisme pelaporan.

Kriteria* 2.3. Organisasi* harus melaksanakan amalan kesihatan dan keselamatan untuk melindungi para pekerja* daripada keselamatan dan kesihatan pekerjaan. Amalan-amalan ini hendaklah selari dengan skala, intensiti dan risiko aktiviti-aktiviti pengurusan, memenuhi atau mengatasi pengesyoran Kod Amalan ILO bagi Keselamatan dan Kesihatan dalam Kerja Perhutanan.

Indikator 2.3.1. Amalan kesihatan dan keselamatan dibangunkan dan dilaksanakan untuk semua pekerja (termasuk pekerja yang menuai dan memproses hasil hutan bukan kayu) yang memenuhi atau melebihi Kod Amalan ILO mengenai Keselamatan dan Kesihatan dalam Kerja Perhutanan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Surat pekeliling tentang undang-undang dan peraturan meliputi kesihatan dan keselamatan pekerja,
 - b) Polisi keselamatan dan kesihatan pekerjaan organisasi,
 - c) Prosedur Operasi Standard (lihat Lampiran G – Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard) dan/atau arahan kerja, dipaparkan dengan jelas di tapak kerja dan dalam bahasa yang mudah difahami oleh para pekerja dalam bidang perhutanan,
 - d) Rekod penyelenggaraan jentera,
- 2) Temu bual:
 - a) Pengurus, kakitangan dan/atau kontraktor perhutanan yang menunjukkan pemahaman terhadap undang-undang yang berkaitan,
 - b) Pegawai kerajaan dan pihak berkepentingan/pihak yang mempunyai sumber yang berkaitan untuk bukti amalan kesihatan dan keselamatan organisasi dicapai atau mengatasi Kod Amalan ILO, dan
- 3) Pemeriksaan: Tempat kerja dan jentera, termasuk infrastruktur.

SLIMF 2.3.1.1: Setiap pekerja diberitahu tentang langkah-langkah kesihatan dan keselamatan yang sepadan dengan aktiviti yang dilakukannya, dan langkah ini mencapai atau melebihi Kod Amalan ILO mengenai Keselamatan dan Kesihatan dalam Kerja Perhutanan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Prosedur Operasi Standard (lihat Lampiran G – Garis Panduan mengenai Prosedur Operasi Standard) dan/atau arahan kerja, dipaparkan dengan jelas di tapak kerja dan dalam bahasa yang boleh difahami oleh para pekerja dalam bidang perhutanan,
 - b) Rekod penyelenggaraan jentera,
- 2) Temu bual: Pengurus Hutan, pekerja dan/atau kontraktor untuk menunjukkan pemahaman terhadap undang-undang yang berkaitan dan Kod Amalan ILO, dan
- 3) Pemeriksaan: Tempat kerja dan jentera, termasuk infrastruktur.

Nota: Lihat Lampiran A (Senarai undang-undang yang boleh digunakan, kaedah-kaedah, triti antarabangsa yang diratifikasi, konvensyen-konvensyen dan perjanjian-perjanjian).

Indikator 2.3.2. Pekerja, termasuk pekerja yang menuai dan memproses hasil hutan bukan kayu, mempunyai peralatan perlindungan diri yang bersesuaian dengan tugas yang diamanahkan kepada mereka.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-Dokumen: Rekod pemberian kelengkapan perlindungan diri, dan
- 2) Temu bual: Pengurus dan pekerja untuk bukti penyediaan kelengkapan perlindungan diri.

Indikator 2.3.3. Penggunaan peralatan perlindungan diri dikuatkuasakan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod tindakan disiplin diambil terhadap pekerja yang gagal menggunakan kelengkapan perlindungan diri (jika ada),
- 2) Temu bual: Pengurus dan pekerja untuk bukti penguatkuasaan (bagi penggunaan) kelengkapan perlindungan diri, dan
- 3) Pemeriksaan: Penggunaan kelengkapan perlindungan diri oleh pekerja.

Indikator 2.3.4. Rekod disimpan bagi kesihatan termasuk kadar kemalangan dan kehilangan masa akibat kemalangan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Laporan kesihatan dan kemalangan,
 - b) Rekod kemalangan (Organisasi), dan
 - c) Rekod kemalangan (Jabatan Keselamatan dan Kesihatan), dan
 - d) Analisis kesihatan (termasuk kadar kemalangan dan kehilangan masa akibat kemalangan).

SLIMF 2.3.4.1. Penggunaan langkah-langkah kesihatan dan keselamatan oleh pekerja diperiksa dan diketahui.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Temu bual: Pengurus dan pekerja untuk mendapatkan bukti pemberian peralatan pelindungan diri dan mengetahui langkah-langkah kesihatan dan keselamatan, dan
- 2) Pemeriksaan: Tempat kerja dan jentera, termasuk infrastruktur.

Indikator 2.3.5 Amalan keselamatan diselenggara dan dikaji setiap tahun.

Pengesah-Pengesah:

1) Dokumen-dokumen:

- a) Amalan kesihatan & keselamatan didokumenkan, dan
- b) Kajian/semakan semula amalan kesihatan & keselamatan.

Indikator 2.3.6. Kekerapan dan tahap keseriusan kemalangan sentiasa berada di paras rendah berbanding nilai purata industri perhutanan nasional.

Pengesah-Pengesah:

1) Dokumen-dokumen:

- a) Analisis kesihatan (termasuk kadar kemalangan, kematian dan hilang upaya kekal secara menyeluruh),
- b) Angka purata kemalangan industri perhutanan kebangsaan, dan
- c) Analisis perbandingan bagi kekerapan dan tahap keseriusan kemalangan dengan nilai purata industri perhutanan.

SLIMF 2.3.6.1. Kadar kemalangan adalah rendah berbanding dengan purata industri hutan negara.

Pengesah-Pengesah:

1) Dokumen-dokumen:

- a) Analisis kemalangan, dan
- b) Analisis yang membandingkan kekerapan dan tahap keseriusan kemalangan dengan purata industri hutan negara.

Kriteria* 2.4. Organisasi* harus membayar gaji yang memenuhi atau melebihi standard minimum industri perhutanan* atau lain-lain perjanjian gaji industri perhutanan yang diiktiraf atau gaji sara hidup*, di mana ia lebih tinggi daripada gaji minimum yang sah di sisi undang-undang*. Apabila tidak terdapat satu pun daripada apa yang dinyatakan di atas, Organisasi harus, menerusi penglibatan / rundingan* bersama dengan para pekerja membentuk mekanisme bagi menentukan gaji sara hidup *.

Indikator 2.4.1. Gaji yang dibayar oleh Organisasi dalam semua keadaan memenuhi atau melebihi kadar gaji minimum yang sah di sisi undang-undang di Malaysia.

Pengesah-Pengesah:

1) Dokumen-dokumen:

- a) Rekod gaji/slip gaji pekerja (termasuk pekerja kontrak dan bayaran lebih masa),
- b) Kadar gaji minimum yang sah di sisi undang-undang, dan

- 2) Temu bual: Pekerja (termasuk pekerja kontrak) untuk bukti bahawa gaji yang dibayar memenuhi atau melebihi kadar gaji minimum yang sah di sisi undang-undang.

Nota: Lihat Lampiran A (Senarai undang-undang yang digunakan, kaedah-kaedah, triti antarabangsa yang diratifikasi, konvensyen-konvensyen dan perjanjian-perjanjian).

Indikator 2.4.2. Gaji yang dibayar memenuhi atau melebihi:

- 1) Tahap minimum standard industri perhutanan; atau
- 2) Lain-lain perjanjian gaji industri perhutanan yang diiktiraf; atau
- 3) Gaji sara hidup yang lebih tinggi dari gaji minimum yang sah di sisi undang-undang.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Rekod gaji/slip gaji pekerja,
 - b) Data gaji dan perjanjian dari persatuan industri perkayuan kebangsaan dan/atau pihak berkuasa kerajaan yang relevan, dan
 - c) Pengiraan gaji kehidupan wajar.

Indikator 2.4.3. Gaji dan kontrak dibayar tepat pada waktunya dan mematuhi undang-undang tempatan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod pembayaran pekerja, dan
- 2) Temu bual: Pekerja dan kontraktor bagi bukti bahawa gaji dan kontrak dibayar tepat pada masa.

Kriteria* 2.5 Organisasi* harus menunjukkan bahawa pekerja* diberi latihan spesifik mengikut tugasannya dan penyeliaan ketika pelaksanaan Pelan Pengurusan* dan semua aktiviti pengurusan dengan selamat dan berkesan.

Indikator 2.5.1. Pekerja, termasuk pekerja yang menuai dan memproses hasil hutan bukan kayu, mempunyai latihan dan penyeliaan khusus kerja untuk menyumbang secara selamat dan berkesan kepada pelaksanaan pelan pengurusan dan semua aktiviti pengurusan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Rekod program-program latihan, penilaian dan kehadiran,
 - b) Persijilan kemahiran atau latihan, dan
- 2) Temu bual: Pekerja untuk bukti latihan dan penyeliaan yang mencukupi.

Nota: Lampiran B (Keperluan latihan untuk pekerja) menyediakan garis panduan tentang syarat-syarat latihan.

Indikator 2.5.2. Rekod latihan terkini untuk semua pekerja yang relevan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod latihan.

Kriteria* 2.6 Organisasi* menerusi rundingan* dengan para pekerja* harus mempunyai mekanisme untuk menyelesaikan rungutan dan menyediakan pampasan yang adil* untuk pekerja bagi kerugian atau kerosakan kepada harta benda, penyakit akibat pekerjaan*, atau kecederaan akibat pekerjaan* yang dialami sewaktu bekerja untuk Organisasi*.

Indikator 2.6.1. Terdapat proses penyelesaian pertikaian, yang dibangunkan menerusi rundingan yang bersesuaian dengan budaya pekerja.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Proses penyelesaian pertikaian didokumenkan,
 - b) Rekod rundingan bersama pekerja berhubung perkembangan prosedur rungutan pertikaian, dan
- 2) Temu bual: Pengurus, pekerja dan wakil-wakil kesatuan sekerja perhutanan untuk bukti tentang proses pelaksanaan penyelesaian pertikaian dan rundingan bersama yang sesuai (pekerja).

Indikator 2.6.2. Rungutan pekerja dikenalpasti dan ditangani dan sama ada diselesaikan atau masih dalam proses penyelesaian Pertikaian.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod rungutan, dan
- 2) Temu bual: Pengurus, pekerja dan wakil-wakil kesatuan sekerja untuk bukti tentang keberkesanan proses penyelesaian pertikaian Organisasi yang dilaksanakan.

Indikator 2.6.3. Rekod terkini mengenai rungutan pekerja berhubung dengan kerugian atau kerosakan pada harta benda, penyakit akibat pekerjaan, atau kecederaan akibat pekerjaan diselenggara termasuk:

- 1) Langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan rungutan;
- 2) Ekoran dari segala proses penyelesaian pertikaian termasuk pampasan adil/saksama; dan
- 3) Pertikaian yang tidak diselesaikan, sebab kenapa ia tidak diselesaikan, dan bagaimana ia akan diselesaikan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod rungutan.

Indikator 2.6.4. Pampasan adil/saksama diberikan kepada pekerja bagi kerugian atau kerosakan pada harta benda berkaitan pekerjaan dan penyakit akibat pekerjaan, atau kecederaan akibat pekerjaan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod pampasan yang adil dibayar kepada pekerja, dan
- 2) Temu bual: Pekerja yang relevan untuk bukti bahawa pampasan yang adil telah dibayar.

[Lihat Lampiran B](#) (Syarat latihan untuk pekerja)

[Lihat Lampiran G](#) (Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard)

[Lebihan halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

Prinsip* 3: Hak-hak Orang Asal/Asli*

Organisasi* harus mengenalpasti dan menegakkan* hak undang-undang* dan hak-hak adat* Orang Asal/Asli* bagi pemilikan, penggunaan dan pengurusan tanah, wilayah dan sumber-sumber yang terkesan akibat aktiviti-aktiviti pengurusan.

Kriteria* 3.1. Organisasi* harus mengenalpasti mengenai orang asal/asli* yang berada dalam lingkungan Unit Pengurusan* atau mereka yang terkesan akibat aktiviti pengurusan. Seterusnya, Organisasi harus, menerusi rundingan* bersama dengan Orang Asal/Asli* ini, mengenalpasti hak-hak mereka berhubung tempoh pegangan*, hak-hak mereka untuk mengakses dan menggunakan sumber-sumber hutan* dan perkhidmatan-perkhidmatan ekosistem, hak-hak adat dan hak-hak undang-undang* dan obligasi mereka yang digunakan dalam lingkungan Unit Pengurusan*. Organisasi* harus turut mengenalpasti kawasan di mana hak-hak ini dicabar.

Indikator 3.1.1. Orang Asal/Asli yang mungkin terkesan akibat aktiviti pengurusan dapat dikenalpasti.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Rekod tentang kaedah-kaedah yang digunakan oleh Organisasi untuk mengenalpasti semua Orang Asal/Asli yang mungkin terkesan akibat aktiviti pengurusan, dan
 - b) Senarai mengenai semua Orang Asal/Asli yang berada dalam lingkungan dan di luar Unit Pengurusan yang mungkin terkesan akibat aktiviti pengurusan. Senarai ini harus termasuk ciri-ciri utama Orang Asal/Asli yang berkaitan, termasuk kumpulan etnik, bilangan keluarga, populasi, dll.

Indikator 3.1.2. Menerusi rundingan bersama bersesuaian dengan budaya dengan Orang Asal/Asli yang dikenalpasti dalam 3.1.1, perkara berikut didokumentkan dan/atau dipetakan:

- 1) Hak-hak undang-undang dan hak-hak adat mereka dalam tempoh pegangan;
- 2) Akses untuk menggunakan undang-undang dan adat, serta hak mereka ke atas sumber-sumber hutan dan perkhidmatan ekosistem;
- 3) Hak-hak undang-undang dan hak-hak adat serta obligasi mereka yang digunakan;
- 4) Bukti yang menyokong hak-hak dan obligasi ini;
- 5) Kawasan di mana hak-hak ini dicabar antara Orang Asal/Asli, kerajaan dan/atau lain-lain;
- 6) Ringkasan bagi mengetahui bagaimakah hak-hak undang-undang and hak-hak adat dicabar ini dapat ditangani oleh Organisasi;
- 7) Aspirasi dan matlamat Orang Asal/Asli berkaitan aktiviti pengurusan, Landskap Hutan Utuh dan Landskap Budaya Orang Asli.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen dan temu bual: Strategi rundingan komuniti dan bukti pelaksanaannya, menerusi temu bual dan pemeriksaan rekod,
- 2) Dokumen-dokumen:
 - a) Peta dan lain-lain rekod yang relevan bagi mengenalpasti semua tanah atau wilayah Orang Asal/Asli dalam lingkungan Unit Pengurusan,
 - b) Rekod rundingan bersama dengan Orang Asal/Asli (menunjukkan konsultasi telah dijalankan dan diakhiri dengan tandatangan yang diturunkan oleh wakil Orang Asal/Asli),
 - c) Rekod dan Dokumen-dokumen yang mengenalpasti semua hak utama Orang Asal/Asli dalam lingkungan Unit Pengurusan kepada tempoh pegangan, sumber, kepentingan adat, rekreasi, mata pencarian, sumber air dan lain-lain perkhidmatan ekosistem yang digunakan,
 - d) Rekod dokumen sokongan dengan fakta sejarah, rekod/sejarah oral (cth. rakaman, dll.) bagi menyokong tuntutan yang dibuat oleh Orang Asal/Asli,
 - e) Rekod dan peta bagi semua kawasan di mana hak-hak dicabar telah dikenalpasti. Ini harus termasuk informasi sejarah (cth. penempatan, penggunaan, dokumentasi daripada kerajaan terdahulu, dll.) bagi Orang Asal/Asli dalam kawasan berkenaan,
 - f) Rekod konsultasi termasuk sekurang-kurangnya daripada satu agensi kerajaan, Pertubuhan Organisasi Sivil (CSO) (*Civil Society Organisations*) atau pakar akademik, dan
- 3) Temu bual: Orang Asal/Asli dan Pertubuhan-pertubuhan Organisasi Sivil (CSOs) (*Civil Society Organisations*) untuk bukti yang menunjukkan rundingan bersama telah diadakan dan berpuas hati dengan dokumentasi/pemetaan yang dijalankan.

Kriteria* 3.2. Organisasj* harus mengenalpasti dan menebakkan* hak undang-undang dan hak-hak adat* Orang Asal/Asli* untuk mengekalkan kawalan ke atas aktiviti pengurusan dalam lingkungan atau berkaitan dengan Unit Pengurusan* yang diperlukan untuk melindungi hak-hak, sumber dan tanah dan wilayah* mereka. Orang Asal/Asli menyerahkan kawalan ke atas aktiviti pengurusan kepada pihak ketiga memerlukan Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan (Free, Prior and Informed Consent)*.

Indikator 3.2.1. Menerusi rundingan bersama bersesuaian dengan budaya, Orang Asal/Asli dimaklumkan bila, di mana dan bagaimana mereka boleh memberi komen dan meminta agar modifikasi dilakukan ke atas aktiviti pengurusan yang boleh melindungi hak-hak, sumber, tanah dan wilayah mereka.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Rekod rundingan bersama,
 - b) Modifikasi ke atas aktiviti pengurusan seperti yang diminta oleh Orang Asal/Asli, dan
- 2) Temu bual: Orang Asal/Asli untuk bukti bahawa mereka telah dimaklumkan oleh Organisasi.

Indikator 3.2.2. Hak-hak undang-undang dan/atau hak-hak adat Orang Asal/Asli tidak dilanggar oleh Organisasi.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Temu bual:
 - a) Orang Asal/Asli untuk bukti bahawa Hak-hak undang-undang dan/atau hak-hak adat mereka tidak dilanggar oleh Organisasi, dan
 - b) Pekerja yang berkaitan menunjukkan kesedaran mereka mengenai hak-hak undang-undang dan hak-hak adat Orang Asal/Asli berkaitan dengan aktiviti pengurusan di lapangan.

Indikator 3.2.3. Terdapat bukti bahawa undang-undang dan/atau hak-hak adat Orang Asal/Asli berkaitan dengan aktiviti pengurusan yang telah melanggar hak-hak mereka telah diatasi, sekiranya diperlukan, menerusi rundingan bersama bersesuaian dengan budaya dan/atau menerusi proses penyelesaian pertikaian seperti yang dinyatakan dalam Kriteria 1.6 atau 4.6.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Perjanjian antara Organisasi dan Orang Asal/Asli (jika ada),
 - b) Rekod rundingan atau/dan proses penyelesaian percanggahan, dan
- 2) Temu bual: Orang Asal/Asli untuk bukti bahawa situasi telah diselesaikan dengan baik sekali.

Indikator 3.2.4 Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan diberikan oleh Orang Asal/Asli sebelum aktiviti pengurusan yang menjelaskan hak-hak mereka dikenalpasti menerusi satu proses yang merangkumi:

- 1) Memastikan Orang Asal/Asli mengetahui hak-hak dan obligasi mereka tentang sumber;
- 2) Memaklumkan kepada Orang Asal/Asli mengenai nilai sumber, dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar;
- 3) Memaklumkan kepada Orang Asal/Asli tentang hak mereka untuk menahan atau memodifikasi persetujuan mereka terhadap cadangan aktiviti pengurusan bagi melindungi hak-hak, sumber, tanah dan wilayah mereka; dan
- 4) Memaklumkan kepada Orang Asal/Asli tentang aktiviti pengurusan hutan terkini dan rancangan masa hadapan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Perjanjian antara Organisasi dan Orang Asal/Asli (jika ada),
 - b) Rekod rundingan bersama/konsultasi termasuk prosiding berkaitan dengan syarat-syarat berkaitan seperti di atas, dan

- 2) Temu bual: Orang Asal/Asli untuk bukti bahawa Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan telah diberikan.

Indikator 3.2.5. Sekiranya proses Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan belum lagi dimeterai sebagai sebuah perjanjian, Organisasi dan Orang Asal/Asli yang terjejas akan melibatkan diri dalam proses FPIC yang dipersetujui bersama dan bergerak ke hadapan dengan niat baik dan di mana komuniti tersebut berpuas hati dengannya.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Proses FPIC dipersetujui bersama didokumenkan (jika ada),
 - b) Rekod rundingan/konsultasi termasuk prosiding yang berkaitan dengan keperluan di atas, dan
- 2) Temu bual: Orang Asal/Asli untuk mendapatkan bukti bahawa rundingan bergerak ke hadapan menerusi proses FPIC yang dipersetujui bersama secara positif dan komuniti tersebut berpuas hati dengan perkembangan.

Kriteria* 3.3. Sekiranya terdapat penyerahan kawalan ke atas aktiviti pengurusan, satu perjanjian terikat antara Organisasi* dan Orang Asal/Asli* harus diadakan menerusi Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan*. Perjanjian tersebut harus mentakrifkan tempoh, peruntukan bagi rundingan semula, pembaharuan, penamatan, keadaan ekonomi dan lain-lain terma dan syarat. Perjanjian itu harus membuat peruntukan berkaitan pemantauan oleh Orang Asal/Asli tentang pematuhan Organisasi kepada terma dan syaratnya.

Indikator 3.3.1. Apabila kawalan ke atas aktiviti pengurusan telah diberikan menerusi Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan berdasarkan rundingan bersama bersesuaian dengan budaya, perjanjian mengikat mengandungi tempoh, peruntukan bagi rundingan semula, pembaharuan, penamatan, keadaan ekonomi dan lain-lain terma dan syarat.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Perjanjian terikat,
 - b) Rekod rundingan bersama, dan
- 2) Temu bual: Orang Asal/Asli dan Pertubuhan-pertubuhan Masyarakat Sivil (CSOs) untuk bukti bahawa terdapat rundingan bersama yang memuaskan dan Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan telah diberikan.

Indikator 3.3.2. Rekod perjanjian mengikat diselenggara.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod berkaitan dengan perjanjian mengikat.

Indikator 3.3.3. Perjanjian terikat mengandungi peruntukan berkaitan pemantauan oleh Orang Asal/Asli tentang pematuhan terma dan syarat oleh Organisasi.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Perjanjian terikat,
 - b) Laporan bertulis atau rekod oral daripada Orang Asal/Asli,
 - c) Bukti berdokumen tentang pematuhan syarat-syarat perjanjian diikat, dan
- 2) Temu bual: Orang Asal/Asli untuk bukti pematuhan syarat-syarat perjanjian diikat.

Kriteria* 3.4 Organisasi* harus mengiktiraf dan menegakkan* hak undang-undang dan hak-hak adat Orang Asal/Asli* seperti yang ditakrifkan dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu terhadap orang asal* (2007) dan Konvensyen* ILO 169 (1989).

Indikator 3.4.1. Harus ada satu deklarasi/polisi yang tersedia untuk capaian umum yang diendors oleh pengurusan kanan Organisasi yang secara eksplisit menyatakan bahawa Organisasi hendaklah mengiktiraf dan menegakkan hak undang-undang dan hak-hak adat Orang Asal/Asli seperti yang ditakrifkan dalam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu terhadap Orang Asal/Asli (*United Nations Declaration on the Rights of Indigenous Peoples*) (2007) (UNDRIP) dan Konvensyen ILO 169 (1989).

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Deklarasi/polisi.

Nota: Lihat Lampiran A (Senarai undang-undang yang boleh digunakan, kaedah-kaedah, triti antarabangsa yang diratifikasi, konvensyen-konvensyen dan perjanjian-perjanjian).

Indikator 3.4.2. Hak-hak, adat dan kebudayaan Orang Asal/Asli seperti yang ditakrifkan dalam UNDRIP dan Konvensyen ILO 169 tidak dilanggar oleh Organisasi.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod latihan yang diberikan kepada pekerja yang relevan (untuk menunjukkan pemahaman mereka tentang UNDRIP dan Konvensyen ILO 169 tentang hak-hak, adat dan kebudayaan Orang Asal/Asli),
- 2) Temu bual:
 - a) Orang Asal/Asli dan pihak berkepentingan yang relevan untuk membuktikan hak-hak, adat dan kebudayaan Orang Asal/Asli tidak dilanggar oleh Organisasi, dan

- b) Pengurus hutan dan/atau pegawai yang relevan bagi Organisasi dan/atau mana-mana pihak luar yang ditugaskan (dikontrakkan untuk membantu Organisasi dalam usaha mengiktiraf dan menegakkan hak-hak Orang Asal/Asli) untuk menunjukkan kesedaran terhadap hak-hak, adat dan kebudayaan Orang Asal/Asli seperti yang ditakrifkan dalam UNDRIP dan Konvensyen ILO 169.

Indikator 3.4.3. Sekiranya terdapat bukti bahawa hak-hak, adat dan kebudayaan Orang Asal/Asli, seperti yang ditakrifkan dalam UNDRIP dan Konvensyen ILO 169, telah dilanggar oleh Organisasi, situasi sedemikian telah didokumenkan, termasuk langkah-langkah yang diambil untuk memulihkan hak-hak, adat dan kebudayaan Orang Asal/Asli menurut kepuasan pemegang-pemegang hak.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Dokumentasi bagi langkah-langkah relevan yang diambil Organisasi, dan
- 2) Temu bual: Orang Asal/Asli untuk bukti bahawa situasi sedemikian telah didokumenkan dan hak-hak, adat dan kebudayaan mereka telah dikembalikan dengan memuaskan.

Kriteria* 3.5., Organisasi* menerusi rundingan* dengan Orang Asal/Asli*, harus mengenalpasti tapak-tapak khas yang penting untuk budaya, ekologi, ekonomi, agama atau bersifat kerohanian kepada Orang Asal/Asli yang memegang hak undang-undang* atau hak-hak adat*. Tapak-tapak ini harus diiktiraf oleh Organisasi dan pihak pengurusannya, dan/atau perlindungan* harus dipersetujui menerusi rundingan* bersama dengan Orang Asal/Asli* ini.

Indikator 3.5.1. Tapak-tapak dengan budaya khas, ekologi, ekonomi, agama atau bersifat kerohanian kepada Orang Asal/Asli yang memegang hak undang-undang atau hak-hak adat dikenalpasti menerusi rundingan bersama bersesuaian dengan budaya.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Peta yang menunjukkan tapak-tapak dengan budaya khas, ekologi, ekonomi, agama atau bersifat kerohanian dan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan, dan
 - b) Rekod rundingan bersama menerusi pendekatan dengan penyertaan Orang Asal/Asli dan wakil-wakil mereka untuk tujuan pengenalphastian dan pemetaan tapak.

Indikator 3.5.2. Langkah-langkah yang diambil untuk melindungi tapak-tapak tersebut dipersetujui, didokumentasi dan dilaksanakan menerusi rundingan bersama bersesuaian dengan budaya dengan Orang Asal/Asli. Apabila Orang Asal/Asli memastikan bahawa pengenalphastian fizikal bagi tapak-tapak dalam bentuk dokumen atau atas peta akan mengancam nilai atau perlindungan tapak-tapak tersebut, maka cara lain akan digunakan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Rekod rundingan bersama dengan Orang Asal/Asli dan/atau pihak berkepentingan yang relevan,
 - b) Dokumentasi mengenai langkah-langkah untuk melindungi tapak-tapak tersebut,
 - c) Peta operasi,
- 2) Temu bual:
 - a) Orang Asal/Asli untuk bukti tentang rundingan bersama yang memuaskan dan langkah-langkah yang dilaksanakan,
 - b) Pengurus hutan untuk bukti bagi langkah-langkah yang dilaksanakan, dan
- 3) Pemeriksaan: Langkah-langkah yang dilaksanakan di lapangan untuk melindungi tapak-tapak tersebut.

Indikator 3.5.3. Sejurus tapak-tapak kepentingan budaya, ekologi, ekonomi, agama atau kepentingan rohani baharu ditemukan, aktiviti pengurusan akan dihentikan serta-merta di kawasan sekitar sehingga langkah-langkah perlindungan telah dipersetujui dengan Orang Asal/Asli.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Rekod latihan bagi pekerja yang relevan (untuk mengenalpasti tapak-tapak ini dan melaksanakan langkah-langkah yang perlu bagi melindungi tapak-tapak ini sebelum memulakan aktiviti pengurusan demi mengelakkan sebarang kesan negatif),
 - b) Rekod perintah berhenti kerja yang dikeluarkan oleh pengurusan apabila tapak-tapak baharu ditemukan.
- 2) Temu bual:
 - a) Pengurus hutan dan/atau pegawai relevan bagi Organisasi dan/atau mana-mana pihak luar yang ditugaskan (dikontrakkan untuk membantu Organisasi dalam usaha mengiktiraf dan menegakkan hak-hak Orang Asal/Asli) dan pekerja yang relevan untuk menunjukkan pemahaman tentang cara pengenalpastian tapak-tapak ini dan melaksanakan langkah-langkah perlindungan, dan
 - b) Orang Asal/Asli untuk bukti tentang mereka dimaklumkan apabila tapak-tapak baharu ditemukan dan aktiviti pengurusan dihentikan.

Kriteria 3.6. Organisasi* harus menegakkan* hak Orang Asal/Asli* bagi melindungi* dan menggunakan Ilmu Tradisional* mereka dan harus membayar pampasan kepada komuniti setempat* bagi penggunaan ilmu tersebut dan harta intelek mereka. Satu perjanjian terikat* menurut Kriteria 3.3 harus diadakan antara Organisasi dan Orang Asal/Asli sebelum mengaplikasikannya menerusi Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan* dan ia harus konsisten dengan perlindungan* hak-hak harta intelek.

Indikator 3.6.1. Ilmu tradisional dan harta intelek dilindungi dan hanya digunakan apabila pemilik mengiktiraf bahawa Ilmu tradisional dan harta intelek tersebut memberikan Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan diformalisasi menerusi perjanjian yang mengikat.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Deklarasi/polisi oleh Organisasi yang menyatakan secara eksplisit bahawa ia harus mengiktiraf dan menegakkan hak-hak Orang Asal/Asli untuk melindungi dan menggunakan Ilmu Tradisional mereka,
 - b) Rekod penggunaan bersama Ilmu Tradisional (jika ada),
 - c) Perjanjian terikat, dan
- 2) Temu bual: Pemegang yang berilmu Tradisional untuk bukti bahawa Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan mereka telah diberikan.

Indikator 3.6.2. Orang Asal/Asli dibayar pampasan mengikut perjanjian mengikat yang dicapai menerusi Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan bagi menggunakan ilmu tradisional dan harta intelek.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Perjanjian terikat, dan
 - b) Rekod rundingan bersama dan pampasan dan/atau perkongsian kelebihan.

Lihat Lampiran A (Senarai undang-undang yang boleh digunakan, kaedah-kaedah, triti antarabangsa yang diratifikasi, konvensyen-konvensyen dan perjanjian-perjanjian)

Prinsip* 4: Hubungan komuniti

Organisasi* harus menyumbang ke arah penyelenggaraan atau peningkatan kebajikan sosial dan ekonomi komuniti setempat*.

Kriteria* 4.1. Organisasi* harus mengenalpasti komuniti setempat* yang berada dalam lingkungan Unit Pengurusan* dan yang terkesan akibat aktiviti pengurusan. Organisasi seharusnya, menerusi rundingan bersama* dengan komuniti setempat, mengenalpasti hak-hak tempoh pegangan*, hak-hak mereka untuk mengakses dan menggunakan sumber-sumber perhutanan* dan perkhidmatan ekosistem*, hak-hak adat* dan hak-hak undang-undang* serta obligasi yang digunakan dalam lingkungan Unit Pengurusan*.

Indikator 4.1.1. Komuniti setempat yang berada dalam lingkungan Unit Pengurusan dan yang terkesan akibat aktiviti pengurusan dikenalpasti.

Pengesah-Pengesah:

1) Dokumen-dokumen:

- a) Rekod kaedah yang digunakan oleh Organisasi untuk mengenalpasti semua komuniti setempat yang berada dalam lingkungan Unit Pengurusan dan yang terkesan akibat aktiviti pengurusan, dan
- b) Senarai semua komuniti setempat yang berada dalam lingkungan Unit Pengurusan dan yang terkesan akibat aktiviti pengurusan.

Indikator 4.1.2. Menerusi rundingan bersama bersesuaian dengan budaya dengan komuniti setempat, yang dikenalpasti dalam 4.1.1, berikut didokumenkan dan/atau dipetakan:

- 1) Hak undang-undang mereka dan hak-hak adat dalam tempoh pegangan;
- 2) Hak undang-undang dan hak-hak adat untuk mengakses dan hak penggunaan sumber-sumber perhutanan dan perkhidmatan ekosistem
- 3) Hak undang-undang dan hak-hak adat mereka serta obligasi yang digunakan;
- 4) Bukti yang menyokong hak-hak dan obligasi ini;
- 5) Kawasan di mana hak-hak dicabar antara komuniti setempat, kerajaan dan/atau lain-lain.
- 6) Ringkasan bagi cara Hak undang-undang dan hak-hak adat dan hak yang dicabar dapat ditangani oleh Organisasi; dan
- 7) Aspirasi dan matlamat komuniti setempat yang berkaitan dengan aktiviti pengurusan.

Pengesah-Pengesah:

1) Dokumen-dokumen:

- a) Strategi rundingan komuniti dan bukti pelaksanaannya menerusi temu bual dan pemeriksaan rekod,
- b) Rekod rundingan bersama dengan komuniti setempat,

- c) Rekod yang menggambarkan konsultasi telah dijalankan dan dirumuskan menerusi wakil komuniti setempat yang menurunkan tanda tangan,
 - d) Rekod dan dokumen-dokumen mengenalpasti semua hak utama komuniti setempat dalam lingkungan dan bersebelahan dengan Unit Pengurusan, tempoh pegangan, sumber, kepentingan adat, rekreasi, mata pencarian, sumber air dan lain-lain perkhidmatan ekosistem yang digunakan,
 - e) Rekod sokongan bagi dokumen-dokumen bersejarah, rekod/sejarah oral (cth. rakaman, dll.) untuk menyokong dakwaan yang dibuat oleh komuniti setempat, dan
- 2) Temu bual: Komuniti setempat untuk bukti tentang rundingan bersama dan berpuas hati dengan dokumentasi/pemetaan yang dijalankan.

Kriteria* 4.2. Organisasi* harus mengiktiraf dan menegakkan* hak-hak undang-undang* dan hak-hak adat komuniti setempat* bagi mengekalkan kawalan ke atas aktiviti pengurusan dalam lingkungan atau berkaitan dengan Unit Pengurusan* di mana perlunya untuk melindungi hak, sumber, tanah dan wilayah mereka. Pengagihan oleh komuniti setempat bagi kawalan ke atas aktiviti pengurusan kepada pihak ketiga memerlukan Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan.

Indikator 4.2.1. Menerusi rundingan bersama bersesuaian dengan budaya komuniti setempat akan dimaklumkan bila, di mana dan bagaimana mereka boleh memberi komen dan memohon agar modifikasi dilakukan ke atas aktiviti pengurusan yang boleh melindungi hak-hak mereka.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Rekod rundingan bersama,
 - b) Modifikasi ke atas aktiviti pengurusan seperti yang diminta oleh komuniti setempat, dan
- 2) Temu bual: Komuniti setempat untuk bukti bahawa mereka telah dimaklumkan oleh Organisasi.

Indikator 4.2.2. Hak-hak undang-undang dan/atau hak-hak adat komuniti setempat untuk mengekalkan kawalan ke atas aktiviti tidak dilanggar oleh Organisasi.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Temu bual: Komuniti setempat untuk bukti bahawa hak-hak undang-undang dan/atau hak-hak adat tidak dilanggar oleh Organisasi.

Indikator 4.2.3. Apabila terdapat bukti bahawa hak-hak undang-undang dan/atau hak-hak adat komuniti setempat berkaitan dengan aktiviti pengurusan telah dilanggar, keadaan telah dibetulkan, jika perlu, menerusi rundingan bersama mengikut keteraturan budaya dan/atau melalui proses penyelesaian pertikaian seperti dalam Kriteria 1.6 atau 4.6.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Rekod rundingan bersama,
 - b) Rekod penyelesaian pertikaian, dan
- 2) Temu bual: Komuniti setempat untuk bukti bahawa situasi tersebut telah dibetulkan dengan memuaskan.

Indikator 4.2.4. Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan diberi oleh komuniti setempat sebelum aktiviti pengurusan yang menjelaskan hak-hak dikenalpasti melalui satu proses yang merangkumi:

- 1) Memastikan komuniti setempat mengetahui hak-hak dan obligasi mereka berhubung sumber;
- 2) Memaklumkan komuniti setempat mengenai nilai sumber, dari segi ekonomi, sosial dan alam sekitar;
- 3) Memaklumkan komuniti setempat tentang hak mereka untuk menahan atau memodifikasi persetujuan ke atas cadangan aktiviti pengurusan seperti yang diperlukan demi melindungi hak-hak dan sumber mereka; dan
- 4) Memaklumkan kepada komuniti setempat tentang pengurusan hutan semasa dan rancangan masa hadapan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Perjanjian antara Organisasi dan komuniti setempat,
 - b) Rekod rundingan bersama, dan
- 2) Temu bual: Komuniti setempat untuk bukti bahawa Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan telah diberi.

Indikator 4.2.5. Jika proses Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan belum menghasilkan perjanjian FPIC, Organisasi dan komuniti setempat yang terjejas melibatkan diri dalam proses FPIC yang dipersetujui bersama yang akan maju ke hadapan, dengan niat baik dan di mana komuniti berpuas hati.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Proses FPIC yang dipersetujui bersama didokumentkan (jika ada),
 - b) Rekod rundingan bersama/konsultasi, termasuk prosiding yang berkaitan dengan keperluan di atas, dan
- 2) Temu bual: Komuniti setempat untuk mendapatkan bukti bahawa rundingan bersama akan maju ke hadapan melalui proses FPIC, dengan niat baik dan di mana komuniti berpuas hati.

Kriteria* 4.3. Organisasi* harus menyediakan peluang pekerjaan, latihan dan lain-lain perkhidmatan yang munasabah* kepada komuniti setempat*, kontraktor-kontraktor dan pembekal-pembekal yang selari dengan skala* dan intensiti* dengan aktiviti pengurusan.

Indikator 4.3.1. Peluang yang munasabah dikomunikasikan dan disediakan kepada komuniti setempat, kontraktor-kontraktor tempatan dan pembekal-pembekal tempatan untuk:

- 1) Pekerjaan,
- 2) Latihan, dan
- 3) Lain-lain perkhidmatan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Laporan taksiran keperluan,
 - b) Rekod rekrut dan pekerjaan
 - c) Latihan awam edaran tempatan dan iklan pekerjaan, dan
- 2) Temu bual: Komuniti setempat, pekerja, kontraktor-kontraktor dan pembekal-pembekal tentang peluang-peluang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan.

SLIMF 4.3.1.1. Keutamaan diberikan kepada orang tempatan dan perkhidmatan dalam pekerjaan dan latihan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod rekrut dan pekerjaan, kontrak-kontrak, dan
- 2) Temu bual: Komuniti setempat, pekerja, kontraktor-kontraktor dan pembekal-pembekal tentang peluang-peluang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan.

Kriteria* 4.4. Organisasi* harus melaksanakan aktiviti tambahan, menerusi rundingan bersama* dengan komuniti setempat* yang menyumbang ke arah pembangunan sosial dan ekonomi mereka, yang selari dengan skala, intensiti* dan kesan sosio-ekonomi aktiviti pengurusannya.

Indikator 4.4.1. Peluang pembangunan sosial dan ekonomi setempat mereka dikenalpasti menerusi rundingan bersama bersesuaian dengan budaya dengan komuniti setempat dan lain-lain organisasi yang relevan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Program mendokumentasikan Organisasi untuk hubungan komuniti, dan
 - b) Rekod rundingan bersama dengan komuniti setempat.

SLIMF 4.4.1.1. Peluang untuk pembangunan sosial dan ekonomi setempat dikenal pasti dan dilaksanakan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod rundingan bersama dengan komuniti setempat, dan
- 2) Temu bual: Komuniti setempat, pekerja, kontraktor-kontraktor dan pembekal-pembekal mengenai peluang-peluang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan.

Indikator 4.4.2. Projek-projek dan aktiviti-aktiviti tambahan dilaksanakan dan/atau menyokong yang menyumbang kepada memberi manfaat untuk sosial dan ekonomi setempat dan yang selari dengan kesan sosio-ekonomi aktiviti pengurusan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Bukti pelaksanaan program Organisasi yang berkaitan dengan hubungan komuniti (cth. Laporan aktiviti, laporan tahunan, dll.),
- 2) Temu bual: Komuniti setempat tentang projek-projek dan aktiviti-aktiviti tambahan yang dilaksanakan dan/atau disokong oleh Organisasi, dan
- 3) Pemeriksaan: Projek-projek dan aktiviti-aktiviti tambahan yang dilaksanakan dan/atau disokong oleh Organisasi.

SLIMF 4.4.2.1. Produk tempatan dan perkhidmatan digunakan oleh Organisasi untuk menyumbang kepada manfaat sosial dan ekonomi.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-Dokumen: Rekod produk tempatan dan perkhidmatan yang digunakan (jika berkenaan), dan
- 2) Temu bual: Komuniti setempat, pekerja, kontraktor-kontraktor dan pembekal-pembekal tentang peluang-peluang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan.

Kriteria* 4.5. Organisasi*, menerusi rundingan bersama* dengan komuniti setempat* harus mengambil tindakan untuk mengenalpasti, mengelak dan mengurangkan impak negatif dari segi sosial, alam sekitar dan ekonomi daripada aktiviti pengurusannya ke atas komuniti yang terkesan. Tindakan yang diambil harus selari dengan skala, intensiti dan risiko* bagi aktiviti tersebut dan impak negatif.

Indikator 4.5.1. Menerusi rundingan bersama bersesuaian dengan budaya dengan komuniti setempat, langkah-langkah yang dilaksanakan untuk mengenalpasti, mengelak dan mengurangkan impak dari segi sosial, alam sekitar dan ekonomi yang signifikan dari aktiviti pengurusan, termasuk impak ke atas hasil hutan bukan kayu.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Rekod rundingan bersama,
 - b) Laporan yang memperincikan impak dari segi sosial, alam sekitar dan ekonomi,
 - c) Preskripsi pengurusan, dan
- 2) Temu bual: Komuniti setempat yang terkesan untuk bukti rundingan bersama dan pelaksanaan langkah-langkah yang memuaskan.

SLIMF 4.5.1.1. Langkah-langkah yang dilaksanakan untuk mengelakkan dan mengurangkan kesan dari segi sosial, alam sekeliling dan ekonomi yang negatif daripada aktiviti pengurusan terhadap komuniti yang terjejas.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Laporan yang memperincikan kesan dari segi sosial, alam sekeliling dan ekonomi (jika berkenaan),
 - b) Preskripsi pengurusan (jika berkenaan), dan
- 2) Temu bual: Organisasi untuk langkah-langkah yang dilaksanakan dan komuniti terkesan untuk mendapatkan bukti mengenai rundingan bersama yang memuaskan dan pelaksanaan langkah-langkah.

SLIMF 4.5.1.2. Atas permintaan, langkah-langkah ini dikomunikasikan kepada jiran dan pemilik tanah bersebelahan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod komunikasi (jika berkenaan), dan
- 2) Temu bual: Jiran dan pemilik tanah yang bersebelahan untuk mendapatkan bukti komunikasi (jika ada).

Kriteria 4.6. Organisasii* menerusi rundingan bersama* dengan komuniti setempat* harus mempunyai mekanisme untuk menyelesaikan rungutan dan memberikan pampasan yang sama* untuk komuniti setempat dan individu-individu berhubung dengan impak aktiviti pengurusan Organisasii.

Indikator 4.6.1. Satu proses penyelesaian pertikaian tersedia untuk capaian umum disediakan sebagai Prosedur Operasi Standard dibangunkan menerusi rundingan bersama bersesuaian dengan budaya dengan komuniti setempat.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Prosedur Operasi Standard (lihat Lampiran G – Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard) untuk penyelesaian pertikaian termasuk prosedur pengenalpastian dan menangani pertikaian yang berkaitan,
 - b) Proses penyelesaian pertikaian tersedia untuk orang awam,
 - c) Rekod rundingan bersama dengan komuniti setempat, dan
- 2) Temu bual: Komuniti setempat untuk bukti rundingan bersama yang memuaskan sewaktu pembangunan mekanisme penyelesaian pertikaian Organisasi.

Indikator 4.6.2. Rungutan tentang impak aktiviti pengurusan ditangani tepat pada masanya dan sama ada ia diselesaikan atau berada dalam proses penyelesaian.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Proses didokumenkan bagi penyuaraan rungutan komuniti setempat,
 - b) Rekod keputusan dan tindakan penyelesaian pertikaian, dan
- 2) Temu bual: Komuniti setempat dan pegawai urusan komuniti tentang kecukupan proses penyelesaian pertikaian yang dilaksanakan.

Indikator 4.6.3. Rekod terkini tentang rungutan yang berkaitan dengan impak aktiviti pengurusan yang diadakan termasuk:

- 1) Langkah-langkah yang diambil untuk menyelesaikan rungutan
- 2) Hasil daripada semua proses penyelesaian pertikaian termasuk pampasan yang adil kepada komuniti setempat dan individu-individu; dan
- 3) Pertikaian yang tidak diselesaikan, kenapa ia tidak diselesaikan, dan bagaimanakah ia akan diselesaikan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Rekod rungutan,
 - b) Rekod keputusan dan tindakan penyelesaian pertikaian, dan
 - c) Rekod pampasan dan/atau perjanjian penyelesaian (jika ada).

Indikator 4.6.4. Operasi berhenti di kawasan terkesan ketika terdapat pertikaian:

- 1) Dalam Magnitud besar;
- 2) Untuk Tempoh yang panjang; atau
- 3) Melibatkan bilangan kepentingan yang signifikan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod perintah berhenti kerja dikeluarkan oleh pengurusan di kawasan yang dipertikaikan, dan
- 2) Temu bual: Komuniti setempat terkesan dan pegawai urusan komuniti untuk bukti bahawa operasi dihentikan di kawasan terkesan.

Kriteria 4.7 Organisasi^{*}, menerusi rundingan bersama^{*} dengan komuniti setempat^{*}, harus mengenalpasti tapak-tapak khas berkepentingan budaya, ekologi, ekonomi, agama atau kerohanian di mana Orang Asal/Asli ini memegang hak undang-undang^{*} atau hak-hak adat^{*}. Tapak-tapak ini harus diiktiraf oleh Organisasi dan pihak pengurusannya, dan/atau perlindungan^{*} harus dipersetujui menerusi rundingan bersama dengan komuniti setempat ini.

Indikator 4.7.1. Tapak-tapak khas berkepentingan budaya, ekologi, ekonomi, agama atau kerohanian di mana komuniti setempat ini memegang hak undang-undang atau hak-hak adat ini dikenalpasti menerusi rundingan bersama bersesuaian dengan budaya dan diiktiraf oleh Organisasi.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Peta yang menunjukkan tapak-tapak khas berkepentingan budaya, ekologi, ekonomi, agama atau kerohanian dan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan, dan
 - b) Rekod rundingan bersama menerusi pendekatan penyertaan dengan komuniti setempat dan wakil-wakil mereka untuk tujuan pengenalpastian dan pemetaan tapak-tapak.

Indikator 4.7.2. Langkah-langkah yang diambil untuk melindungi tapak-tapak sedemikian dipersetujui, didokumenkan dan dilaksanakan menerusi rundingan bersama bersesuaian dengan budaya dengan komuniti setempat. Apabila komuniti setempat menentukan bahawa pengenalpastian fizikal bagi tapak-tapak dalam dokumen atau atas peta akan mengancam nilai atau perlindungan tapak-tapak tersebut, maka alternatif lain akan digunakan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Rekod rundingan bersama dengan komuniti setempat dan/atau pihak berkepentingan yang relevan,
 - b) Dokumentasi langkah-langkah untuk melindungi tapak-tapak tersebut,
 - c) Peta operasi,
- 2) Temu bual:
 - a) Komuniti setempat untuk bukti tentang rundingan bersama yang memuaskan dan langkah-langkah yang telah dilaksanakan,
 - b) Pengurus hutan untuk bukti bahawa langkah-langkah yang dilaksanakan, dan
- 3) Pemeriksaan: Pelaksanaan langkah-langkah untuk melindungi tapak-tapak tersebut.

Indikator 4.7.3. Apabila tapak-tapak khas berkepentingan budaya, ekologi, ekonomi, agama atau kerohanian yang baharu ditemukan, aktiviti pengurusan akan dihentikan dengan serta-merta di kawasan sekitar sehingga langkah-langkah perlindungan dipersetujui bersama komuniti setempat.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Rekod latihan bagi pekerja yang relevan (untuk mengenalpasti tapak-tapak ini dan melaksanakan langkah-langkah yang perlu untuk melindungi tapak-tapak itu sebelum permulaan aktiviti pengurusan demi mengelakkan kesan negatif),
 - b) Rekod perintah berhenti kerja yang dikeluarkan oleh pengurusan apabila tapak-tapak baharu ditemukan, dan
- 2) Temu bual:
 - a) Pengurus hutan dan/atau pegawai relevan bagi Organisasi dan/atau mana-mana pihak luar yang ditugaskan (dikontrakkan untuk membantu Organisasi dalam usaha mengiktiraf dan menegakkan hak-hak komuniti setempat) dan pekerja yang relevan menunjukkan kefahaman tentang cara pengenalpastian tapak-tapak ini dan melaksanakan langkah-langkah perlindungan, dan
 - b) Komuniti setempat untuk bukti tentang mereka telah dimaklumkan apabila tapak-tapak baharu ditemukan dan aktiviti pengurusan dihentikan.

Kriteria 4.8 Organisas* harus menegakkan* hak komuniti setempat* bagi melindungi* dan menggunakan Ilmu Tradisional* mereka dan harus memberikan pampasan kepada komuniti setempat* bagi menggunakan pengetahuan tersebut dan harta intelek mereka. Satu perjanjian yang mengikat* menurut Kriteria 3.3 harus dirumuskan antara Organisasi dan komuniti setempat* bagi penggunaannya menerusi Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan* sebelum digunakan dan harus konsisten dengan perlindungan* hak-hak harta intelek

Indikator 4.8.1. Ilmu Tradisional dan harta intelek dilindungi dan hanya digunakan apabila pemilik mengenalpasti Ilmu Tradisional dan harta intelek telah memberikan Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan mereka yang diformalisasi menerusi perjanjian yang mengikat.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Deklarasi/polisi oleh Organisasi yang menyatakan secara eksplisit bahawa ia harus mengiktiraf dan menegakkan hak-hak komuniti setempat untuk melindungi dan menggunakan Ilmu Tradisional mereka,
 - b) Rekod penggunaan bersama Ilmu Tradisional (jika ada),
 - c) Perjanjian terikat, dan

- 2) Temu bual: Pemegang Ilmu Tradisional untuk bukti bahawa Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan mereka telah diberi.

Indikator 4.8.2. Komuniti setempat dibayar pampasan mengikut perjanjian terikat yang dicapai menerusi Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan bagi menggunakan Ilmu Tradisional dan harta intelek.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Perjanjian diikat, dan
 - b) Rekod rundingan bersama dan pampasan dan/atau perkongsian kelebihan.

[Lihat Lampiran G](#) (Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard)

[Lebihan halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

Prinsip* 5: Manfaat dari hutan

Organisasi* harus cekap mengurus rangkaian pelbagai produk dan perkhidmatan Unit Pengurusan* untuk menyelenggara atau menambahbaik daya maju ekonomi dalam jangka panjang* dan rangkaian manfaat sosial dan alam sekitar.

Kriteria 5.1. Organisasi* harus mengenalpasti, menghasilkan atau membolehkan pengeluaran, mempelbagaikan kelebihan dan/atau produk, berdasarkan rangkaian sumber-sumber dan perkhidmatan ekosistem* yang terdapat dalam Unit Pengurusan* demi memperkuuhkan dan mempelbagaikan ekonomi setempat selari dengan skala* dan intensiti* aktiviti pengurusan.

Indikator 5.1.1. Rangkaian sumber-sumber, hasil hutan bukan kayu dan perkhidmatan ekosistem yang dapat memperkuuhkan dan mempelbagaikan ekonomi setempat dikenalpasti.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Laporan tinjauan sumber bagi Unit Pengurusan.
- 2) Temu bual:
 - a) Pihak pengurusan mengenai pemahaman mereka tentang sumber yang sedia ada, dan
 - b) Komuniti setempat bagi maklumat mengenai sumber, hasil hutan bukan kayu dan perkhidmatan ekosistem yang sedia ada untuk mengesahkan pemahaman pihak pengurusan.

SLIMF 5.1.1.1. Organisasi menyedari akan jenis sumber dan perkhidmatan ekosistem yang boleh mengukuhkan dan mempelbagaikan ekonomi setempat.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Temu bual:
 - a) Pihak pengurusan mengenai pemahaman mereka tentang sumber yang sedia ada, dan
 - b) Komuniti setempat bagi maklumat mengenai sumber, hasil hutan bukan kayu dan perkhidmatan ekosistem yang sedia ada untuk mengesahkan pemahaman pihak pengurusan.

Indikator 5.1.2. Sejajar dengan objektif pengurusan, manfaat dan produk yang (termasuk hasil hutan bukan kayu) dihasilkan oleh Organisasi dikenalpasti dan/atau disediakan untuk pengeluaran oleh pihak lain untuk memperkuuhkan dan mempelbagaikan ekonomi setempat.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Dokumentasi untuk menangani pengurusan hutan untuk pelbagai kelebihan termasuk produk kayu dan bukan kayu serta perkhidmatan ekosistem seperti perkhidmatan legeh air, perlindungan banjir dan hakisan, sumber makanan, perkhidmatan kebudayaan, dll.,

- b) Penaksiran sumber hutan yang mengandungi data tentang kuantiti, kualiti dan penggunaan produk kayu dan bukan kayu yang dituai serta perkhidmatan ekosistem dalam lingkungan Unit Pengurusan oleh Organisasi dan lain-lain, dan
- 2) Temu bual: Komuniti setempat untuk bukti tentang kelebihan dan produk yang dihasilkan oleh Organisasi dan lain-lain.

Pengesah-Pengesah (SLIMF sahaja):

- 1) Temu bual:
 - a) Pihak pengurusan tentang usaha, dan
 - b) Komuniti setempat untuk mendapatkan bukti kelebihan dan produk yang dihasilkan oleh Organisasi dan lain-lain.

Indikator 5.1.3. Apabila Organisasi menggunakan Tuntutan Perkhidmatan Ekosistem FSC (*FSC Ecosystem Services Claims*), Organisasi harus mematuhi keperluan yang dipakai dalam FSC-PRO-30-006.

Kriteria* 5.2. Organisasi* harus biasa menuai produk dan perkhidmatan daripada Unit Pengurusan* pada atau di bawah satu tahap yang boleh dikekalkan.

Indikator 5.2.1. Tahap penuaian kayu adalah berdasarkan kepada analisis Maklumat Lengkap Disediakan tentang pertumbuhan dan kadar hasil; inventori hutan; kadar kematian; dan penyelenggaraan fungsi ekosistem.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Laporan pematuhan,
 - b) Buku rekod kompartmen Unit Pengurusan,
 - c) Laporan Kemajuan Suku Tahun,
 - d) Pemotongan tahunan yang dibenarkan dan ditetapkan,
 - e) Inventori hutan,
 - f) Rekod penuaian dan rancangan yang meliputi tempoh pengurusan,
 - g) Pelan kerja tahunan (atau rancangan terperinci tahunan untuk Sarawak), dan
 - h) Penggunaan model pertumbuhan hutan yang mapan dan/atau perkembangan maklumat dan/atau data dari Plot Sampel Kekal (PSP) (*Permanent Sample Plots*) (yang secara statistik mewakili kawasan yang diurus) untuk unjuran pertumbuhan dan kadar hasil.

Nota: Kadar penuaian kayu adalah berdasarkan kepada analisis minimum yang merangkumi:

- a) Satu pendekatan yang menunjukkan kualiti maklumat yang digunakan;
- b) Maklumat pertumbuhan dan kadar hasil yang terkini;
- c) Inventori terkini;

- d) Kawasan untuk penuaian;
- e) Pengurangan volum yang disebabkan oleh kematian dan pereputan serta masalah semulajadi seperti kebakaran, serangga dan penyakit;
- f) Analisis-analisis sensitif bagi faktor-faktor yang digunakan bagi pengiraan kadar penuaian, dengan perhatian spesifik diberikan kepada anggaran dan andaian input di mana data adalah lemah;
- g) Pengurangan volum dan kawasan bagi mengambilkira perlindungan nilai-nilai sosial, kerohanian, kebudayaan dan lain-lain nilai yang dikenalpasti di P3 dan P4;
- h) Pengurangan volum dan kawasan bagi mengambilkira perlindungan bagi nilai-nilai alam sekitar yang dikenalpasti di P6;
- i) Pengurusan objektif yang dikenalpasti di P7;
- j) Langkah-langkah untuk menyelenggara dan/atau penambahbaik secara keseluruhan Nilai-nilai Konservasi Tinggi yang dikenalpasti di P9;
- k) Pengurangan volum dan kawasan bagi mengambilkira perlindungan nilai-nilai yang dikenalpasti di P10.

Indikator 5.2.2. Berdasarkan kepada analisis tahap penuaian kayu, pemotongan tahunan dibenarkan secara maksimum bagi kayu, ditentukan supaya tidak melebihi tahap penuaian yang boleh diselenggara secara kekal, termasuk dengan memastikan kadar penuaian tidak melebihi pertumbuhan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Bahagian Pemotongan Tahunan Dibenarkan di bawah pelan pengurusan,
 - b) Pelan kerja tahunan (atau rancangan terperinci tahunan untuk Sarawak)/rancangan penuaian, dan
 - c) Buku rekod kompartmen.

Indikator 5.2.3. Tahap penuaian tahunan bagi kayu direkod dan penuaian meliputi satu tempoh yang tidak melebihi pemotongan yang dibenarkan seperti yang ditentukan di 5.2.2 untuk tempoh sama yang ditentukan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Bahagian Pemotongan Tahunan Dibenarkan di bawah pelan pengurusan,
 - b) Pelan kerja tahunan (atau rancangan terperinci tahunan untuk Sarawak)/rancangan penuaian, dan
 - c) Buku rekod kompartmen yang menunjukkan rekod-rekod penuaian mengikut tempoh yang ditentukan.

Indikator 5.2.4. Untuk tujuan pengekstrakan perkhidmatan penuaian komersial dan hasil hutan bukan kayu di bawah kawalan Organisasi, satu tahap penuaian yang mampan dikira dan dipatuhi. Tahap penuaian yang mampan adalah berdasarkan kepada Maklumat Lengkap Disediakan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Laporan pematuhan,
 - b) Buku rekod kompartmen Unit Pengurusan,
 - c) Laporan Kemajuan bagi Suku Tahunan,
 - d) Tuaihan yang dibenarkan secara tahunan ditetapkan,
 - e) Metodologi dan rekod anggaran paras tuaian yang mampan (untuk NTFPs),
 - f) Inventori hutan,
 - g) Rekod penuaian dan rancangan yang meliputi tempoh pengurusan,
 - h) Pelan kerja tahunan (atau rancangan terperinci tahunan untuk Sarawak), dan
 - i) Penggunaan model pertumbuhan hutan yang mantap dan/atau maklumat pertumbuhan dan/atau data dari Plot Sampel Kekal (PSP) Permanent Sample Plots) (yang secara statistik mewakili kawasan yang diurus) untuk unjuran pertumbuhan dan kadar hasil.

Kriteria* 5.3. Organisasi* harus menunjukkan bahawa positif dan negatif luaran* bagi operasi adalah terangkum dalam pelan pengurusan*.

Indikator 5.3.1. Kos berhubung pencegahan, pengurangan atau pampasan untuk impak negatif sosial dan alam sekitar bagi aktiviti pengurusan adalah dikuantifikasi dan didokumenkan dalam pelan pengurusan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Laporan penaksiran bagi positif dan negatif luaran operasi, dan
 - b) Laporan Penaksiran Impak Sosial dan Alam Sekitar.

Indikator 5.3.2. Manfaat yang berkaitan dengan impak positif sosial dan alam sekitar bagi aktiviti pengurusan adalah dikenalpasti dan dirangkumkan dalam pelan pengurusan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Manfaat yang berkaitan dengan impak positif sosial dan alam sekitar bagi aktiviti pengurusan.

Kriteria 5.4. Organisasi* harus menggunakan pemprosesan tempatan, perkhidmatan tempatan, penambahbaikan nilai tempatan untuk memenuhi syarat-syarat Organisasi yang boleh didapati selari dengan skala, intensiti dan risiko*. Jika ini tidak boleh didapati di kawasan setempat, Organisasi harus membuat percubaan secara munasabah* untuk membantu menubuhkan perkhidmatan-perkhidmatan ini.

Indikator 5.4.1. Apabila kos, kualiti dan keupayaan opsyen bukan-tempatan dan tempatan, yang sekurang-kurangnya setaraf, barang, perkhidmatan, kemudahan pemprosesan dan nilai ditambah tempatan digunakan. (termasuk untuk hasil hutan bukan kayu, jika berkenaan).

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Senarai barang dan perkhidmatan tempatan,
 - b) Dokumentasi bagi bukti tentang pemprosesan, perkhidmatan dan penambahbaikan tempatan (jika ada),
 - c) Rekod konsultasi dengan komuniti setempat, dan
- 2) Temu bual: Pengurus tentang usaha-usaha dalam menggunakan barang, perkhidmatan, kemudahan pemprosesan dan nilai tambah.

Pengesah-Pengesah (SLIMF sahaja):

- 1) Dokumen: Dokumentasi bukti mengenai penggunaan pemprosesan tempatan, perkhidmatan tempatan dan penambahan nilai tempatan (jika ada), dan
- 2) Temu bual: Pengurus mengenai usaha untuk menggunakan barang, perkhidmatan, pemprosesan dan kemudahan tambah nilai.

Indikator 5.4.2. Percubaan yang munasabah dibuat untuk menubuhkan dan menggalakkan kapasiti tempatan apabila tiada barang, perkhidmatan, kemudahan pemprosesan dan tambah nilai.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod tentang usaha-usaha yang dilakukan untuk membantu menubuhkan perkhidmatan tempatan (jika ada),
- 2) Temu bual: Komuniti setempat tentang percubaan oleh Organisasi untuk menubuhkan dan menggalakkan kapasiti, dan
- 3) Pemeriksaan: Perkhidmatan tempatan yang ditubuhkan.

Pengesah-Pengesah (SLIMF sahaja):

- 1) Temu bual:
 - a) Pengurus mengenai usaha untuk menggalakkan pembangunan kapasiti tempatan, dan
 - b) Komuniti setempat tentang percubaan oleh Organisasi untuk menubuhkan dan menggalakkan kapasiti.

Kriteria 5.5. Organisasj* harus menunjukkan menerusi perancangan dan perbelanjaan yang selari dengan skala, intensiti dan risiko*, dan komitmennya terhadap kebolehlaksanaan ekonomi dalam jangka panjang*.

Indikator 5.5.1. Dana yang mencukupi diperlukan bagi melaksanakan pelan pengurusan demi memenuhi standard ini bagi memastikan kebolehlaksanaan ekonomi dalam jangka panjang.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Pelan perniagaan dan/atau bajet untuk melaksanakan pelan pengurusan, dan
 - b) Pelan kerja tahunan (atau rancangan terperinci tahunan untuk Sarawak).

Indikator 5.5.2. Perbelanjaan dan pelaburan dibuat untuk melaksanakan pelan pengurusan demi memenuhi standard ini bagi memastikan kebolehlaksanaan ekonomi dalam jangka panjang.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Penyata pendapatan dan perbelanjaan yang diaudit bagi menilai perbelanjaan dan pelaburan yang dilakukan untuk melaksanakan pelan pengurusan

Prinsip* 6: Impak dan nilai-nilai alam sekitar*

Organisasi* harus menyelenggara, memulihara* dan/atau memulihkan* perkhidmatan ekosistem* dan nilai-nilai alam sekitar Unit Pengurusan*, dan harus mengelak, membaiki atau mengurangkan impak negatif terhadap alam sekitar.

Kriteria* 6.1. Organisasi* harus mengukur nilai-nilai alam sekitar* dalam Unit Pengurusan* dan nilai-nilai tersebut yang berada di luar Unit Pengurusan* yang berpotensi terjejas akibat aktiviti pengurusan. Penilaian ini harus dijalankan dengan mengikut perincian, skala dan kekerapan yang selari dengan skala, intensiti dan risiko* aktiviti pengurusan, dan sesuai untuk menentukan langkah-langkah konservasi* yang diperlukan, dan untuk mengesan serta memantau kemungkinan impak negatif daripada aktiviti-aktiviti tersebut.

Indikator 6.1.1. Maklumat Lengkap Disediakan digunakan untuk mengenalpasti nilai-nilai alam sekitar di dalam Unit Pengurusan, dan di luar Unit Pengurusan jika berpotensi terjejas oleh aktiviti pengurusan (termasuk pengurusan hasil hutan bukan kayu).

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Laporan penilaian,
 - b) Dokumentasi tentang metodologi penilaian, dan
 - c) Rekod konsultasi.

Nota: Contoh-contoh sumber Maklumat Lengkap Disediakan untuk mengenalpasti nilai-nilai alam sekitar termasuk:

- Kawasan Sampel Perwakilan yang menunjukkan nilai-nilai alam sekitar dalam keadaan semulajadi;
- Tinjauan di lapangan;
- Pangkalan data yang relevan untuk nilai-nilai alam sekitar;
- Konsultasi dengan pakar tempatan dan serantau;
- Rundingan bersama bersesuaian dengan budaya dengan Orang Asal/Asli, komuniti setempat dan pihak berkepentingan yang terkesan/berkepentingan.

Indikator 6.1.2. Penilaian nilai-nilai alam sekitar dijalankan dengan tingkat perincian dan kekerapan agar:

- 1) Impak aktiviti pengurusan ke atas nilai-nilai alam sekitar yang dikenalpasti dapat dinilai mengikut Kriteria 6.2;
- 2) Risiko-risiko terhadap nilai-nilai alam sekitar dapat dikenalpasti mengikut Kriteria 6.2;
- 3) Langkah-langkah konservasi yang diperlukan untuk melindungi nilai-nilai dapat dikenalpasti mengikut Kriteria 6.3; dan,
- 4) Memantau impak atau perubahan alam sekitar boleh dijalankan mengikut Prinsip 8.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Laporan penilaian yang memperincikan impak aktiviti pengurusan ke atas nilai-nilai alam sekitar, risiko-risiko kepada nilai-nilai alam sekitar dan langkah-langkah pemuliharaan untuk melindungi nilai-nilai tersebut,
 - b) Pelan pemantauan, dan
- 2) Temu bual: Pihak berkepentingan dan mereka yang mempunyai sumber tentang penilaian nilai-nilai alam sekitar oleh Organisasi.

SLIMF 6.1.2.1. Penilaian nilai-nilai alam sekitar dijalankan dengan tingkat perincian dan secara kekerapan agar:

- 1) Kesan aktiviti pengurusan terhadap nilai alam sekitar yang dikenalpasti dapat dinilai mengikut Kriteria 6.2;
- 2) Langkah-langkah pemuliharaan yang penting untuk melindungi nilai-nilai yang boleh dikenal pasti mengikut Kriteria 6.3; dan,
- 3) Memantau impak atau perubahan alam sekitar boleh dijalankan mengikut Prinsip 8.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Laporan penilaian yang memperincikan impak aktiviti pengurusan terhadap nilai-nilai alam sekitar dan langkah-langkah pemuliharaan untuk melindungi nilai-nilai tersebut,
 - b) Pelan pemantauan, dan
- 2) Temu bual: Pihak berkepentingan dan mereka yang mempunyai sumber mengenai kecukupan penilaian nilai alam sekitar oleh Organisasi.

Kriteria* 6.2. Sebelum memulakan aktiviti-aktiviti yang mengganggu tapak, Organisas* harus mengenalpasti dan menilai skala, intensiti dan risiko* impak yang berpotensi daripada aktiviti pengurusan ke atas nilai-nilai alam sekitar* yang dikenalpasti.

Indikator 6.2.1. Penilaian Impak Alam Sekitar mengenalpasti dan menilai potensi impak semasa dan masa depan bagi aktiviti pengurusan ke atas nilai-nilai alam sekitar dan hasil hutan bukan kayu dari tahap tegak kepada tahap landskap sebelum memulakan aktiviti yang mengganggu tapak.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (*Environmental Impact Assessment*) (EIA) termasuk metodologi yang digunakan untuk menjalankan penilaian,
 - b) Rekod konsultasi, dan

- 2) Temu bual: Pihak berkepentingan dan mereka yang mempunyai sumber tentang kecukupan Penilaian Impak Alam Sekitar oleh Organisasi.

SLIMF 6.2.1.1. Sebelum melaksanakan aktiviti yang menjelaskan tapak, suatu penilaian dijalankan untuk mengenalpasti kemungkinan kesan yang memudaratkan daripada aktiviti pengurusan yang dirancang.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Laporan penilaian termasuk metodologi yang digunakan untuk menjalankan penilaian itu, dan
- 2) Temu bual: Pihak berkepentingan dan mereka yang mempunyai sumber mengenai kecukupan laporan penilaian Organisasi.

Kriteria* 6.3. Organisasi* harus mengenalpasti dan melaksanakan tindakan yang berkesan untuk mencegah impak negatif daripada aktiviti pengurusan ke atas nilai-nilai alam sekitar* dan untuk mengurangkan serta membaikpulih impak selari dengan skala, intensiti dan risiko* daripada impak-impak tersebut.

Indikator 6.3.1. Aktiviti pengurusan dirancang dan dilaksanakan demi mencegah impak negatif dan bagi melindungi nilai-nilai alam sekitar dan hasil hutan bukan kayu.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (*Environmental Assessment Impact*) (EIA),
 - b) Pelan Pengurusan Alam Sekitar (*Environmental Management Plan*) (EMP) (untuk Semenanjung Malaysia), Perakuan Kelulusan Laporan EIA dengan Akujanji yang ditandatangani bersama terma dan syarat khusus seperti yang dinyatakan dalam Lampiran 1 (untuk Sarawak) atau Perjanjian Syarat Alam Sekitar (*Agreement of Environment Conditions*) (AEC) (untuk Sabah), dan
 - c) Dokumentasi bagi impak negatif yang dikenalpasti dan preskripsi pengurusan bagi menangani impak tersebut.

Indikator 6.3.2. Aktiviti pengurusan mencegah kesan negatif terhadap nilai alam sekitar dan hasil hutan bukan kayu.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Dokumentasi bagi impak negatif yang dikenalpasti dan preskripsi pengurusan bagi menangani impak tersebut,

- b) Rekod konsultasi,
 - c) Laporan pematuhan,
- 2) Temu bual: Pihak berkepentingan dan mereka yang mempunyai sumber mengenai kecukupan aktiviti pengurusan Organisasi dalam mencegah kesan negatif terhadap nilai-nilai alam sekitar dan hasil hutan bukan kayu, dan
- 3) Pemeriksaan: Aktiviti yang dilaksanakan untuk mencegah kesan negatif terhadap nilai-nilai alam sekitar dan hasil hutan bukan kayu.

Indikator 6.3.3. Apabila terdapat impak negatif kepada nilai-nilai alam sekitar dan hasil hutan bukan kayu, langkah-langkah yang diambil untuk mencegah kerosakan lebih teruk, dan impak negatif dikurangkan dan/atau dibaikpulih.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Dokumentasi tentang impak negatif yang berlaku dan langkah-langkah yang berkaitan telah diambil,
 - b) Rekod konsultasi,
 - c) Laporan pematuhan,
- 2) Temu bual: Pihak kepentingan dan mereka yang mempunyai sumber tentang kecukupan langkah-langkah dan/atau usaha-usaha untuk meringankan dan/atau memulihkan telah diambil oleh Organisasi, dan
- 3) Pemeriksaan: Langkah-langkah yang telah diambil dan meringankan dan/atau memulihkan impak negatif.

Kriteria* 6.4. Organisasi* harus melindungi spesis nadir* dan spesis terancam* serta habitat* dalam Unit Pengurusan* menerusi zon-zon konservasi*, kawasan-kawasan perlindungan, perhubungan* dan/atau (mengikut keperluan) lain-lain tindakan langsung bagi kelangsungan hidup dan berdaya maju. Langkah-langkah ini harus selari dengan skala, intensiti dan risiko* aktiviti pengurusan dan status konservasi* serta syarat-syarat ekologi bagi spesis nadir* dan spesis terancam*. Organisasi harus mengambil kira keluasan geografi dan syarat-syarat ekologi bagi spesis langka dan terancam di luar sempadan Unit Pengurusan*, apabila menentukan tindakan yang akan diambil dalam Unit Pengurusan*.

Indikator 6.4.1. Maklumat Lengkap Disediakan digunakan untuk mengenalpasti spesis nadir dan spesis terancam serta habitat-habitat masing-masing termasuk dalam spesis tersenarai dalam CITES (mengikut keperluan) dan yang tersenarai dalam senarai tempatan, kebangsaan dan serantau bagi spesis nadir dan spesis terancam yang berkemungkinan berada dalam lingkungan dan bersebelahan dengan Unit Pengurusan.

Pengesah-Pengesah:

1) Dokumen-dokumen:

- a) Dokumentasi tentang kaedah-kaedah yang digunakan untuk mengenalpasti spesis langka dan terancam serta habitat masing-masing dalam Unit Pengurusan,
- b) Senarai terkini spesis nadir dan terancam dan habitat yang berada dalam Unit Pengurusan,
- c) Peta habitat bagi spesis nadir dan terancam yang berada dalam Unit Pengurusan, dan
- d) Rekod konsultasi yang diadakan bersama orang yang mempunyai sumber dan pihak berkepentingan yang relevan dalam pengenalphastian spesis nadir dan terancam.

Nota: Contoh-contoh sumber Maklumat Lengkap Disediakan untuk mengenalpasti spesis nadir dan terancam dan habitat masing-masing termasuklah:

- Tinjauan di lapangan;
- Pangkalan data yang relevan kepada spesis nadir dan terancam dan habitat masing-masing;
- Konsultasi bersama pakar tempatan dan serantau.

Indikator 6.4.2. Impak yang berpotensi terhadap aktiviti pengurusan tentang spesis nadir dan spesis terancam serta status konservasi dan habitat masing-masing, dikenalpasti, dan aktiviti pengurusan diubahsuai untuk mengelak impak negatif.

Pengesah-Pengesah:

1) Dokumen-dokumen:

- a) Prosedur Operasi Standard (lihat Lampiran G – Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard) dan peta-peta yang mengenalpasti:
 - i) Status konservasi bagi spesis,
 - ii) Keluasan geografi (yang menjangkau Unit Pengurusan) bagi spesis nadir dan terancam yang telah direkod dalam lingkungan Unit Pengurusan,
 - iii) Syarat-syarat ekologi (yang menjangkau Unit Pengurusan) bagi spesis nadir dan terancam yang telah direkod dalam lingkungan Unit Pengurusan,
- b) Prosedur Operasi Standard (lihat Lampiran G – Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard) bagi pengenalphastian dan pengurusan:
 - i) Zon-zon konservasi.
 - ii) Kawasan perlindungan,
 - iii) Perhubungan/koridor hidupan liar,
 - iv) Lain-lain langkah secara langsung yang dikenalpasti,
- c) Peta-peta bagi zon-zon konservasi, kawasan perlindungan dan perhubungan/ koridor hidupan liar,
- d) Polisi Organisasi bahawa penubuhan zon-zon konservasi dan kawasan perlindungan merupakan objektif utama pengurusan spesis nadir dan terancam,

- 2) Temu bual: Pengurus hutan, mereka yang mempunyai sumber dan pihak berkepentingan yang relevan tentang kecukupan langkah-langkah konservasi, dan
- 3) Pemeriksaan: Penubuhan zon-zon konservasi dan kawasan perlindungan.

SLIMF 6.4.2.1. Aktiviti pengurusan dibentuk atau diubahsuai untuk mengelakkan kesan negatif terhadap spesis nadir dan terancam dan habitatnya.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Prosedur Operasi Standard/Arahan Kerja,
 - b) Peta-peta zon pemuliharaan, kawasan perlindungan dan koridor perhubungan/hidupan liar,
- 2) Temu bual: Pengurus hutan, mereka yang mempunyai sumber dan pihak berkepentingan yang berkaitan tentang kecukupan langkah-langkah konservasi dan
- 3) Pemeriksaan: Penubuhan zon pemuliharaan dan kawasan perlindungan.

Indikator 6.4.3. Spesis nadir dan spesis terancam serta habitat masing-masing dilindungi, termasuk melalui penyediaan zon-zon konservasi, kawasan perlindungan, perhubungan dan lain-lain cara secara langsung untuk menentukan kelangsungan hidup dan berdaya upaya seperti program pemulihan spesis.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod pelaksanaan preskripsi pengurusan bagi perlindungan spesis nadir dan terancam serta habitat masing-masing, dan
- 2) Temu bual: Mereka yang mempunyai sumber dan pihak berkepentingan yang relevan tentang kecukupan langkah-langkah konservasi yang dilaksanakan.

Indikator 6.4.4. Pemburuan, menangkap ikan, memerangkap dan mengumpul spesis nadir atau spesis terancam termasuk hasil hutan bukan kayu adalah dicegah.

Pengesah-Pencegah:

- 1) Dokumen-dokumen: Prosedur Operasi Standard (lihat Lampiran G – Panduan mengenai Prosedur Operasi Standard) yang mendokumentkan langkah-langkah untuk mencegah pemburuan, penangkapan ikan, memerangkap dan mengumpul spesis nadir atau terancam termasuk hasil hutan bukan kayu dan
- 2) Temu bual: Pihak berkepentingan yang relevan tentang kecukupan langkah-langkah pencegahan yang dilaksanakan.

Kriteria* 6.5 Organisasi* harus mengenalpasti dan melindungi Kawasan Sampel Perwakilan bagi ekosistem semulajadi* dan/atau memulihkan* kawasan tersebut kepada keadaan yang lebih bersifat semulajadi*. Apabila Kawasan Sampel Perwakilan* tidak wujud atau tidak mencukupi, Organisasi harus memulihkan* sebahagian daripada Unit Pengurusan* kepada keadaan yang lebih bersifat semulajadi*. Saiz kawasan dan langkah-langkah yang diambil bagi perlindungan atau pemulihan, termasuk dalam lingkungan kawasan perladangan, harus selari dengan status konservasi* dan nilai ekosistem* pada tahap landskap*, dan skala, intensiti dan risiko* aktiviti pengurusan.

NOTA: Seperti yang ditentukan, zon-zon pesisir tidak layak untuk dirangkumkan dalam Rangkaian Kawasan Konservasi. Bagaimanapun, zon pesisir boleh dimasukkan, jika kawasan berkenaan memenuhi definisi Kawasan Sampel Perwakilan, zon-zon konservasi, kawasan perlindungan, perhubungan seperti yang dinyatakan dalam koridor hidupan liar, dengan syarat zon pesisir yang diwakili tidak selari dalam Rangkaian Kawasan Konservasi. Zon-zon pesisir yang "diwujudkan" atau ditanam semata-mata untuk berfungsi, cth. kawalan hakisan harus dikecualikan.

Indikator 6.5.1. Maklumat Lengkap Disediakan digunakan untuk mengenalpasti ekosistem semulajadi yang wujud, atau akan wujud, di bawah keadaan semulajadi dalam lingkungan Unit Pengurusan.

Pengesah-Pengesah:

1) Dokumen-dokumen:

- a) Laporan tinjauan dan peta kawasan ekosistem semulajadi, dan
- b) Rekod konsultasi yang diadakan bersama mereka yang mempunyai sumber dan pihak berkepentingan

Nota: Contoh-contoh sumber maklumat lengkap disediakan untuk mengenalpasti ekosistem semulajadi yang wujud, atau akan wujud, di bawah keadaan semulajadi termasuk:

- Kawasan Sampel Perwakilan yang menunjukkan ekosistem semulajadi dalam keadaan semulajadi;
- Tinjauan di lapangan;
- Pangkalan data yang relevan kepada ekosistem semulajadi;
- Konsultasi bersama pakar tempatan dan serantau;
- Rundingan bersama bersesuaian dengan budaya dengan Orang Asal/Asli, komuniti setempat dan pihak berkepentingan yang terkesan/berminat.

Indikator 6.5.2. Kawasan Sampel Perwakilan bagi ekosistem semulajadi adalah dilindungi, di mana ia wujud.

Pengesah-Pengesah:

1) Dokumen-dokumen:

- a) Peta Kawasan Sampel Perwakilan bagi ekosistem semulajadi,

- b) Prosedur Operasi Standard (lihat Lampiran G – Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard) dan/atau garis panduan untuk melindungi dan/atau memulihkan Kawasan Sampel Perwakilan bagi ekosistem semulajadi dalam lingkungan Unit Pengurusan,
- 2) Temu bual: Mereka yang mempunyai sumber tentang kecukupan langkah-langkah perlindungan yang dilaksanakan, dan
- 3) Pemeriksaan: Kawasan Sampel Perwakilan bagi ekosistem semulajadi yang dilindungi.

Indikator 6.5.3. Apabila Kawasan Sampel Perwakilan tidak wujud, atau apabila kawasan sampel yang sedia wujud tidak mewakili ekosistem semulajadi dengan baik, atau sebaliknya tidak mencukupi, sebahagian daripada Unit Pengurusan dipulihkan menjadi keadaan yang lebih bersifat semulajadi.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Penilaian untuk keperluan pemulihan,
 - b) Rancangan pemulihan,
- 2) Temu bual: Mereka yang mempunyai sumber dan pihak berkepentingan yang relevan tentang kecukupan langkah-langkah pemulihan yang dilaksanakan, dan
- 3) Pemeriksaan: Sebahagian daripada Unit Pengurusan dipulihkan mengikut rancangan pemulihan.

Indikator 6.5.4. Saiz Kawasan Sampel Perwakilan dan/atau kawasan pemulihan adalah selari dengan status konservasi dan nilai ekosistem di tahap landskap, saiz Unit Pengurusan dan intensiti pengurusan hutan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Penilaian untuk keperluan pemulihan,
 - b) Rancangan pemulihan,
 - c) Dokumentasi tentang saiz Kawasan Sampel Perwakilan dan/atau kawasan pemulihan,
- 2) Temu bual: Mereka yang mempunyai sumber dan pihak berkepentingan yang relevan untuk memberi komen tentang kecukupan saiz Kawasan Sampel Perwakilan dan/atau kawasan pemulihan dan
- 3) Pemeriksaan: Saiz Kawasan Sampel Perwakilan dan/atau kawasan pemulihan adalah mengikut pelan pemulihan.

Indikator 6.5.5. Kawasan Sampel Perwakilan dikombinasi dengan lain-lain komponen rangkaian kawasan konservasi yang merangkumi minimum 10% kawasan daripada Unit Pengurusan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Dokumentasi menunjukkan saiz Unit Pengurusan, Kawasan Sampel Perwakilan dan rangkaian kawasan konservasi termasuk sebarang peta yang berkaitan.

Kriteria* 6.6. Organisas* harus menyelenggara secara berkesan tentang kewujudan yang berterusan spesis asli* dan genotaip* secara semulajadi dan mencegah kehilangan kepelbagaian biologi*, terutamanya melalui pengurusan habitat* dalam lingkungan Unit Pengurusan*. Organisasi harus mempamerkan langkah-langkah yang berkesan sudah disediakan untuk menguruskan dan mengawal pemburuan, penangkapan ikan, memerangkap dan pengumpulan.

Indikator 6.6.1. Aktiviti pengurusan menyelenggara kelompok tumbuhan dan ciri-ciri habitat yang ditemukan/terdapat dalam ekosistem semulajadi di mana Unit Pengurusan berada.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Prosedur Operasi Standard (berkaitan dengan kelompok tumbuhan dan habitat, lihat Lampiran G – Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard),
- 2) Temu bual: Pengurus hutan tentang usaha-usaha Organisasi untuk menyelenggara kelompok tumbuhan dan ciri-ciri habitat, dan
- 3) Pemeriksaan: Kelompok tumbuhan dan ciri-ciri habitat diselenggara.

Indikator 6.6.2. Apabila pengurusan terdahulu telah menghapuskan kelompok tumbuhan atau ciri-ciri habitat, aktiviti pengurusan yang bermatlamat untuk mewujudkan semula habitat telah dilaksanakan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Pelan pengurusan dahulu dan/atau rekod aktiviti dahulu yang dijalankan oleh pihak pengurusan terdahulu (dengan perincian penghapusan kelompok tumbuhan asli atau ciri-ciri habitat),
 - b) Prosedur Operasi Standard (berhubung dengan mewujudkan semula habitat terdahulu, lihat Lampiran G – Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard),
- 2) Temu bual: Pengurus hutan tentang usaha-usaha Organisasi untuk mewujudkan semula kelompok tumbuhan asli atau ciri-ciri habitat yang sebelum itu telah dihapuskan,
- 3) Pemeriksaan: Tapak-tapak yang mengandungi ciri-ciri habitat diwujudkan semula.

Indikator 6.6.3. Pengurusan menyelenggara, menambahbaik, atau memulihkan ciri-ciri habitat yang dikaitkan dengan ekosistem semulajadi, untuk menyokong kepelbagaian spesis yang wujud secara semulajadi dan kepelbagaian genetik masing-masing:

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Prosedur Operasi Standard (lihat Lampiran G – Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard),
- 2) Temu bual:
 - a) Pengurus hutan tentang usaha-usaha Organisasi untuk menyelenggara, menambahbaik, atau memulihkan ciri-ciri habitat,
 - b) Mereka yang mempunyai sumber / pakar tentang kecukupan usaha-usaha Organisasi dalam menyelenggara, menambahbaik, atau memulihkan ciri-ciri habitat, dan
- 3) Pemeriksaan: Tapak-tapak yang mengandungi ciri-ciri habitat diselenggara, ditambahbaik atau dipulihkan.

Indikator 6.6.4. Langkah-langkah berkesan diambil dan satu Prosedur Operasi Standard dilaksanakan untuk mengurus dan mengawal senjata api, pemburuan, penangkapan ikan, memerangkap, mengumpul dan aktiviti pengangkutan (hidupan liar) dalam lingkungan Unit Pengurusan bagi menentukan bahawa spesis asli (termasuk hasil hutan bukan kayu), kepelbagaiannya dalam lingkungan spesis dan taburan semulajadi dapat diselenggara.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Prosedur Operasi Standard (lihat Lampiran G – Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard) yang merangkumi:
 - i) Pengurusan senjata api, pemburuan, penangkapan ikan, memerangkap, mengumpul dan aktiviti pengangkutan (hidupan liar),
 - ii) Langkah-langkah kawalan bagi aktiviti pemburuan, penangkapan ikan, memerangkap dan mengumpul secara haram.
 - iii) Protokol penguatkuasaan sudah tersedia,
 - b) Rekod tindakan penguatkuasaan,
 - c) Rekod keterangan tentang penggunaan senjata api, pemburuan, penangkapan ikan, memerangkap, mengumpul dan aktiviti pengangkutan (hidupan liar) dalam lingkungan Unit Pengurusan, dan bukti tindakan pembetulan yang berkaitan telah diambil,
- 2) Temu bual:
 - a) Pengurus tentang langkah-langkah yang telah dilaksanakan,
 - b) Pihak berkuasa, organisasi konservasi dan lain-lain pihak kepentingan yang relevan tentang keberkesanan langkah-langkah yang dilaksanakan, dan
- 3) Pemeriksaan: Langkah-langkah pengurusan dan kawalan senjata api, pemburuan, penangkapan ikan, memerangkap, mengumpul dan aktiviti pengangkutan (hidupan liar).

Kriteria* 6.7. Organisasi* harus melindungi* atau memulihkan* laluan air semulajadi, kolam air*, zon-zon pesisir* dan ketersambungan/kesinambungan*. Organisasi* harus mengelak impak negatif ke atas kualiti dan kuantiti air dan mengurangkan kesan serta mencari penyelesaian.

Indikator 6.7.1. Langkah-langkah yang berkesan dilaksanakan untuk melindungi laluan air semulajadi, kolam air, zon-zon pesisir dan ketersambungan/kesinambungan termasuk kuantiti dan kualiti air.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Peta topografi menunjukkan laluan air semulajadi, kolam air dan zon-zon pesisir dalam lingkungan Unit Pengurusan dan kawasan sekitar lengkap dengan deskripsi,
 - b) Laporan data kuantiti dan kualiti air dan laporan berkaitan,
 - c) Langkah-langkah yang didokumenkan, Prosedur Operasi Standard (lihat Lampiran G – Panduan mengenai Prosedur Operasi Standard) dan/atau garis panduan untuk melindungi atau memulihkan laluan air semula jadi, kolam air, zon-zon pesisir dan ketersambungan,
 - d) Langkah-langkah diubahsuai (seperti yang diperlukan) untuk melindungi secara berkesan laluan air semulajadi, kolam air dan zon-zon pesisir serta ketersambungan.
- 2) Temu bual:
 - a) Pengurus hutan tentang langkah-langkah perlindungan yang telah dilaksanakan
 - b) Pihak berkepentingan yang relevan tentang kecukupan langkah-langkah perlindungan yang telah dilaksanakan, dan
- 3) Pemeriksaan: Langkah-langkah yang telah dilaksanakan (dan ditambahbaik) untuk melindungi laluan air semulajadi, kolam air dan zon-zon pesisir serta ketersambungannya.

Indikator 6.7.2. Apabila langkah-langkah perlindungan yang dilaksanakan tidak melindungi laluan air semulajadi, kolam air, zon-zon pesisir serta ketersambungannya, kuantiti atau kualiti air dari kesan pengurusan hutan, aktiviti pemulihan yang dilaksanakan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Peta topografi menunjukkan semua laluan air dan kolam air yang telah mengalami degradasi,
 - b) Laporan data kuantiti dan kualiti air dan laporan berkaitan,
 - c) Rancangan pemulihan,
 - d) Prosedur Operasi Standard (lihat Lampiran G – Panduan mengenai Prosedur Operasi Standard) dan/atau garis panduan untuk melindungi atau memulihkan laluan air semula jadi, kolam air, zon-zon pesisir dan ketersambungannya.
- 2) Temu bual:
 - a) Pengurus hutan tentang langkah-langkah pemulihan yang telah dilaksanakan,

- b) Pihak berkepentingan yang relevan tentang kecukupan langkah-langkah pemulihan yang telah dilaksanakan dan
- 3) Pemeriksaan: Aktiviti/tapak pemulihan.

Indikator 6.7.3. Apabila laluan air semulajadi, kolam air, zon-zon pesisir serta ketersambungannya, kuantiti atau kualiti air telah rosak pada tanah dan air akibat daripada aktiviti-aktiviti terdahulu oleh Organisasi, aktiviti pemulihan dilaksanakan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Peta topografi yang menunjukkan semua laluan air dan kolam air yang telah mengalami degradasi,
 - b) Laporan data kuantiti dan kualiti air dan laporan yang berkaitan,
 - c) Rancangan pemulihan,
 - d) Prosedur Operasi Standard (lihat Lampiran G – Garis Panduan mengenai Prosedur Operasi Standard) dan/atau garis panduan untuk melindungi atau memulihkan laluan air semula jadi, kolam air, zon-zon pesisir dan ketersambungannya.
- 2) Temu bual:
 - a) Pengurus hutan tentang langkah-langkah pemulihan yang telah dilaksanakan,
 - b) Pihak berkepentingan yang relevan tentang kecukupan langkah-langkah pemulihan yang telah dilaksanakan, dan
- 3) Pemeriksaan: Aktiviti/tapak pemulihan.

Indikator 6.7.4. Apabila terdapat degradasi pada laluan air semulajadi, kolam air, kuantiti air atau kualiti air akibat daripada aktiviti pihak ketiga, langkah-langkah dilaksanakan bagi mencegah atau meringankan kesan degradasi ini.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Peta topografi yang menunjukkan semua laluan air dan kolam air yang telah mengalami degradasi,
 - b) Laporan data kuantiti dan kualiti air dan laporan yang berkaitan,
 - c) Prosedur Operasi Piawai (lihat Lampiran G – Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard) dan/atau garis panduan bagi menghalang atau mengurangkan kesan degradasi pada laluan air semulajadi, kolam air dan zon-zon pesisir serta ketersambungannya, kuantiti atau kualiti air akibat daripada aktiviti pihak ketiga,
- 2) Temu bual:
 - a) Pengurus hutan tentang langkah-langkah pencegahan dan mitigasi yang telah dilaksanakan,

- b) Pihak berkepentingan tentang kecukupan langkah-langkah pencegahan dan mitigasi yang dilaksanakan, dan
- 3) Pemeriksaan: Langkah-langkah pencegahan dan mitigasi yang telah dilaksanakan.

Kriteria* 6.8. Organisasi* harus mengurus landskap* dalam lingkungan Unit Pengurusan* demi menyelenggara dan/atau memulih* pelbagai jenis spesis, saiz, usia, skala ruang dan kitaran penjanaan semula yang sesuai dengan nilai-nilai landskap* dalam kawasan tersebut dan untuk menambahbaik dayatahan* alam sekitar dan ekonomi.

Indikator 6.8.1. Rangkaian pelbagai jenis spesis, saiz, usia, skala ruang dan kitaran penjanaan semula yang sesuai dengan nilai-nilai landskap

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Prosedur Operasi Standard (lihat Lampiran G – Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard),
 - b) Laporan tinjauan atau inventori,
- 2) Temu bual: Mereka yang mempunyai sumber yang relevan tentang kecukupan usaha-usaha, dan
- 3) Pemeriksaan: Tapak-tapak untuk bukti penyelenggaraan rangkaian pelbagai jenis spesis, saiz, usia, skala ruang dan kitaran penjanaan semula.

Indikator 6.8.2. Rangkaian pelbagai jenis spesis, saiz, usia, skala ruang dan kitaran penjanaan semula dipulihkan di mana ia tidak diselenggara mengikut kesesuaian dengan landskap.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Pelan pemulihan,
 - b) Peta pemulihan,
- 2) Temu bual: Mereka yang mempunyai sumber yang relevan tentang kecukupan usaha-usaha pemulihan, dan
- 3) Pemeriksaan: Tapak-tapak pemulihan (jika ada).

Kriteria* 6.9. Organisasi* tidak harus mengubah hutan semulajadi* kepada perladangan*, mahupun hutan semulajadi atau perladangan di tapak-tapak yang diubah secara langsung daripada hutan semulajadi kepada gunatanah bukan hutan*, melainkan pengubahan tersebut:

- a) Menjejaskan bahagian yang amat terhad* bagi kawasan Unit Pengurusan*, dan
- b) Akan menghasilkan manfaat konservasi secara jangka panjang yang jelas, memadai, tambahan, kukuh dalam Unit Pengurusan*, dan
- c) Tidak merosakkan atau mengancam Nilai-nilai Konservasi Tinggi*, mahu pun mana-mana tapak atau sumber yang diperlukan untuk menyelenggara atau menambahbaik Nilai-nilai Konservasi Tinggi* tersebut.

Indikator 6.9.1. Tidak terdapat penukaran terhadap hutan semulajadi kepada perladangan, mahupun hutan semulajadi atau perladangan di tapak-tapak yang secara langsung diubah daripada hutan semulajadi kepada gunatanah bukan hutan kecuali perubahan yang:

- 1) Melibatkan bahagian yang amat terhad bagi Unit Pengurusan, dan
- 2) Akan menghasilkan manfaat konservasi secara jangka panjang yang jelas, memadai, tambahan, kukuh dalam Unit Pengurusan, dan;
- 3) Tidak merosakkan atau mengancam Nilai-nilai Konservasi Tinggi, mahupun mana-mana tapak atau sumber yang diperlukan untuk menyelenggara atau menambahbaik Nilai-nilai Konservasi Tinggi tersebut.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Hak-hak undang-undang jangka panjang,
 - b) Pelan Pembangunan Perladangan (PDP) (*Plantation Development Plan*), termasuk peta kawasan pengubahan dalam lingkungan Unit Pengurusan,
 - c) Perjanjian lesen perkayuan,
 - d) Rekod konsultasi dengan pihak berkepentingan,
 - e) Laporan penilaian HCV, dan
 - f) Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) (*Environmental Impact Assessment*).

Indikator 6.9.2. Mana-mana kawasan hutan yang sedang ditukar (sama ada daripada perladangan kepada gunatanah bukan hutan atau daripada hutan semulajadi kepada perladangan atau gunatanah bukan hutan) dan/atau dijadualkan untuk pengubahan dikenalpasti.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Dokumentasi kawasan yang dikenalpasti untuk pengubahan, saiz dan jenis pokok yang terlibat, jadual pengubahan dan keadaan tapak-tapak,

- b) Pelan Pembangunan Perladangan (PDP) (*Plantation Development Plan*), termasuk peta kawasan pengubahan dalam lingkungan Unit Pengurusan, dan
- c) Pelan kerja tahunan (atau rancangan terperinci tahunan untuk Sarawak).

Kriteria* 6.10. Unit Pengurusan* mengandungi perladangan* yang ditubuhkan di kawasan yang diubah daripada hutan semulajadi* selepas November 1994 tidak layak untuk mendapat pengesahan, melainkan:

- a) Bukti yang jelas dan cukup dikemukakan bahawa Organisasi* tidak bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung bagi penukaran hutan, atau
- b) Penukaran hutan hanya melibatkan satu bahagian yang amat terhad* dari kawasan *Unit Pengurusan* dan menghasilkan kelebihan yang jelas, memadai, tambahan, menjamin konservasi* dalam *Unit Pengurusan**

Indikator 6.10.1. Berdasarkan Maklumat Lengkap Disediakan, data tepat telah dikumpul bagi semua penukaran sejak tahun 1994.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Perjanjian lesen perkayuan,
 - b) Peta Unit Pengurusan, termasuk peta kawasan pengubahan dalam lingkungan Unit Pengurusan,
 - c) Bahagian sejarah dan latar belakang dalam pelan pengurusan,
 - d) Rekod dari jabatan perhutanan (cth. Surat kelulusan bagi pengubahan, dll.),
 - e) Rekod pemilikan tanah dari Pejabat Tanah,
 - f) Warta Kerajaan,
 - g) Pelan Pembangunan Perladangan (PDP) (*Plantation Development Plan*),
 - h) Laporan penilaian,
 - i) Rekod kawasan hutan yang diperuntukkan bagi pembangunan perladangan hutan sebelum tahun 1994, dan
- 2) Temu bual: Pihak berkepentingan yang relevan tentang ketepatan data yang disediakan oleh *Organisasi*.

Indikator 6.10.2. Kawasan yang ditukar daripada hutan semulajadi kepada perladangan sejak November 1994 yang tidak disahkan melainkan:

- a) Organisasi mengemukakan bukti yang jelas dan cukup bahawa ia tidak bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung bagi pengubahan; atau
- b) Pengubahan menghasilkan kelebihan konservasi jangka panjang yang jelas, memadai, tambahan, kukuh dalam Unit Pengurusan; dan
- c) Jumlah kawasan perladangan di tapak-tapak yang diubah daripada hutan semulajadi sejak November 1994 adalah kurang daripada 5% dari jumlah kawasan Unit Pengurusan.

Pengesah-Pengesah:

1) Dokumen-dokumen:

- a) Rekod kawasan yang diubah sejak November 1994, dan
- b) Bukti bahawa Organisasi tidak bertanggungjawab dalam penukaran, dan/atau
- c) Dokumentasi kelebihan konservasi, dan/atau
- d) Data dan peta yang menunjukkan saiz Unit Pengurusan dan kawasan yang diubah sejak November 1994, dan
- e) Rekod kawasan hutan yang diperuntukkan bagi pembangunan perladangan hutan sebelum tahun 1994.

[Lihat Lampiran C](#) (Gambar rajah Konseptual Rangkaian Kawasan Konservasi)

[Lihat Lampiran G](#) (Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard)

[Lebihan halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

Prinsip* 7: Pelan pengurusan

Organisasi* harus mempunyai satu pelan pengurusan* yang konsisten dengan polisi-polisi dan objektif* yang seiring dengan skala, intensiti dan risiko* aktiviti pengurusannya. Pelan pengurusan* harus dilaksanakan dan dikemaskini berdasarkan kepada maklumat pemantauan untuk menggalakkan pengurusan penyesuaian*. Dokumentasi perancangan dan prosedur yang berkaitan harus memadai untuk membantu kakitangan, memaklumkan pihak berkepentingan yang terkesan* dan pihak berkepentingan yang berminat* serta menjustifikasi keputusan pengurusan.

Kriteria* 7.1. Organisasi* harus selari dengan skala, intensiti dan risiko* aktiviti pengurusannya, menetapkan polisi-polisi (visi dan nilai-nilai) serta objektif* bagi pengurusan yang bersifat mantap dari segi alam sekitar, bermanfaat secara sosial dan boleh dilaksanakan dari segi ekonomi. Ringkasan bagi polisi-polisi dan objektif ini hendaklah dirangkumkan dalam pelan pengurusan*, dan diwawarkan kepada umum.

Indikator 7.1.1. Polisi (visi dan nilai-nilai, termasuk yang berkaitan dengan hasil hutan bukan kayu, jika berkenaan) yang menyumbang kepada keperluan piawai ini ditentukan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Dokumen-dokumen polisi dan objektif yang diluluskan.

Indikator 7.1.2. Objektif-objektif pengurusan yang khusus (termasuk untuk hasil hutan bukan kayu, jika berkenaan) yang memberikan perhatian kepada keperluan piawai ini ditentukan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Bukti bahawa polisi mengandungi objektif bagi pengurusan yang bersifat mantap dari segi alam sekitar, bermanfaat secara sosial dan boleh dilaksanakan dari segi ekonomi.

Indikator 7.1.3. Ringkasan bagi polisi dan objektif pengurusan yang ditakrifkan (termasuk untuk hasil hutan bukan kayu, jika berkenaan) hendaklah dirangkumkan dalam pelan pengurusan dan diwawarkan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Ringkasan bagi polisi dan objektif dalam pelan pengurusan, dan
 - b) Bukti penerbitan mengenai polisi dan objektif.

Kriteria* 7.2. Organisasi* harus mempunyai dan melaksanakan satu pelan pengurusan* bagi Unit Pengurusan* yang konsisten dengan polisi dan objektif pengurusan* seperti yang ditetapkan mengikut Kriteria 7.1. *Pelan pengurusan** harus menerangkan sumber semulajadi yang terdapat dalam lingkungan *Unit Pengurusan** dan menerangkan bagaimana pelan tersebut akan memenuhi syarat-syarat keperluan FSC. Pelan pengurusan harus meliputi pelan pengurusan hutan* dan pelan pengurusan sosial yang selari dengan skala, intensiti dan risiko* bagi aktiviti yang dirancang.

Indikator 7.2.1. Pelan pengurusan merangkumi tindakan-tindakan, prosedur-prosedur, strategi-strategi dan langkah-langkah pengurusan untuk mencapai objektif pengurusan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Pelan pengurusan yang diluluskan mengandungi tindakan-tindakan, prosedur-prosedur, strategi-strategi dan langkah-langkah pengurusan untuk mencapai objektif pengurusan.

Nota: Lampiran D (Elemen-elemen Pelan Pengurusan) menyediakan panduan tentang elemen-elemen pelan pengurusan.

Indikator 7.2.2. Pelan Pengurusan (termasuk untuk hasil hutan bukan kayu, jika berkenaan) adalah selari dengan Garis Panduan Pelan Pengurusan dan ia telah dilaksanakan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Pelan pengurusan yang diluluskan adalah mengikut Lampiran D (Elemen-elemen Pelan Pengurusan), dan
- 2) Temu bual: Pengurus hutan untuk mengesahkan pelaksanaan pelan pengurusan.

Nota: Lampiran D (Elemen-elemen Pelan Pengurusan) menyediakan garis panduan tentang elemen-elemen pelan pengurusan.

Kriteria* 7.3. Pelan pengurusan* harus merangkumi sasaran-sasaran yang boleh disahkan* di mana kemajuan bagi setiap objektif pengurusan* boleh dinilai.

Indikator 7.3.1. Sasaran-sasaran yang boleh disahkan, dan kekerapan nilaiannya ditetapkan bagi memantau kemajuan bagi setiap objektif pengurusan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Sasaran-sasaran dokumentasi boleh disahkan bagi semua objektif yang ditetapkan serta nilai-nilai garis asas untuk objektif yang ditetapkan dalam pelan pengurusan.

Kriteria* 7.4. Organisasi* harus mengemaskini dan menyemak semula secara berkala pelan pengurusan dan dokumentasi prosedur untuk merangkumkan hasil pemantauan dan penilaian, rundingan bersama* pihak berkepentingan atau maklumat saintifik dan teknikal baharu serta memberi respon mengikut situasi alam sekitar, sosial dan ekonomi yang sering berubah.

Indikator 7.4.1. Pelan pengurusan disemak dan dikemaskini secara berkala untuk merangkumkan:

- 1) Hasil pemantauan, termasuk keputusan audit pengesahan;
- 2) Keputusan penilaian;
- 3) Keputusan rundingan bersama pihak berkepentingan;
- 4) Maklumat saintifik dan teknikal yang baharu, dan
- 5) Keadaan alam sekitar, sosial dan ekonomi yang sering berubah.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Dokumentasi yang menggambarkan komitmen Organisasi untuk menyemak dan mengemaskini pelan pengurusan yang konsisten,
 - b) Semakan pelan pengurusan,
 - c) Rekod pemantauan dan penilaian,
 - d) Rekod rundingan bersama pihak berkepentingan,
 - e) Dokumentasi maklumat saintifik dan teknikal baharu, dan
 - f) Dokumentasi situasi alam sekitar, sosial dan ekonomi yang sering berubah.

Nota: Lampiran D (Elemen-elemen pelan pengurusan) menyediakan garis panduan tentang elemen-elemen pelan pengurusan.

Kriteria* 7.5. Organisasi* harus menyediakan satu ringkasan pelan pengurusan* tersedia untuk capaian umum* secara percuma. Kecuali maklumat sulit*, lain-lain komponen pelan pengurusan* untuk perhatian pihak berkepentingan yang terkesan* menerusi permintaan, kos penghasilan semula dan kendalian.

Indikator 7.5.1. Satu ringkasan pelan pengurusan dalam format yang boleh difahami oleh pihak berkepentingan termasuk peta dan tidak termasuk maklumat sulit tersedia untuk capaian umum tanpa kos.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Ringkasan umum pelan pengurusan termasuk peta yang disediakan dalam domain umum dan dalam bahasa yang sesuai dengan Orang Asal/Asli dan komuniti setempat di kawasan berkenaan,
 - b) Bukti notis awam tentang kebolehdapatan ringkasan tersebut, dan

- c) Rekod permintaan bagi ringkasan daripada pihak berkepentingan.

Indikator 7.5.2. Komponen-komponen yang relevan untuk pelan pengurusan, kecuali maklumat sulit, disediakan untuk peroleh pihak berkepentingan yang terkesan menerusi permintaan, kos penghasilan semula dan kendalian.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod penyediaan maklumat tambahan kepada pihak berkepentingan yang terkesan (jika ada).

Kriteria* 7.6. Organisas* harus selari dengan skala, intensiti dan risiko* aktiviti-aktiviti pengurusan, secara proaktif dan telus ketika berunding dengan pihak berkepentingan yang terkesan* dalam proses perancangan dan pemantauan pengurusannya dan harus berunding dengan pihak kepentingan yang berminat* mengikut permintaan.

Indikator 7.6.1. Rundingan bersama bersesuaian dengan budaya digunakan untuk menentukan bahawa pihak berkepentingan yang terkesan berunding bersama secara proaktif dan telus dalam proses-proses berikut:

- 1) Proses-proses penyelesaian pertikaian (Kriteria 1.6, Kriteria 2.6, Kriteria 4.6);
- 2) Definisi Gaji Sara Hidup (Kriteria 2.4);
- 3) Identifikasi hak-hak (Kriteria 3.1, Kriteria 4.1), Landskap Budaya Orang Asli (Kriteria 3.1), tapak (Kriteria 3.5, Kriteria 4.7) dan impak-impak (Kriteria 4.5);
- 4) Aktiviti pembangunan sosio-ekonomi komuniti setempat (Kriteria 4.4); dan
- 5) Penilaian, pengurusan dan pemantauan Nilai Konservasi Tinggi (Kriteria 9.1, Kriteria 9.2, Kriteria 9.4).

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod rundingan bersama dengan pihak berkepentingan yang terkesan, dan
- 2) Temu bual: Pihak berkepentingan yang terkesan, pegawai perhubungan Unit Pengurusan atau pegawai yang relevan untuk bukti tentang usaha-usaha Organisasi untuk mengadakan rundingan bersama secara proaktif dan telus dengan pihak berkepentingan yang terkesan dalam perancangan pengurusan dan proses pemantauan.

Indikator 7.6.2. Rundingan bersama bersesuaian dengan budaya digunakan untuk:

- 1) Menentukan wakil-wakil dan pihak untuk dihubungi yang sesuai (termasuk mengikut keperluan, institusi, organisasi dan pihak berkuasa tempatan);
- 2) Menentukan saluran komunikasi yang dipersetujui bersama bagi membolehkan aliran maklumat dari kedua-dua arah;
- 3) Memastikan semua peserta (wanita, belia, orang tua, golongan minoriti) diwakili dan dirundingi secara adil;

- | |
|--|
| <ol style="list-style-type: none"> 4) Memastikan semua mesyuarat, semua perkara yang dibincangkan, dan semua perjanjian yang dimeterai direkodkan; 5) Memastikan kandungan rekod mesyuarat diluluskan; dan 6) Memastikan semua hasil rundingan bersama mengikut aktiviti peraturan budaya dikongsi bersama dengan mereka yang terlibat. |
|--|

Pengesah-Pengesah:

- | |
|---|
| <ol style="list-style-type: none"> 1) Dokumen-dokumen: Rekod rundingan bersama dengan pihak berkepentingan, termasuk senarai penyertaan dan rekod mesyuarat. |
|---|

Indikator 7.6.3. Pemegang hak terjejas dan pihak berkepentingan yang terkesan diberi peluang untuk mengadakan rundingan bersama bersesuaian dengan budaya dalam proses pemantauan dan perancangan aktiviti pengurusan yang membawa kesan kepada kepentingan mereka.

Pengesah-Pengesah:

- | |
|---|
| <ol style="list-style-type: none"> 1) Dokumen-dokumen: Rekod penglibatan dengan <u>pemegang hak terjejas dan pihak berkepentingan yang terkesan</u>. |
|---|

Indikator 7.6.4. Atas permintaan, pihak berkepentingan yang berminat diberi peluang untuk mengadakan rundingan bersama dalam proses pemantauan dan perancangan aktiviti pengurusan yang membawa kesan kepada kepentingan mereka.

Pengesah-Pengesah:

- | |
|--|
| <ol style="list-style-type: none"> 1) Dokumen-dokumen: Rekod rundingan bersama dengan pihak berkepentingan yang berminat. |
|--|

[Lihat Lampiran D](#) (Elemen-elemen Pelan Pengurusan).

Prinsip* 8: Pemantauan dan penilaian

Organisasi* harus mendemonstrasikan kemajuan ke arah pencapaian objektif pengurusan*, impak aktiviti pengurusan dan keadaan Unit Pengurusan*, dipantau dan dinilai selari dengan skala, intensiti dan risiko* bagi aktiviti pengurusan untuk melaksanakan pengurusan adaptif*.

Kriteria* 8.1. Organisasi* harus memantau pelaksanaan pelan pengurusan*, termasuk polisi dan objektif pengurusan*, kemajuan aktiviti-aktiviti yang dirancang dan pencapaian sasaran-sasaran yang boleh disahkan*.

Indikator 8.1.1. Prosedur-prosedur didokumentasi dan dijalankan untuk pemantauan dan pelaksanaan pelan pengurusan termasuk polisi dan objektif pengurusan dan pencapaian sasaran-sasaran yang boleh disahkan.

Pengesah-Pengesah:

1) Dokumen-dokumen:

- a) Pelan pemantauan termasuk dokumentasi tentang kolaborasi dengan pihak-pihak luar untuk menjalankan pemantauan (jika ada), dan
- b) Keputusan/rekod pemantauan menunjukkan kemajuan ke arah dan/atau pencapaian sasaran-sasaran yang boleh disahkan.

Kriteria* 8.2. Organisasi* harus memantau dan menilai impak alam sekitar dan sosial bagi aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam Unit Pengurusan*, dan perubahan dalam alam sekitar.

Indikator 8.2.1. Impak sosial dan alam sekitar bagi aktiviti pengurusan (termasuk yang berkaitan dengan hasil hutan bukan kayu, jika ada) akan dipantau.

Pengesah-Pengesah:

1) Dokumen-dokumen:

- a) Pelan pemantauan,
- b) Hasil pemantauan yang menunjukkan kesan alam sekeliling dan sosial seperti Laporan Pemantauan Alam Sekeliling (EMR) (*Environmental Monitoring Report*), Laporan Pematuhan Alam Sekeliling (ECR) (*Environmental Compliance Report*) (untuk Sabah), atau Audit Pematuhan Alam Sekeliling (ECA) (*Environmental Compliance Audit*) (untuk Sarawak), dan
- c) Laporan pemantauan tahunan.

Pengesah-Pengesah (SLIMF sahaja):

1) Dokumen-dokumen:

- a) Pelan pemantauan (untuk NTFPs, jika ada), dan

- b) Hasil pemantauan yang menunjukkan kesan alam sekeliling dan sosial seperti Laporan Pemantauan Alam Sekeliling (EMR) (*Environmental Monitoring Report*), Laporan Pematuhan Alam Sekeliling (ECR) (*Environmental Compliance Report*) (untuk Sabah), atau Audit Pematuhan Alam Sekeliling (ECA) (*Environmental Compliance Audit*) (untuk Sarawak).

Nota: Lampiran E (Keperluan Pemantauan) memberikan panduan mengenai keperluan pemantauan.

Indikator 8.2.2. Perubahan dalam keadaan alam sekitar dipantau.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Pelan pemantauan,
 - b) Keputusan pemantauan yang menunjukkan perubahan keadaan alam sekitar, dan
 - c) Laporan pemantauan tahunan.

Pengesah-Pengesah (SLIMF sahaja):

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Pelan pemantauan, dan
 - b) Hasil pemantauan yang menunjukkan perubahan keadaan alam sekeliling.

Nota: Lampiran E (Keperluan Pemantauan) menyediakan panduan untuk keperluan pemantauan.

Kriteria* 8.3 Organisasi* harus menganalisis keputusan pemantauan serta penilaian dan menyerahkan hasil analisis ini kepada proses perancangan.

Indikator 8.3.1. Prosedur pengurusan adaptif dilaksanakan supaya keputusan pemantauan diserahkan ke dalam pengemaskinian berkala proses perancangan dan pelan pengurusan yang dihasilkan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Keputusan pemantauan dan penilaian yang telah dianalisis, dan
 - b) Bukti tentang semakan semula secara berkala dalam pelan kerja berdasarkan keputusan yang telah dianalisis.

Indikator 8.3.2. Jika keputusan pemantauan menunjukkan ketidakpatuhan Standard FSC, maka objektif pengurusan, sasaran-sasaran yang boleh disahkan dan/atau aktiviti pengurusan disemak semula.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Semakan semula objektif pengurusan, sasaran-sasaran yang boleh disahkan dan/atau aktiviti-aktiviti pengurusan dalam pelan kerja (jika ada).

Kriteria* 8.4. Organisasi* harus menyediakan tersedia untuk capaian umum* satu ringkasan keputusan pemantauan secara percuma, tidak termasuk maklumat sulit.

Indikator 8.4.1. Satu ringkasan keputusan pemantauan dalam bentuk formal yang boleh difahami oleh pihak berkepentingan termasuk peta dan tidak termasuk maklumat sulit yang tersedia untuk capaian umum tanpa kos.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Ringkasan umum mengenai keputusan pemantauan yang konsisten dengan Lampiran E (Keperluan Pemantauan) termasuk peta disediakan secara domain umum dan dalam bahasa yang sesuai dengan Orang Asal/Asli dan komuniti setempat di kawasan berkenaan.

Kriteria* 8.5. Organisasi* harus mempunyai dan melaksanakan satu sistem penjejakan dan pengesahan yang selari dengan skala, intensiti dan risiko* bagi kegiatan pengurusannya, untuk mempamerkan sumber dan isipadu yang selari dengan kadar hasilan unjurian bagi setiap tahun bagi semua produk dari Unit Pengurusan* yang dipasarkan, telah mendapat pengesahan FSC.

Indikator 8.5.1. Satu sistem dilaksanakan untuk menjelaki dan mengesan semua produk (termasuk hasil hutan bukan kayu) yang dipasarkan telah diperakui FSC. Sebahagian daripadanya:

- 1) Pengesahan transaksi disokong dengan memberikan data transaksi FSC seperti yang diminta oleh badan sertifikasi; dan
- 2) Pengujian gentian disokong dengan menyerahkan sampel dan spesimen bahan dan maklumat tentang komposisi spesis untuk pengesahan seperti yang diminta oleh badan pensijilan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Prosedur Operasi Standard (lihat Lampiran G – Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard),
 - b) Dokumen-dokumen yang berkaitan dengan sistem penjejakan,
 - c) Rekod bagi semua produk yang telah dijual,
 - d) Pengesahan isipadu sebenar kayu balak yang didakwa mendapat pengesahan FSC tidak melebihi isipadu pengeluaran kayu balak dari Unit Pengurusan,
 - e) Pengesahan bahawa isipadu sebenar produk (kayu balak, kayu gergaji, hasil hutan bukan kayu) yang dinyatakan diperakui FSC adalah seimbang dengan volum keluaran daripada Unit Pengurusan,Pemeriksaan:
 - f) Data transaksi FSC,
 - g) Keputusan pengujian gentian (jika ada),

- 2) Pemeriksaan:
- Pengesahan produk daripada tunggal hingga perubahan pemilikan/jualan pertama
 - Pengesahan pensampelan kayu balak, saiz dan spesis, dari tempat simpanan balak ke tunggal, dan
 - Pengesahan pensampelan hasil hutan bukan kayu.

Indikator 8.5.2. Maklumat tentang segala produk (termasuk hasil hutan bukan kayu) yang telah dijual, dikumpul dan didokumentasikan, termasuk:

- Nama biasa dan saintifik spesis;
- Nama atau deskripsi produk;
- Isipadu (atau kuantiti) produk;
- Maklumat untuk menjelaki bahan ke blok penuaian;
- Tarikh atau tempoh penuaian;
- Jika aktiviti pemprosesan asas (menghasilkan kadar hasil balak bukan bulat) berlaku dalam hutan, tarikh dan volum yang dihasilkan; dan
- Sama ada bahan yang dijual memiliki pengesahan FSC

Pengesah-Pengesah:

- Dokumen-dokumen: Dokumentasi bagi semua produk yang dijual.

Indikator 8.5.3. Invois jualan atau dokumentasi seumpamanya disimpan selama sekurang-kurangnya lima tahun bagi semua produk (termasuk hasil hutan bukan kayu) yang dijual dengan tuntutan FSC, yang mengenalpasti sekurang-kurangnya maklumat berikut:

- Nama dan alamat pembeli;
- Tarikh jualan;
- Nama biasa dan saintifik spesis;
- Deskripsi produk;
- Isipadu (atau kuantiti) dijual;
- Kod sijil; dan
- Tuntutan FSC “FSC 100%” mengenal pasti produk yang dijual sebagai diperakui FSC.

Pengesah-Pengesah:

- Dokumen-dokumen: Invois-invois jualan atau dokumentasi seumpamanya bagi semua produk yang dijual dengan jaminan FSC.

[Lihat Lampiran E](#) (Keperluan Memantau)

[Lihat Lampiran G](#) (Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard)

Prinsip* 9: Nilai-nilai Konservasi Tinggi (High Conservation Values)

Organisasi* harus menyelenggara dan/atau menambahbaik Nilai-nilai Konservasi Tinggi dalam Unit Pengurusan* menerusi pengaplikasian pendekatan berjaga-jaga*.

Kriteria 9.1. Organisasi*, menerusi rundingan bersama* dengan pihak berkepentingan yang terkesan, pihak berkepentingan yang berminat* dan lain-lain cara dan sumber, harus menilai dan merekodkan kehadiran dan status Nilai-nilai Konservasi Tinggi* seperti dalam Unit Pengurusan*, selari dengan skala, intensiti dan risiko* impak aktiviti pengurusan, dan berkemungkinan berlakunya Nilai-nilai Konservasi Tinggi*.

HCV 1 – Kepelbagaiannya spesis. Kepekatan kepelbagaiannya biologi termasuk spesis endemik, dan spesis langka atau terancam, yang signifikan* di peringkat global, serantau atau nasional.

HCV 2 – Ekosistem* dan mozek tahap-landskap. Landskap hutan padu* dan ekosistem tahap-landskap besar serta mozek ekosistem yang penting di peringkat global, serantau atau nasional dan yang mengandungi sejumlah besar spesis yang wujud secara semulajadi dalam pola taburan dan dalam jumlah besar secara semulajadi.

HCV 3 – Ekosistem dan habitat*. Ekosistem, habitat atau ekosistem* terancam, habitat* atau refugia*.

HCV 4 – Perkhidmatan ekosistem* kritikal*. Perkhidmatan ekosistem asas* dalam situasi kritikal*, termasuk perlindungan* kawasan tадahan air dan kawalan hakisan tanah dan cerun yang cenderung untuk terhakis.

HCV 5 – Keperluan komuniti. Tapak-tapak dan sumber-sumber fundamental untuk memenuhi keperluan asas komuniti setempat* atau Orang Asal/Asli* (untuk kehidupan, kesihatan nutrisi, air dsb.), yang dikenalpasti menerusi rundingan bersama dengan komuniti-komuniti atau Orang Asal/Asli ini.

HCV 6 – Nilai-nilai budaya. Tapak-tapak, sumber-sumber, habitat dan landskap yang mempunyai kepentingan kebudayaan, arkeologi atau sejarah global atau nasional dan/atau mempunyai kepentingan kebudayaan, ekologi, ekonomi atau agama/kesucian kritikal* terhadap kebudayaan komuniti setempat* atau Orang Asal/Asli, yang dikenalpasti menerusi rundingan bersama dengan komuniti atau Orang Asal/Asli* ini.

Indikator 9.1.1. Organisasi harus mempamerkan komitmen untuk sumber secukupnya dan menilai secara komprehensif Unit Pengurusan untuk Nilai-nilai Konservasi Tinggi.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Dokumentasi sumber yang diperuntukkan bagi penilaian HCV dan pelaksanaan strategi dan tindakan pengurusan.

Indikator 9.1.2. Suatu penilaian dilengkapkan dengan menggunakan Maklumat Lengkap Disediakan yang merekodkan lokasi dan status Nilai Konservasi Tinggi Kategori 1-6, seperti yang ditakrifkan dalam Kriteria 9.1; Kawasan-kawasan Nilai Konservasi Tinggi yang disandari serta keadaannya.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Laporan penilaian HCV yang merangkumi syarat-syarat yang dinyatakan di atas.

Pengesah-Pengesah (SLIMF sahaja):

- 1) Dokumen-dokumen: Dokumentasi mengenai penilaian HCV.

Nota: Lampiran F (Rangka Kerja tentang Nilai-nilai Konservasi Tinggi) yang memperuntukkan keperluan HCV.

Indikator 9.1.3. Penilaian ini termasuk pengenalpastian Landskap Hutan Utuh berkuatkuasa pada 1 Januari 2017.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Laporan penilaian HCV yang mengandungi keperluan yang dihuraikan di atas.

Indikator 9.1.4. Penilaian menggunakan hasil daripada penglibatan bersesuaian dengan budaya dengan pemegang hak terjejas dan yang terjejas dan pihak berkepentingan yang berminat dengan kepentingan dalam konservasi Nilai-nilai Konservasi Tinggi.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:

- a) Laporan penilaian HCV yang menggunakan hasil penglibatan, dan
- b) Rekod penglibatan yang sesuai dari segi budaya dengan pemegang hak terjejas dan yang terjejas dan pihak berkepentingan.

Nota: Lampiran F (Rangka Kerja tentang Nilai-nilai Konservasi Tinggi) memperuntukkan keperluan HCV.

Kriteria* 9.2. Organisas** harus membangunkan strategi yang berkesan yang dapat menyelenggara dan/atau menambahbaik Nilai-nilai Konservasi Tinggi* yang dikenalpasti menerusi rundingan bersama* dengan pihak berkepentingan yang terjejas*, pihak berkepentingan yang berminat* dan pakar.

Indikator 9.2.1. Ancaman terhadap Nilai-nilai Konservasi Tinggi dikenalpasti dengan menggunakan Maklumat Terbaik yang Sedia Ada

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Laporan penilaian HCV.

Pengesah-Pengesah (SLIMF sahaja):

- 1) Dokumen-dokumen: Dokumentasi mengenai penilaian HCV.

Nota: Lampiran F (Rangka Kerja tentang Nilai-nilai Konservasi Tinggi) memperuntukkan keperluan HCV.

Indikator 9.2.2. Strategi dan tindakan pengurusan dibangunkan untuk menyelenggara dan/atau menambahbaik Nilai-nilai Konservasi Tinggi yang dikenalpasti dan untuk menyelenggara Kawasan Nilai Konservasi Tinggi sebelum melaksanakan aktiviti-aktiviti pengurusan yang berpotensi bahaya.

Pengesah-Pengesah:

1) Dokumen-dokumen:

- a) Pelan Pengurusan dan Pemantauan HCV dan/atau strategi dan tindakan pengurusan yang relevan, dan
- b) Rekod pemantauan HCV dan keputusan yang berkaitan dengan Pelan Pengurusan dan Pemantauan HCV, serta lain-lain laporan yang relevan seperti Laporan Pemantauan Alam Sekitar (EMR) (*Environmental Monitoring Report*), Laporan Pematuhan Alam Sekeliling (ECR) (*Environmental Compliance Report*) (untuk Sabah) atau Audit Pematuhan Alam Sekitar (ECA) (*Environmental Compliance Audit*) (untuk Sarawak).

Nota: Lampiran F (Rangka Kerja tentang Nilai-nilai Konservasi Tinggi) memperuntukkan keperluan HCV.

Indikator 9.2.3. Pemegang hak terjejas, yang terjejas dan pihak berkepentingan yang terjejas dan pihak berkepentingan yang berminat serta orang yang mempunyai sumber dirundingi dalam pembangunan strategi dan tindakan pengurusan untuk menyelenggara dan/atau menambahbaik Nilai-nilai Konservasi Tinggi yang dikenalpasti.

Pengesah-Pengesah:

1) Dokumen-dokumen:

- a) Rekod pihak berkepentingan dan/atau input orang yang mempunyai sumber dalam strategi dan tindakan pengurusan,
 - b) Rekod rundingan bersama dengan pihak berkepentingan yang terjejas, yang terkesan, pihak berkepentingan yang berminat serta mereka yang mempunyai sumber, dan
- 2) Temu bual: Pihak berkepentingan yang terjejas, yang terjejas, pihak berkepentingan yang terjejas dan berminat serta mereka yang mempunyai sumber tentang kecukupan rundingan bersama.

Nota: Lampiran F (Rangka Kerja tentang Nilai-nilai Konservasi Tinggi) memperuntukkan keperluan HCV.

Indikator 9.2.4. Strategi pengurusan dibangunkan untuk melindungi Kawasan-kawasan penting.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Pelan Pengurusan dan Pemantauan HCV dan/atau strategi dan tindakan yang relevan.

Indikator 9.2.5. Majoriti keluasan daripada setiap Landskap Hutan Utuh ditentukan sebagai kawasan-kawasan teras.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Pelan Pengurusan dan Pemantauan HCV dan/atau strategi dan tindakan yang relevan.

Indikator 9.2.6. Strategi yang dibangunkan adalah berkesan untuk menyelenggara dan/atau menambahbaik Nilai-nilai Konservasi Tinggi.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Pelan Pengurusan dan Pemantauan HCV dan/atau strategi dan tindakan pengurusan yang relevan,
 - b) Rekod dan hasil pemantauan HCV yang sepadan dengan Pelan Pengurusan dan Pemantauan HCV, dan laporan lain yang berkaitan seperti Laporan Pemantauan Alam Sekeliling (EMR) (*Environmental Monitoring Report*), Laporan Pematuhan Alam Sekeliling (ECR) (*Environmental Compliance Report*) (untuk Sabah), atau Audit Pematuhan Alam Sekeliling (ECA) (*Environmental Compliance Audit*) (untuk Sarawak), dan
- 2) Temu bual: Pemegang hak terjejas dan pihak berkepentingan yang berminat serta mereka yang mempunyai sumber tentang keberkesanan strategi-strategi yang dibangunkan.

Nota: Lampiran F (Rangka Kerja tentang Nilai-nilai Konservasi Tinggi) memperuntukkan keperluan HCV.

Kriteria* 9.3. Organisasi* harus melaksanakan strategi dan tindakan untuk menyelenggara dan/atau menambahbaik Nilai-nilai Konservasi Tinggi* yang dikenalpasti. Strategi dan tindakan ini harus melaksanakan pendekatan berhati-hati* dan selari dengan skala, intensiti dan risiko* aktiviti pengurusan..

Indikator 9.3.1. Nilai-nilai Konservasi Tinggi dan Kawasan-kawasan Nilai Konservasi Tinggi yang disandari adalah diselenggara dan/atau ditambahbaik, termasuklah dengan melaksanakan strategi yang dibangunkan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Laporan penilaian HCV,
 - b) Rekod dan hasil pemantauan HCV yang sepadan dengan Pelan Pengurusan dan Pemantauan HCV, dan lain-lain laporan yang relevan seperti Laporan Pemantauan Alam Sekeliling (EMR) (*Environmental Monitoring Report*), Laporan Pematuhan Alam Sekeliling (ECR) (*Environmental Compliance Report*) (untuk Sabah), atau Audit Pematuhan Alam Sekeliling (ECA) (*Environmental Compliance Audit*) (untuk Sarawak),
- 2) Temu bual:
 - a) Pengurus hutan tentang strategi yang dilaksanakan,
 - b) Pihak berkepentingan yang terjejas dan berminat serta mereka yang mempunyai sumber tentang keberkesanan strategi yang dilaksanakan, dan
- 3) Pemeriksaan: Tapak-tapak HCV.

Nota: Lampiran F (Rangka Kerja tentang Nilai-nilai Konservasi Tinggi) memperuntukkan keperluan HCV).

Indikator 9.3.2. Strategi dan tindakan yang dapat mencegah kerosakan dan mengelak risiko-risiko kepada Nilai-nilai Konservasi Tinggi, walaupun ketika maklumat saintifik tidak lengkap atau tidak konklusif dan apabila kecenderungan dan kepekaan Nilai-nilai Konservasi Tinggi tidak dapat ditentukan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Laporan penilaian HCV,
 - b) Strategi dan tindakan pengurusan yang relevan
 - c) Rekod dan hasil pemantauan HCV yang sepadan dengan Pelan Pengurusan dan Pemantauan HCV, dan laporan lain yang berkaitan seperti Laporan Pemantauan Alam Sekeliling (EMR) (*Environmental Monitoring Report*), Laporan Pematuhan Alam Sekeliling (ECR) (*Environmental Compliance Report*) (untuk Sabah), atau Audit Pematuhan Alam Sekeliling (ECA) (*Environmental Compliance Audit*) (untuk Sarawak),
- 2) Temu bual:
 - a) Pengurus hutan tentang strategi yang dilaksanakan,
 - b) Temu bual dengan pihak berkepentingan yang terjejas dan berminat serta mereka yang mempunyai sumber tentang keberkesanan strategi dan tindakan yang dilaksanakan, dan
- 3) Pemeriksaan: Tapak-tapak HCV.

Indikator 9.3.3. Kawasan-kawasan teras adalah dilindungi konsisten dengan Kriteria 9.2.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Temu bual: Pihak berkepentingan yang terjejas dan mereka yang mempunyai sumber mengenai perlindungan kawasan-kawasan teras.
- 2) Pemeriksaan: Kawasan-kawasan teras.

Indikator 9.3.4. Aktiviti-aktiviti yang memudaratkan Nilai-nilai Konservasi Tinggi dihentikan serta-merta dan tindakan diambil untuk memulihkan dan melindungi Nilai-nilai Konservasi Tinggi.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Rekod perintah berhenti kerja yang dikeluarkan oleh pengurusan apabila aktiviti yang memudaratkan Nilai-nilai Konservasi Tinggi dikesan,

- b) Rekod yang relevan yang menunjukkan tindakan tepat pada waktunya diambil bagi memulihkan dan melindungi Nilai-nilai Konservasi Tinggi,
 - c) Pelan pemulihan, dan
- 2) Temu bual:
- a) Pengurus hutan tentang tindakan pemulihan dan perlindungan, dan
 - b) Pihak berkepentingan yang terkesan dan berminat serta mereka yang mempunyai sumber untuk bukti aktiviti-aktiviti yang dihentikan.

Kriteria* 9.4. Organisasi* harus mempamerkan tentang pemantauan berkala dijalankan untuk menilai perubahan dalam status Nilai-nilai Konservasi Tinggi*, dan harus mengadaptasi strategi pengurusannya bagi menentukan perlindungan yang efektif*. Pemantauan harus selari dengan skala, intensiti dan risiko* aktiviti pengurusan, dan harus merangkumi rundingan bersama* dengan pihak berkepentingan yang terkesan, pihak berkepentingan yang berminat* dan pakar.

Indikator 9.4.1. Satu program pemantauan secara berkala dapat menilai:

- 1) Pelaksanaan strategi;
- 2) Status Nilai-nilai Konservasi Tinggi termasuk Kawasan-kawasan Nilai Konservasi Tinggi yang disandari; dan
- 3) Keberkesanan strategi dan tindakan pengurusan bagi perlindungan Nilai Konservasi Tinggi untuk menyelenggara sepenuhnya dan/atau menambahbaik Nilai-nilai Konservasi Tinggi.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Program pemantauan meliputi strategi pengurusan, Nilai-nilai Konservasi Tinggi dan analisis maklumbalas,
 - b) Rekod pemantauan HCV dan keputusan yang berkaitan dengan Pelan Pengurusan dan Pemantauan HCV, serta lain-lain laporan yang relevan seperti Laporan Pemantauan Alam Sekitar (EMR) (*Environmental Monitoring Report*) atau Audit Pematuhan Alam Sekitar (ECA) (*Environmental Compliance Audit*) (untuk Sarawak), dan
- 2) Temu bual: Pengurus hutan tentang pelaksanaan program pemantauan.

Nota: Lampiran F (Rangka Kerja tentang Nilai-nilai Konservasi Tinggi) memperuntukkan keperluan HCV).

Indikator 9.4.2. Program pemantauan merangkumi rundingan bersama dengan Pemegang hak terjejas, pihak berkepentingan yang terjejas dan pihak berkepentingan yang berminat dan mereka yang mempunyai sumber.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:

- a) Rekod bagi pihak berkepentingan dan/atau input mereka yang mempunyai sumber dalam program pemantauan,
 - b) Rekod rundingan bersama pemegang hak terjejas, pihak berkepentingan yang terjejas dan pihak berkepentingan yang berminat dan mereka yang mempunyai sumber, dan
- 2) Temu bual: Pemegang hak terjejas, pihak berkepentingan yang terjejas dan pihak berkepentingan yang berminat dan mereka yang mempunyai sumber tentang kecukupan rundingan bersama.

Nota: Lampiran F (Rangka Kerja tentang Nilai-nilai Konservasi Tinggi) memperuntukkan keperluan HCV).

Indikator 9.4.3. Program pemantauan mempunyai skop perincian dan kekerapan yang mencukupi untuk mengesan perubahan dalam Nilai-nilai Konservasi Tinggi, secara relatif kepada penilaian awal dan status yang dikenalpasti bagi setiap Nilai Konservasi Tinggi.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Program pemantauan yang cukup untuk mengesan perubahan dalam Nilai-nilai Konservasi Tinggi,
 - b) Rekod dan hasil pemantauan HCV yang sepadan dengan Pelan Pengurusan dan Pemantauan HCV, dan lain-lain laporan yang relevan seperti Laporan Pemantauan Alam Sekeliling (EMR) (*Environmental Monitoring Report*), Laporan Pematuhan Alam Sekeliling (ECR) (*Environmental Compliance Report*) (untuk Sabah), atau Audit Pematuhan Alam Sekeliling (ECA) (*Environmental Compliance Audit*) (untuk Sarawak).
- 2) Temu bual:
 - a) Pengurus hutan tentang program pemantauan, dan
 - b) Pihak berkepentingan yang terjejas dan berminat dan mereka yang mempunyai sumber tentang kecukupan program pemantauan.

Indikator 9.4.4. Strategi dan tindakan pengurusan diadaptasikan apabila pemantauan atau lain-lain maklumat baharu yang menunjukkan bahawa strategi dan tindakan ini tidak memadai bagi menentukan penyelenggaraan dan/atau penambahbaikan Nilai-nilai Konservasi Tinggi.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Rekod dan hasil pemantauan HCV yang sepadan dengan Pelan Pengurusan dan Pemantauan HCV, dan lain-lain laporan yang relevan seperti Laporan Pemantauan Alam Sekeliling (EMR) (*Environmental Monitoring Report*), Laporan Pematuhan Alam Sekeliling (ECR) (*Environmental Compliance Report*) (untuk Sabah), atau Audit Pematuhan Alam Sekeliling (ECA) (*Environmental Compliance Audit*) (untuk Sarawak),
 - b) Analisis keputusan pemantauan,

- c) Analisis maklumbalas,
 - d) Laporan pemantauan yang mengandungi pengesyoran berhubung dengan strategi yang diadaptasi, dll.,
 - e) Strategi dan tindakan pengurusan disemak semula,
- 2) Temu bual:
- a) Pengurus hutan tentang adaptasi strategi dan tindakan pengurusan, dan
 - b) Temu bual pihak berkepentingan yang terkesan dan berminat dan mereka yang mempunyai sumber untuk bukti bahawa strategi dan tindakan pengurusan telah diadaptasi.

[Lihat Lampiran F](#) (Rangka Kerja tentang Nilai-nilai Konservasi Tinggi).

[Lebihan halaman ini sengaja dibiarkan kosong]

Prinsip* 10: Pelaksanaan aktiviti-aktiviti pengurusan

Aktiviti-aktiviti pengurusan yang dijalankan oleh atau untuk Organisasi* bagi Unit Pengurusan* harus dipilih dan dilaksanakan secara konsisten dengan polisi dan objektif* ekonomi, alam sekitar dan sosial Organisasi* dan mematuhi secara kolektifnya Prinsip-prinsip* dan Kriteria*.

Kriteria* 10.1. Selepas penuaian atau menurut pelan pengurusan*, Organisasi* harus menerusi kaedah penjanaan semula secara semulajadi atau tiruan, menjana semula tumbuh-tumbuhan penutup bumi berketetapan waktu dengan pra-penuaian atau secara semulajadi*.

Indikator 10.1.1. Tapak-tapak tuaian dijana semula mengikut masa ditetapkan yang:

- 1) Melindungi nilai-nilai alam sekitar yang terjejas; dan
- 2) Sesuai untuk memulihkan komposisi dan struktur keseluruhan pra-penuaian atau hutan semulajadi.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Pelan pra-penuaian/pelan penuaian komprehensif,
 - b) Penilaian selepas penuaian,
 - c) Pelan selepas penuaian/pelan silvikultur, dan
- 2) Pemeriksaan: Tapak-tapak regenerasi.

Indikator 10.1.2. Aktiviti-aktiviti regenerasi dilaksanakan mengikut cara di mana:

- 1) Untuk tujuan penuaian perladangan yang sedia ada, menjana semula tumbuh-tumbuhan penutup bumi yang ada sebelum penuaian atau kepada keadaan semulajadi dengan menggunakan spesis yang dapat mengadaptasi secara ekologi;
- 2) Untuk penuaian hutan semulajadi, penjanaan semula kepada keadaan pra-penuaian atau keadaan semulajadi; atau
- 3) Untuk penuaian hutan semulajadi yang rendah tahapnya, penjanaan semula kepada keadaan-keadaan bersifat lebih semulajadi.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Aktiviti-aktiviti penjanaan semula yang ditunjukkan adalah tepat dalam pelan kerja tahunan (atau rancangan terperinci tahunan untuk Sarawak), dan
- 2) Pemeriksaan: Tapak-tapak penjanaan semula.

Kriteria* 10.2. Organisasi* harus menggunakan spesis-spesis penjanaan semula yang sesuai dengan tapak dari segi ekologi dan kepada objektif* pengurusan. Organisasi* harus menggunakan spesis asli* dan genotaip* tempatan bagi penjanaan semula, melainkan terdapat justifikasi yang jelas dan meyakinkan bagi penggunaan spesis yang lain.

Indikator 10.2.1. Spesis yang dipilih untuk penjanaan semula, termasuk hasil hutan bukan kayu, sesuai dengan tapak dari segi ekologi, merupakan spesis asli dan mempunyai asal-usul tempatan (melainkan terdapat justifikasi yang jelas dan meyakinkan bagi penggunaan genotaip bukan tempatan atau bukan spesis asli).

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Pelan kerja tahunan (atau rancangan terperinci tahunan untuk Sarawak),
 - b) Rekod spesis yang digunakan untuk regenerasi,
 - c) Justifikasi secara bertulis jika genotaip bukan tempatan atau bukan spesis asli digunakan,
 - d) Rekod benih dan sumber-sumber bahan generik,
 - e) Rekod pendirian,
- 2) Temu bual: Warga tempatan yang mempunyai sumber tentang kesesuaian spesis yang dipilih untuk penjanaan semula dan
- 3) Pemeriksaan: Spesis yang digunakan untuk penjanaan semula.

Indikator 10.2.2. Spesis yang dipilih untuk penjanaan semula adalah konsisten dengan objektif penjanaan semula dan pengurusan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Rekod spesis yang digunakan untuk regenerasi, dan
 - b) Regenerasi yang didokumentaskan dan objektif pengurusan.

Kriteria* 10.3. Organisas* harus hanya menggunakan spesis asing* apabila ilmu dan/atau pengalaman telah menunjukkan bahawa sebarang impak invasif boleh dikawal dan langkah-langkah mitigasi yang berkesan sudah tersedia.

Indikator 10.3.1. Spesis asing, termasuk hasil hutan bukan kayu, digunakan hanya apabila pengalaman secara langsung dan/atau keputusan penyelidikan saintifik menunjukkan bahawa impak invasif boleh dikawal.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Bukti saintifik, penyelidikan yang telah disiarkan, keputusan ujian di lapangan, dan
- 2) Temu bual: Pengurus, warga tempatan yang mempunyai sumber tempatan dan agensi kerajaan tentang penggunaan spesis asing.

Indikator 10.3.2. Spesis asing, termasuk hasil hutan bukan kayu, hanya digunakan apabila langkah-langkah mitigasi yang berkesan sudah sedia ada bagi mengawal penyebaran spesis tersebut di luar kawasan dari lokasi spesis itu ditetapkan penggunaannya.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Langkah-langkah mitigasi dalam Prosedur Operasi Standard (lihat Lampiran G - Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard),
- 2) Temu bual:
 - a) Pengurusan tentang langkah-langkah mitigasi, dan
 - b) Warga tempatan yang mempunyai sumber dan agensi kerajaan tentang keberkesanan langkah-langkah mitigasi.

Indikator 10.3.3. Penyebaran spesis invasif yang diperkenalkan oleh Organisasi adalah terkawal.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Langkah-langkah mitigasi dalam Prosedur Operasi Standard (lihat Lampiran G - Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard),
- 2) Temu bual: Warga tempatan yang mempunyai sumber dan agensi kerajaan tentang keberkesanan usaha-usaha pengawalan penyebaran spesis invasif, dan
- 3) Pemeriksaan: Penyebaran spesis invasif adalah terkawal.

Indikator 10.3.4. Aktiviti-aktiviti pengurusan dilaksanakan, seboleh-bolehnya bekerjasama dengan badan-badan berkuasa yang berasingan mengikut kesesuaian, dengan sasaran untuk mengawal impak-impak invasif spesis asing yang tidak diperkenalkan oleh Organisasi.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Preskripsi pengurusan yang relevan,
- 2) Temu bual: Pengurus, warga tempatan yang mempunyai sumber dan agensi kerajaan tentang pelaksanaan aktiviti-aktiviti pengurusan bagi mengawal penyebaran spesis invasif, dan
- 3) Pemeriksaan: Pelaksanaan aktiviti-aktiviti pengurusan untuk mengawal spesis asing.

Kriteria* 10.4 Organisasi* tidak harus menggunakan organisme yang diubahsuai secara genetik* dalam Unit Pengurusan.

Indikator 10.4.1. Organisme yang diubahsuai secara genetik tidak digunakan oleh Organisasi.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Komitmen secara bertulis atau penyata polisi tentang tidak menggunakan organisme yang diubahsuai secara genetik, dan
 - b) Rekod bahan tanaman yang diperoleh dan digunakan.

Kriteria* 10.5 Organisasi* harus menggunakan amalan silvikultur* yang bersesuaian dari segi ekologi dengan penanaman, spesis, tapak-tapak dan objektif pengurusan*.

Indikator 10.5.1. Amalan Silvikultur yang dilaksanakan adalah yang bersesuaian dari segi ekologi dengan penanaman, spesis, tapak-tapak dan objektif pengurusan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Memantau rekod, hasil dan laporan-laporan (termasuk rekod pemantauan tanah dan air) seperti Laporan Pemantauan Alam Sekeliling (EMR) (*Environmental Monitoring Report*), Laporan Pematuhan Alam Sekeliling (ECR) (*Environmental Compliance Report*) (untuk Sabah), atau Audit Pematuhan Alam Sekeliling (ECA) (*Environmental Compliance Audit*) (untuk Sarawak),
 - b) Data daripada Plot Sampel Kekal (PSP) (*Permanent Sample Plots*),
 - c) Pelan Silvikultur dan rekod rawatan,
- 2) Temu bual: Pengurus hutan tentang pelaksanaan amalan silvikultur,
- 3) Pemeriksaan: Amalan-amalan silvikultur

Kriteria* 10.6. Organisasi* harus meminimumkan atau mengelakkan penggunaan baja*. Apabila baja* digunakan Organisasi harus menunjukkan bahawa penggunaannya adalah sama atau lebih bermanfaat dari segi ekologi dan ekonomi berbanding menggunakan sistem-sistem silvikultur* yang tidak memerlukan baja, dan mencegah, mitigasi dan/atau membaik pulih kerosakan terhadap nilai-nilai alam sekitar*, termasuk tanah.

Indikator 10.6.1. Penggunaan baja diminimumkan atau dielakkan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Pelan silvikultur,
 - b) Prosedur Operasi Standard (lihat Lampiran G - Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard),
 - c) Dokumen polisi tentang penggunaan baja,
 - d) Strategi atau pelan jangka panjang yang didokumenkan tentang penggunaan baja,
 - e) Memantau rekod, hasil dan laporan seperti Laporan Pemantauan Alam Sekeliling (EMR) (*Environmental Monitoring Report*), Laporan Pematuhan Alam Sekeliling (ECR) (*Environmental Compliance Report*) (untuk Sabah), atau Audit Pematuhan Alam Sekeliling (ECA) (*Environmental Compliance Audit*) (untuk Sarawak), dan
- 2) Temu bual: Pengurus dan pekerja yang relevan tentang kesedaran untuk meminimumkan atau mengelakkan amalan penggunaan baja oleh Organisasi.

Indikator 10.6.2. Apabila baja digunakan, kelebihannya dari segi ekologi dan ekonomi adalah sama atau melebihi berbanding dengan penggunaan sistem-sistem silvikultur yang tidak memerlukan baja.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Bukti saintifik, penyelidikan yang disiarkan dan keputusan ujian di lapangan.

Indikator 10.6.3. Apabila baja digunakan, jenis-jenis, kadar, kekerapan dan aplikasi di tapak didokumenkan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod penggunaan baja di nurseri dan operasi-operasi di lapangan.

Indikator 10.6.4. Apabila baja digunakan, nilai-nilai alam sekitar dilindungi, termasuk menerusi pelaksanaan langkah-langkah pencegahan kerosakan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Pelan silvikultur,
 - b) Prosedur Operasi Standard (lihat Lampiran G - Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard),
 - c) Memantau rekod, hasil dan laporan (termasuk impak terhadap nilai-nilai alam sekeliling dan zon penimbal yang tidak menggunakan baja di sekitar komuniti tumbuhan langka, zon-zon riparian, laluan air dan badan air) seperti Laporan Pemantauan Alam Sekeliling (EMR) (*Environmental Monitoring Report*), Laporan Pematuhan Alam Sekeliling (ECR) (*Environmental Compliance Report*) (untuk Sabah), atau Audit Pematuhan Alam Sekeliling (ECA) (*Environmental Compliance Audit*) (untuk Sarawak), dan
 - d) Rekod yang relevan tentang langkah-langkah yang dilaksanakan untuk mencegah kerosakan kepada nilai-nilai alam sekitar (jika ada).

Indikator 10.6.5. Kerosakan terhadap nilai-nilai alam sekitar akibat penggunaan baja dimitigasi atau dibaikpulih.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Memantau rekod, hasil dan laporan (termasuk impak terhadap nilai-nilai alam sekeliling) seperti Laporan Pemantauan Alam Sekeliling (EMR) (*Environmental Monitoring Report*), Laporan Pematuhan Alam Sekeliling (ECR) (*Environmental Compliance Report*) (untuk Sabah), atau Audit Pematuhan Alam Sekeliling (ECA) (*Environmental Compliance Audit*) (untuk Sarawak),

- b) Rekod yang relevan tentang langkah-langkah yang dilaksanakan untuk mitigasi atau membaikpulih kerosakan, dan
- 2) Pemeriksaan: Pelaksanaan langkah-langkah mitigasi.

Kriteria* 10.7 Organisasi* harus mengintegrasikan urusan makhluk perosak dengan sistem-sistem silvikultur* yang dapat mengelak atau menyasarkan untuk menghapuskan penggunaan racun makhluk perosak* kimia. Organisasi* tidak harus menggunakan sebarang racun makhluk perosak kimia yang dilarang mengikut polisi FSC. Apabila racun makhluk perosak digunakan, Organisasi* harus mencegah, mitigasi, dan/atau membaikpulih kerosakan terhadap nilai-nilai alam sekitar* dan kesihatan manusia.

Indikator 10.7.1. Pengurusan makhluk perosak berintegrasi, termasuk pemilihan sistem-sistem silvikultur, digunakan untuk mengelak, atau bertujuan untuk menghapuskan, kekerapan, keluasan dan jumlah aplikasi racun makhluk perosak kimia, dan hasil daripada tidak menggunakan atau mengurangkan aplikasi secara menyeluruh dari semasa ke semasa.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Pelan pengurusan makhluk perosak berintegrasi/pelan silvikultur,
 - b) Inventori racun makhluk perosak, rekod penggunaan racun makhluk perosak kimia di nurseri dan lapangan,
 - c) Dokumen polisi dan/atau strategi atau rancangan jangka panjang bagi menghapuskan aplikasi racun makhluk perosak kimia, dan
- 2) Temu bual: Pengurus dan kakitangan tentang pelaksanaan pelan pengurusan makhluk perosak berintegrasi untuk mengelak atau menyasarkan untuk menghapuskan aplikasi racun makhluk perosak kimia.

Indikator 10.7.2. Racun makhluk perosak kimia yang dilarang oleh Polisi Racun Makhluk Perosak FSC (*FSC Pesticides Policy*) tidak digunakan atau disimpan di Unit Pengurusan melainkan telah mendapat kelonggaran FSC.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Inventori racun makhluk perosak memenuhi syarat-syarat di atas termasuk kelonggaran FSC (jika berkenaan),
 - b) Rekod penggunaan racun makhluk perosak kimia di nurseri dan lapangan, dan
- 2) Pemeriksaan: Tiada bukti tentang penggunaan atau menyimpan racun makhluk perosak kimia yang dilarang.

Indikator 10.7.3. Rekod penggunaan racun makhluk perosak diselenggara, termasuk nama syarikat, bahan aktif, kuantiti bahan aktif digunakan, tempoh penggunaan, lokasi dan kawasan penggunaan dan alasan penggunaan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen: Rekod penggunaan racun makhluk perosak kimia di nurseri dan lapangan.

Indikator 10.7.4. Penggunaan racun makhluk perosak mematuhi dokumen ILO tentang “Keselamatan penggunaan bahan kimia di tempat kerja” berhubung dengan syarat-syarat pengangkutan, simpanan, kendalian, aplikasi dan prosedur-prosedur kecemasan bagi pembersihan berikutnya kejadian tumpahan yang tidak disengajakan.

Pengesah-Pengesah:

- 1) Dokumen-dokumen:
 - a) Prosedur Operasi Standard (lihat Lampiran G - Garis panduan tentang Prosedur Operasi Standard),
14	10.6.1 10.6.4	Meminimumkan atau mengelak penggunaan baja. Apabila baja digunakan, melindungi dan mencegah kerosakan terhadap nilai-nilai alam sekitar.	<ul style="list-style-type: none"> • Prosedur bagi : <ul style="list-style-type: none"> ◦ merekod dan mendokumentasi penggunaan baja di nurseri dan operasi lapangan ◦ melaksanakan langkah-langkah meminimumkan/mengelak penggunaan baja ◦ cth., baja terbebas masa, aplikasi bermusim, dll. • Prosedur bagi : <ul style="list-style-type: none"> ◦ melaksana dan merekodkan langkah-langkah yang dilaksanakan untuk mencegah kerosakan terhadap nilai-nilai alam sekitar akibat penggunaan baja ◦ meringankan atau membaikpulih kerosakan kepada nilai-nilai alam sekitar • Rujukan kepada pelan silvikultur, dasar Organisasi dan strategi atau rancangan jangka panjang berdokumentasi tentang penggunaan baja • Rujukan kepada laporan-laporan pemantauan yang relevan, bukti saintifik, penyelidikan tersiar dan keputusan pengujian lapangan.

No	Indikator Relevan	Objektif SOP	Elemen-elemen SOP
15	10.7.4	Mencegah, meringankan, dan/atau membaikpulih kerosakan terhadap nilai-nilai alam sekitar dan kesihatan manusia apabila racun makhluk perosak digunakan.	<ul style="list-style-type: none"> • Prosedur bagi : <ul style="list-style-type: none"> ◦ menyelenggara inventori racun makhluk perosak ◦ merekod dan mendokumentasi penggunaan racun makhluk perosak di nurseri dan operasi lapangan ◦ pengangkutan racun makhluk perosak ◦ penyimpanan racun makhluk perosak ◦ pengendalian racun makhluk perosak ◦ menggunakan racun makhluk perosak di mana kaedah-kaedah, masa dan pola penggunaan dapat meminimumkan kuantiti yang digunakan serta mencapai hasil yang berkesan, memberikan perlindungan yang berkesan terhadap landskap persekitaran dan mengadakan risiko paling rendah terhadap manusia dan spesis bukan sasaran ◦ melaksanakan prosedur kecemasan bagi operasi pembersihan sejurus tumpahan yang tidak disengajakan ◦ Mencegah, meringankan, atau membaikpulih kerosakan kepada nilai-nilai alam sekitar dan kesihatan manusia • Rujukan kepada dokumen ILO berjudul “Keselamatan penggunaan bahan kimia di tempat kerja,” Dasar racun makhluk perosak FSC dan Akta Makhluk Perosak Malaysia • Rujukan kepada bukti saintifik, siaran penyelidikan dan keputusan pengujian lapangan yang relevan • Rujukan kepada dasar Organisasi dan strategi atau rancangan jangka panjang berdokumentasi bagi menghapuskan aplikasi racun makhluk perosak kimia.
16	10.8.1 10.8.2	Meminimumkan, memantau dan mengawal penggunaan agen kawalan biologi sambil mematuhi protokol saintifik yang diterimapakai di peringkat antarabangsa.	<ul style="list-style-type: none"> • Prosedur bagi : <ul style="list-style-type: none"> ◦ penggunaan agen kawalan biologi ◦ meminimumkan, memantau dan mengawal penggunaan agen kawalan biologi ◦ merekodkan jenis, kuantiti, tempoh, lokasi dan alasan penggunaan ◦ pemantauan ◦ mencegah, meringankan atau membaikpulih kerosakan kepada nilai-nilai alam sekitar akibat penggunaan agen kawalan biologi • Rujukan kepada protokol saintifik yang diterimapakai di peringkat antarabangsa berhubung penggunaan agen kawalan biologi

No	Indikator Relevan	Objektif SOP	Elemen-elemen SOP
17	10.9.1 10.9.3	Mengurangkan risiko-risiko yang dikenalpasti dan meringankan impak-impak negatif daripada bahaya semulajadi ke atas infrastruktur, sumber hutan dan komuniti.	<ul style="list-style-type: none"> • Prosedur bagi : <ul style="list-style-type: none"> ◦ mengurangkan risiko-risiko yang dikenalpasti ◦ meringankan impak-impak negatif daripada bahaya semulajadi ke atas infrastruktur, sumber hutan dan komuniti ◦ pemantauan berkesan dan pengubahsuaian aktiviti-aktiviti pengurusan dan/atau langkah-langkah yang dibangunkan untuk mengurangkan risiko-risiko yang dikenalpasti • Rujukan kepada laporan-laporan pengurusan risiko
18	10.10.1 10.10.2 10.10.3	Menguruskan pembangunan infrastruktur, kegiatan pengangkutan dan silvikultur supaya sumber air dan tanah adalah terpelihara dan gangguan dan kerosakan terhadap spesis nadir dan terancam, habitat, ekosistem dan nilai-nilai landskap dicegah, diingarkan dan/atau dibaikpulih.	<ul style="list-style-type: none"> • Prosedur bagi : <ul style="list-style-type: none"> ◦ mengurus pembangunan, penyelenggaraan dan penggunaan infrastruktur, serta aktiviti pengangkutan, untuk melindungi nilai-nilai alam sekitar ◦ mengurus kegiatan silvikultur untuk memastikan perlindungan nilai-nilai alam sekitar ◦ mencegah, meringankan atau membaikpulih sebarang kerosakan kepada laluan air, jasad-jasad air, tanah, spesis nadir dan terancam, habitat, ekosistem dan nilai-nilai landskap ◦ mengubahsuai aktiviti pengurusan untuk tujuan mencegah kerosakan selanjutnya kepada nilai-nilai alam sekitar • Rujukan kepada pelan silvikultur yang berkaitan dan rekod/dokumen berhubung sumber air, tanah, spesis nadir dan terancam, habitat, ekosistem dan nilai-nilai landskap
19	10.12.1	Pengumpulan, pembersihan, pengangkutan dan pelupusan segala bahan sisa dilakukan dengan cara yang berketeraturan alam sekitar yang dapat memelihara nilai-nilai alam sekitar	<ul style="list-style-type: none"> • Prosedur berketeraturan alam sekitar bagi pengumpulan, pembersihan, pengangkutan dan pelupusan segala bahan sisa • Prosedur bagi menyelenggara rekod-rekod pelupusan • Pangkalan data kontraktor dan pihak berkuasa yang berkaitan

9. Senarai Istilah FSC

Senarai istilah ini mengandungi definisi yang diterimapakai di peringkat antarabangsa. Sumber-sumber ini termasuklah, umpamanya, *Food and Agriculture Organization of the United Nations (FAO)*, *Convention on Biological Diversity (1992)*, *Millennium Ecosystem Assessment (2005)* serta definisi daripada senarai istilah dalam talian seperti dalam laman-laman web *World Conservation Union (IUCN)*, *International Labour Organization (ILO)* dan program *Invasive Alien Species Programme of the Convention on Biological Diversity*. Apabila lain-lain sumber digunakan, rujukan sewajarnya diberikan.

Istilah ‘berdasarkan kepada’ bermakna bahawa definisi yang telah diadaptasi daripada definisi yang ada sebagaimana disediakan dalam sumber antarabangsa.

Perkataan yang digunakan dalam Indikator Generik Antarabangsa (*International Generic Indicators*), jika tidak ditakrifkan dalam Senarai Istilah ini atau lain-lain dokumen FSC normatif, ia digunapakai seperti yang ditakrifkan dalam *Shorter Oxford English Dictionary* atau *Concise Oxford Dictionary*.

(Susuan istilah di bawah mengikut versi Bahasa Inggeris, dan oleh itu tidak mengikut susunan abjad)

Pengurusan penyesuaian: Suatu proses sistematik penambahbaikan secara berterusan bagi dasar-dasar dan amalan menerusi usaha belajar dari hasil-hasil pelaksanaan langkah-langkah yang ada (Sumber: Berdasarkan kepada *World Conservation Union (IUCN)*). Takrifan senarai istilah seperti yang diberi dalam laman web IUCN).

Pemegang Hak yang Terjejas: Orang dan kumpulan termasuk Orang Asal/Asli*, penduduk tradisional* dan masyarakat setempat* dengan hak undang-undang atau hak adat* yang persetujuan bebas, terdahulu dan dimaklumkan* dikehendaki untuk menentukan keputusan pengurusan.

Pemegang berkepentingan yang terkesan: Sesiapa, kumpulan manusia atau entiti yang berkemungkinan, tertakluk kepada kesan-kesan aktiviti-aktiviti sesebuah *Unit Pengurusan**. Contohnya, termasuk tetapi tidak terhad kepada (umpamanya dalam hal keadaan pemilik tanah hiliran), manusia, kumpulan manusia atau entiti yang terletak di kawasan sekitar *Unit Pengurusan**. Berikut adalah contoh-contoh pihak pemegang berkepentingan yang terkesan:

- Masyarakat tempatan
- Orang Asal/Asli
- Pekerja
- Penghuni hutan
- Jiran
- Pemilik tanah hiliran
- Pemproses tempatan
- Perniagaan tempatan
- Tempoh pegangan dan hak penggunaan pemegang, termasuk pemilik tanah
- Organisasi yang diberi kuasa atau diketahui sebagai bertindak bagi pihak pemegang berkepentingan yang terkesan, umpamanya NGO sosial dan alam sekitar, kesatuan tenaga buruh, dsb.

(Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Spesis asing: Sesuatu spesis, subspesies atau takson, yang diperkenalkan di luar taburan semulajadi masa lampau atau masa kini; termasuk mana-mana bahagian, gamet, benih, telur, atau propagul bagi spesis sedemikian yang mungkin terus hidup atau seterusnya membiak (Sumber: *Convention on Biological Diversity (CBD)*, Program spesis invasif asing. Senarai Istilah seperti yang diberi dalam laman web CBD).

Undang-undang digunakan: Bermakna digunakan kepada *Organisas** sebagai orang atau usahaniaga yang sah di sisi undang-undang di dalam atau bagi manfaat *Unit Pengurusan** dan undang-undang yang membawa kesan kepada pelaksanaan Prinsip-prinsip dan Kriteria FSC. Ini termasuklah mana-mana gabungan undang-undang berkanun (diluluskan oleh Parlimen) dan undang-undang kes (pentafsiran mahkamah), undang-undang subsidiari, prosedur pentadbiran yang berkaitan, dan perlombagaan negara (jika ada) yang secara nyata mengambil keutamaan undang-undang mengatasi segala suratcara *perundangan** yang lain (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Akuifer: Suatu pembentukan, kumpulan pembentukan atau sebahagian daripada pembentukan yang mengandungi bahan boleh telap tepu yang mencukupi untuk menghasilkan kuantiti air yang *mencukupi** kepada telaga dan mata air untuk membolehkan unit tersebut mempunyai nilai ekonomi sebagai satu sumber air serantau. (Sumber: Gratzfeld, J. 2003. *Extractive Industries in Arid and Semi-Arid Zones*. World Conservation Union (IUCN)).

Maklumat Lengkap Disediakan: Data, fakta, dokumen-dokumen, pendapat pakar, dan keputusan tinjauan lapangan atau rundingan bersama pihak berkepentingan yang boleh dipercayai, tepat, lengkap, dan/atau berpadanan dan yang boleh diperoleh melalui usaha dan kos yang *munasabah**, tertakluk kepada *skala** dan *intensiti** bagi aktiviti pengurusan dan *pendekatan berhati-hati**.

Perjanjian mengikat: Suatu persetujuan atau persefahaman secara bertulis atau tidak yang wajib kepada pihak-pihak yang menandatangani dan boleh dikuatkuasakan di sisi undang-undang. Pihak-pihak yang terlibat dalam perjanjian mematuhiannya secara bebas dan menerima dengan rela.

Diversiti biologi: Kepelbagaiannya antara organisme yang hidup daripada semua sumber, termasuk, ekosistem daratan, laut dan lain-lain ekosistem akuatik serta kompleks ekologi yang organisme itu menjadi sebahagian; ini termasuk diversiti dalam lingkungan spesis, antara spesis dan bagi ekosistem (Sumber: *Convention on Biological Diversity 1992, Article 2*).

Agen kawalan biologi: Organisme yang digunakan untuk menghapuskan atau menyusunatur bilangan organisme lain (Sumber: Berdasarkan kepada FSC-STD-01-001 V4-0 dan *World Conservation Union (IUCN)*. Senarai Istilah seperti yang diberi dalam laman web IUCN).

Kanak-kanak: Mana-mana orang berumur di bawah 18 tahun (*C182, Article 2*).

Rundingan kolektif: suatu proses perundingan sukarela antara majikan atau organisasi majikan dengan organisasi pekerja*, yang bermatlamat menyusunatur terma dan syarat pekerjaan menerusi cara-cara perjanjian kolektif (*C98, Article 4*).

Strategi rundingan komuniti / kemasyarakatan: Strategi rundingan bersama yang harus mengandungi:

- Penentuan wakil-wakil & orang untuk dihubungi (dalam setiap komuniti Orang Asal/Asli) bagi pelbagai kegiatan dalam mana rundingan bersama antara mereka diperlukan, termasuk, di mana wajar, institusi, organisasi dan pihak berkuasa tempatan;
- Penetapan saluran berketeraturan kebudayaan yang dipersetujui bersama dengan setiap komuniti Orang Asal/Asli untuk membolehkan aliran maklumat dalam dua hala;
- Memastikan semua kumpulan diwakili secara samarata dan dirangkumkan;
- Menggunakan saluran yang dipersetujui untuk menyampaikan segala maklumat yang berkaitan;
- Merekodkan semua mesyuarat, perkara yang dibincangkan, dan segala perjanjian yang dimeterai;
- Kelulusan kandungan rekod mesyuarat; dan
- Perkongsian keputusan bagi semua kegiatan rundingan bersama dengan Orang Asal/Asli untuk mendapatkan kelulusan formal mereka berhubung hasrat kandungan dan kegunaan sebelum diteruskan.

Maklumat sulit: Fakta, data dan kandungan peribadi yang jika sedia untuk capaian umum boleh meletakkan *Organisasi**, kepentingan perniagaannya atau perhubungannya dengan pihak berkepentingan, pelanggan dan pesaing dalam risiko. Maklumat sulit termasuk maklumat sensitif, umpamanya, lokasi jilatan garam, tempat bersarang, dll., yang meletakkan maklumat sedemikian dalam domain umum boleh mendedahkan Unit Pengurusan kepada pemburuan haram.

Konflik antara Prinsip-prinsip dan Kriteria dan undang-undang: Dalam keadaan di mana ia tidak dapat mematuhi Prinsip-prinsip dan Kriteria dan undang-undang pada masa sama (Sumber: FSC-STD-01- 001 V5-2).

Ketersambungan/Kesinambungan: Satu pendekatan bagi menentukan saluran kesinambungan menyeluruh atau separa dalam sesuatu koridor, rangkaian atau matriks. Semakin kurang ruang semakin tinggi kesinambungan. Berkait dengan konsep kesinambungan struktur; kesinambungan berfungsi atau perlakuan merujuk kepada bagaimana tahap perhubungan sesuatu kawasan untuk satu proses, seperti seekor binatang yang bergerak melalui jenis-jenis elemen landskap yang berbeza. Kesinambungan akuatik adalah berkait dengan keupayaan akses dan pengangkutan bahan dan organisme, menerusi air bumi dan air permukaan, antara tompokan pelbagai jenis ekosistem akuatik yang berlainan. (Sumber: Berdasarkan kepada R.T.T. Forman. 1995. *Land Mosaics. The Ecology of Landscapes and Regions*. Cambridge University Press, 632pp).

Konservasi/Pemuliharaan: Perkataan-perkataan ini digunakan secara saling bertukar apabila merujuk kepada aktiviti-aktiviti pengurusan yang dibentuk untuk menyelenggara nilai-nilai alam sekitar atau kebudayaan yang dikenalpasti yang wujud dalam jangkamasa panjang. Julat aktiviti pengurusan bermula dari sifar atau gangguan minimum hingga satu julat gangguan dan aktiviti yang berkaitan dibentuk untuk menyelenggara atau ia serasi dengan penyelenggaraan nilai-nilai yang dikenalpasti ini (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Rangkaian Kawasan Konservasi: Bahagian-bahagian *Unit Pengurusan** di mana konservasi diutamakan dan dalam beberapa keadaan ia menjadi objektif eksklusif; kawasan sedemikian termasuk *kawasan sampel perwakilan**, *zon-zon konservasi**, *kawasan perlindungan**, kawasan keterhubungan* dan *Kawasan-kawasan Nilai Konservasi Tinggi**.

Zon-zon konservasi dan kawasan perlindungan: Kawasan-kawasan yang dikhusruskan diberikan ketetapan serta menguruskan melindungi spesis, habitat, ekosistem, ciri-ciri semulajadi atau lain-lain nilai spesifik disebabkan nilai-nilai alam semulajadi atau kebudayaan, atau untuk tujuan pemantauan, penilaian atau penyelidikan, tidak semestinya dengan mengecualikan lain-lain aktiviti pengurusan. Bagi tujuan Prinsip-prinsip dan Kriteria, istilah-istilah ini digunakan secara saling bertukar, tanpa membawa maksud bahawa ia sentiasa mempunyai darjah konservasi atau perlindungan yang lebih tinggi berbanding yang lain. Istilah 'kawasan terlindung' tidak digunakan untuk kawasan-kawasan ini, disebabkan istilah ini membawa pengertian status *perundangan** atau rasmi, yang dilindungi peraturan-peraturan di banyak negara. Dalam konteks Prinsip-prinsip dan Kriteria, pengurusan kawasan-kawasan ini hendaklah melibatkan konservasi yang aktif, bukannya perlindungan pasif (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Rasuah: Satu bentuk perlakuan yang tidak jujur atau tidak beretika oleh seseorang yang diamanatkan dengan kedudukan, sering kali untuk meraih manfaat peribadi. Rasuah boleh merangkumi banyak aktiviti termasuk suapan dan pelesapan wang serta melibatkan amalan-amalan yang dikira sah di sisi undang-undang di banyak negara. (Sumber: *Wikipedia*). Lain-lain amalan rasuah termasuklah penipuan, subahat, paksaan, curi, pemerasan dan memeras ugut.

Kawasan teras: Setiap bahagian Landskap Hutan Utuh* mengandungi nilai kebudayaan dan ekologi yang paling penting. Kawasan teras* diuruskan supaya tidak membenarkan aktiviti perindustrian*. Kawasan Teras* memenuhi atau melebihi takrif Landskap Hutan Utuh*.

Kritikal: Konsep kritikaliti atau fundamentaliti dalam Prinsip 9 dan HCV adalah berkait dengan ketidakboleh gantian dan keadaan di mana kerugian atau kerosakan besar terhadap HCV ini akan mengakibatkan prajudis atau kesengsaraan yang serius kepada pihak berkepentingan yang terkesan. Satu perkhidmatan ekosistem dianggap kritikal (HCV 4) apabila gangguan terhadap perkhidmatan yang berkemungkinan menyebabkan atau mengancam akan mengakibatkan impak-impak negatif kepada kebijakan, kesihatan atau kehidupan masyarakat setempat, ke atas alam sekitar, ke atas HCV, atau ke atas fungsi infrastruktur yang *penting** (jalan raya, empangan, bangunan, dll.). Pengertian kritikaliti di sini adalah merujuk kepada kepentingan dan risiko bagi sumber-sumber semulajadi dan nilai-nilai alam sekitar dan sosio- ekonomi (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Kriteria: Satu cara untuk menentukan sama ada sesuatu Prinsip (pengurusan hutan) telah dipenuhi atau tidak (Sumber: FSC-STD-01-001 V4-0).

Bersesuaian dengan budaya [mekanisme]: Cara-cara/pendekatan untuk capaian kepada kumpulan sasaran yang bersifat serasi dengan adat-adat, nilai-nilai, kepekaan dan cara hidup audien sasaran.

Undang-undang adat: Set-set hak-hak adat yang saling berkait boleh diiktiraf sebagai undang-undang adat. Dalam sesetengah bidang kuasa, undang-undang adat setara dengan undang-undang berkanun dalam lingkungan ruang kecekapan dan mungkin menggantikan undang-undang berkanun untuk kumpulan etnik atau lain-lain kumpulan sosial. Dalam sesetengah bidang kuasa, undang-undang adat selari dengan undang-undang berkanun dan digunakan dalam hal-hal keadaan tertentu (Sumber: Berdasarkan N.L. Peluso and P. Vanderveest. 2001. *Genealogies of the political forest and customary rights in Indonesia, Malaysia and Thailand, Journal of Asian Studies* 60(3):761–812).

Hak-hak adat: Hak-hak yang terhasil daripada tabiat atau adat lama yang sentiasa diulangi serta penghayatan berterusan, memperoleh kuasa undang-undang dalam lingkungan sesuatu unit geografi atau sosiologi (Sumber: FSC-STD-01-001 V4-0).

Diskriminasi: termasuk - a) mana-mana perbezaan, pengecualian atau keutamaan yang diberi berasaskan perkauman, warna, gender, agama, pendirian politik, ekstraksi kebangsaan, asal-usul sosial atau orientasi seksual yang mempunyai kesan membatal atau menjelaskan kesamarataan atau layanan dalam perjawatan atau pekerjaan; b) lain-lain perbezaan, pengecualian atau keutamaan yang mempunyai kesan membatal atau menjelaskan kesamarataan atau layanan dalam perjawatan atau pekerjaan seperti yang ditentukan oleh Anggota berkenaan selepas rundingcara bersama wakil organisasi majikan dan pekerja jika organisasi tersebut wujud, dan dengan lain-lain badan yang berkaitan (diadaptasi dari 111, Article1). ‘Orientasi seksual’ ditambah kepada definisi yang diberi dalam C111, seperti yang telah dikenalpasti sebagai satu jenis diskriminasi tambahan yang boleh berlaku.

Pertikaian: Untuk tujuan Indikator Generik Antarabangsa, ini merupakan satu perihalan ketidakpuashatian oleh mana-mana orang atau organisasi yang dibentangkan sebagai aduan kepada Organisas*, yang berkait dengan aktiviti pengurusan atau pematuhan kepada Prinsip-prinsip dan Kriteria FSC, di mana satu respons telah dijangkakan (Sumber: berdasarkan FSC-PRO-01-005 V3-0 Pemprosesan Rayuan).

Pertikaian tempoh substansial: *Pertikaian** yang berterusan lebih dari dua kali lebih panjang daripada had tempoh yang tertakrif dalam Sistem FSC (selama lebih dari 6 bulan selepas penerimaan aduan, berdasarkan FSC-STD-20-001).

Pertikaian magnitud substansial: Untuk tujuan Indikator Generik Antarabangsa (*Internasional Generic Indicator*), *pertikaian** magnitud substansial adalah *pertikaian** yang melibatkan salah satu atau lebih dari yang berikut:

- Memberi kesan kepada hak-hak *perundangan** atau *hak-hak adat** Orang Asal/Asli* dan *masyarakat setempat**;
- Apabila impak negatif kegiatan pengurusan adalah daripada satu skala yang tidak boleh disongsangkan atau dimitigasi;
- Keganasan fizikal;
- Kemusnahan harta benda;
- Kehadiran badan-badan ketenteraan;
- Tindakan menakut-nakutkan *pekerja hutan** dan *pihak berkepentingan**.

Kebolehlaksanaan ekonomi: Keupayaan membangun dan berkembang sebagai unit sosial, ekonomi atau politik yang secara relatifnya bersifat bebas. Kebolehlaksanaan ekonomi diperlukan tetapi ia tidak sama dengan keuntungan (Sumber: Berdasarkan definisi yang disediakan dalam laman web *European Environment Agency*).

Ekosistem: Satu kompleks dinamik bagi komuniti tumbuhan, haiwan dan mikro-organisme dan persekitaran tidak hidup yang berinteraksi sebagai satu unit berfungsi (Sumber: *Convention on Biological Diversity 1992, Article 2*).

Fungsi-fungsi ekosistem: Satu pencirian ekosistem intrinsik yang berkait dengan set keadaan dan proses di mana ekosistem mengekalkan integritinya (seperti produktiviti primer, rantaian makanan, kitaran biogeokimia). Fungsi-fungsi ekosistem termasuk proses-proses seperti penguraian, penghasilan, kitaran nutrien, dan fluks nutrien dan tenaga. Untuk tujuan FSC, definisi ini termasuk proses ekologi dan evolusi seperti aliran gen dan gangguan regim, kitaran penjanaan semula dan peringkat-peringkat pembangunan ekologi (gantian). (Sumber: Berdasarkan *R. Hassan, R. Scholes and N. Ash. 2005. Ecosystem and Human Well-being: Synthesis. The Millennium Ecosystem Assessment Series. Island Press, Washington DC; and R.F. Noss. 1990. Indicators for monitoring biodiversity: a hierarchical approach. Conservation Biology 4(4):355-364*).

Perkhidmatan ekosistem: Manfaat yang dinikmati daripada ekosistem. Ini termasuk:

- Perkhidmatan penyediaan keperluan seperti makanan, produk hutan dan air;
- Menyusun perkhidmatan seperti dalam masalah banjir, kemarau, nyahgradasi tanah, kualiti udara, iklim dan penyakit;
- Perkhidmatan sokongan seperti pembentukan tanah dan kitaran nutrien; dan
- Perkhidmatan kebudayaan dan nilai-nilai kebudayaan seperti rekreasi, kerohanian, keagamaan dan lain-lain manfaat bukan-material.

(Sumber: Berdasarkan *R. Hassan, R. Scholes and N. Ash. 2005. Ecosystem and Human Well-being: Synthesis. The Millennium Ecosystem Assessment Series. Island Press, Washington DC*).

Perjawatan dan Pekerjaan: Termasuk akses kepada latihan vokasional, perjawatan dan pekerjaan tertentu serta terma dan syarat perjawatan (*C111, Artikel 1.3*).

Penglibatan / rundingan / rundingan bersama: Proses dengan Organisasi* berkomunikasi, berunding dan/atau membuat persediaan bagi penyertaan pihak berminat dan/atau berkepentingan yang terkesan dengan memastikan masalah, keinginan, keperluan, hak dan peluang mereka dipertimbangkan dalam penubuhan, pelaksanaan dan pengemaskinian pelan pengurusan* (Sumber: *FSC-STD-01- 001 V5-2*).

Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) (*Environmental Impact Assessment*): Proses sistematik yang digunakan untuk mengenalpasti impak-impak alam sekitar dan sosial potensi untuk menilai pendekatan alternatif dan untuk merekabentuk dan merangkumkan langkah-langkah pencegahan, mitigasi, pengurusan dan pemantauan yang berkaitan (Sumber: berdasarkan Penaksiran Impak Alam Sekitar, Garis panduan projek lapangan FAO. *Food and agriculture organization of the United Nations (FAO). Rome, FSC-STD-01-001 V5- 2*).

Nilai-nilai alam sekitar: Berikut adalah set elemen-elemen biofizikal dan alam sekitar manusia:

- Fungsi ekosistem (termasuk pengasingan dan simpanan karbon);
- Diversiti biologi;
- Sumber air;
- Tanah;
- Atmosfera;
- Nilai-nilai landskap (termasuk nilai-nilai kebudayaan dan kerohanian).

Nilai sebenar yang berkait dengan elemen-elemen ini bergantung kepada persepsi manusia dan masyarakat (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Luaran: Impak-impak positif dan negatif bagi aktiviti-aktiviti ke atas pihak berkepentingan yang tidak terlibat secara langsung dengan aktiviti-aktiviti tersebut atau ke atas sumber semulajadi atau alam sekitar yang biasanya tidak termasuk dalam sistem perakaunan kos piawaian di mana harga-harga pasaran bagi produk-produk aktiviti-aktiviti itu tidak mencerminkan kos atau faedah sepenuhnya (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Pampasan adil/saksama: Ganjaran yang sama dengan magnitud dan jenis perkhidmatan yang diberikan pihak lain atau mudarat yang berpunca daripada pihak pertama.

Baja: Bahan mineral atau organik yang lazimnya N, P₂O₅ and K₂O yang digunakan pada tanah dengan bertujuan untuk merangsang pertumbuhan pokok.

Ujian Gentian: Satu teknologi pengenalpastian kayu digunakan untuk mengenalpasti keluarga, genus, sepsis dan produk berdasarkan fiber.

Spesis tumpuan: Spesis yang memerlukan usaha menunjukkan ciri-ciri yang harus ada untuk membolehkan landskap memenuhi keperluan spesis yang wujud di situ (Sumber: Lambeck, R., J. 1997. *Focal Species: A multi-species Umbrella for Nature Conservation. Conservation Biology* vol 11 (4): 849-856).

Buruh paksaan atau wajib: Pekerjaan atau perkhidmatan yang diperoleh daripada sesiapa boleh dikenakan penalti dan orang tersebut tidak menawarkan dirinya secara sukarela (C 29, Article 2.1).

Hutan: Satu kawasan tanah yang sebahagian besar diliputi pokok-pokok (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2. Diterbitkan daripada *FSC Guidelines for Certification Bodies, Scope of Forest Certification, Section 2.1* terbitan pertama pada tahun 1998 dan disemak semula sebagai FSC-GUI-20-200 pada tahun 2005 dan disemak semula lagi pada tahun 2010 sebagai FSC-DIR-20-007 *FSC Directive on Forest Management Evaluations, ADVICE-20-007-01*).

Organisasi pekerja formal dan tidak formal: Persatuan atau kesatuan *pekerja**, sama ada diiktiraf oleh undang-undang atau oleh *Organisasi** atau tidak diiktiraf oleh mana-mana yang bermatlamat mempromosi hak-hak *pekerja** dan mewakili *pekerja** dalam urusan bersama *Organisasi** khususnya yang berkaitan dengan keadaan pekerjaan dan pampasan.

Pemecahan: Proses pembahagian habitat kepada pecahan yang lebih kecil, mengakibatkan kehilangan habitat asal, kehilangan kesinambungan, pengurangan saiz pecahan, dan pecahan yang semakin terasing. Pemecahan* dianggap sebagai salah satu daripada faktor tunggal paling penting yang membawa kepada kehilangan spesies asli, terutamanya di landskap berhutan, dan salah satu daripada sebab utama krisis kepupusan pada masa ini. Merujuk kepada Landskap Hutan Utuh*, pemecahan* yang dibimbingkan adalah difahami sebagai pemecahan yang disebabkan oleh aktiviti perindustrian manusia. (Sumber: diadaptasi daripada: *Gerald E. Heilman, Jr. James R. Stritholt Nicholas C. Slosser Dominick A. Dellasala, BioScience (2002) 52 (5): 411-422*).

Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan (Free, Prior, and Informed Consent) (FPIC): Satu syarat *perundangan** di mana seseorang atau komuniti boleh dikatakan telah memberi persetujuan untuk sesuatu tindakan sebelum bermula berdasarkan penghayatan jelas dan pemahaman, implikasi dan natijah masa depan bagi tindakan berkenaan, dan pemilihan segala fakta relevan sewaktu persetujuan diberi. Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklum termasuk hak untuk memberi, mengubahsuai, menahan atau menarik balik kelulusan (Sumber: Berdasarkan kertas kerja awalan tentang Prinsip Persetujuan Bebas, Terdahulu dan Dimaklumkan Orang Asal/Asli (...) (*E/CN.4/Sub.2/AC.4/2004/4 8 July 2004*) sesi ke-22 Session of the United Nations Commission on Human Rights, Sub-commission on the Promotion and Protection of Human Rights, Working Group on Indigenous Populations, 19–23 Julai 2004).

Transaksi FSC: Pembelian atau penjualan keluaran dengan tuntutan FSC pada dokumen jualan (Sumber: ADV-40-004-14).

Kesamarataan jantina: Kesamarataan jantina bermakna wanita dan lelaki mempunyai peluang yang sama untuk menikmati hak-hak asasi manusia sepenuhnya dan menyumbang dan menikmati manfaat daripada pembangunan ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik (Sumber: Diadaptasi daripada *FAO, IFAD and ILO workshop on 'Gaps, trends and current research in gender dimensions of agricultural and rural employment: differentiated pathways out of poverty'*, Rome, 31 Mac hingga 2 April 2009).

Organisme diubahsuai secara genetik: Suatu organisme di mana genetik telah diubah dan ia tidak berlaku secara semulajadi melalui pengawanan dan/atau penggabungan semulajadi. (Sumber: Berdasarkan FSC-POL-30-602 *FSC Interpretation on GMO* (Organisme terubahsuai secara genetik)).

Genotaip: Genetik bagi sesuatu organisme (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Niat baik: Proses penglibatan di mana pihak-pihak menjalankan segala usaha untuk mencapai persetujuan, mengendalikan perundingan secara ikhlas dan konstruktif, mengelakkan penangguhan dalam perundingan, menghormati perjanjian yang diikat dan yang sedang diusahakan, dan memberikan masa yang mencukup untuk membincangkan dan menyelesaikan pertikaian (Sumber: diadaptasi daripada Usul 40:2017).

Niat baik dalam rundingan: Organisasi* (majikan) dan pekerja organisasi* berusaha sedaya upaya untuk mencapai persetujuan, mengadakan rundingan secara bersungguh-sungguh dan konstruktif, mengelak kelewatan yang tidak wajar dalam rundingan, menghormati persetujuan yang dimeterai dan memberi masa cukup untuk membincangkan dan menyelesaikan pertikaian kolektif (Sumber: *Gerning B, Odero A, Guido H (2000), Collective Bargaining: ILO Standards and the PRINSIPs of the Supervisory Bodies. International Labour Office, Geneva*).

Tanah rumput: Tanah yang dilitupi tumbuhan herba yang kurang daripada 10% litupan pokok dan pohon renek (Sumber: *UNEP, cited in FAO. 2002. Second Expert Meeting on Harmonizing Forest-Related Definitions for use by various stakeholders*).

Habitat: Tempat atau jenis tapak di mana sesuatu organisme atau populasi wujud (Sumber: Berdasarkan *Convention on Biological Diversity, Article 2*).

Ciri-ciri Habitat: Ciri-ciri dan struktur *Hutan**, termasuk tetapi tidak terhad kepada:

- Pokok-pokok komersial dan bukan komersial yang umurnya jelas melebihi usia purata kanopi utama;
- Pokok-pokok dengan nilai ekologi khas;
- Kompleksiti menegak dan mendatar;
- Pokok mati yang berdiri;
- Kayu mati yang jatuh;
- Bukaan hutan akibat gangguan alam sektar;
- Tapak-tapak persarangan;
- Tanah lembap kecil, rawa, paya gambut;
- Kolam;
- Kawasan-kawasan pembiakan;
- Kawasan-kawasan memberi makan dan perlindungan, termasuk kitaran pembiakan bermusiman;
- Kawasan-kawasan migrasi;
- Kawasan-kawasan hibernasi.

Kerja berbahaya (dalam konteks buruh kanak-kanak): apa-apa kerja yang berkemungkinan menjelaskan kesihatan fizikal, mental atau moral kanak-kanak tidak harus dilakukan oleh mana-mana orang yang berumur di bawah 18 tahun. Tenaga buruh kanak-kanak* yang berbahaya adalah kerja yang dilakukan dalam keadaan berbahaya, tidak sihat yang boleh menyebabkan kanak-kanak* itu terbunuh atau cedera/mengalami kecacatan (sering kali kecacatan kekal) dan/atau jatuh sakit (seringkali secara kekal) akibat piawaian keselamatan dan kesihatan dan cara kerja yang tidak teratur.

Dalam usaha menentukan jenis bahaya (dirujuk di bawah atrikel 3(d) Konvensyen No 182), dan dalam mengenalpasti di manakah wujudnya bahaya itu, pertimbangan seharusnya diberi, antara lain, kepada:

- Kerja yang mendedahkan kanak-kanak kepada gangguan fizikal, psikologi atau seksual;
- Kerja di bawah tanah, dalam air, di ketinggian berbahaya atau dalam ruang terkepung;
- Kerja melibatkan penggunaan jentera, kelengkapan dan perkakas berbahaya yang memerlukan pengendalian manual atau pengangkutan beban yang berat;

-
- Kerja dalam persekitaran yang tidak sihat yang boleh, umpamanya, mendedahkan kanak-kanak kepada bahan, agen atau proses berbahaya, atau kepada keadaan suhu, paras kebisingan atau getaran yang boleh memudaratkan kesihatan mereka;
 - Kerja dalam keadaan yang amat menyukarkan seperti kerja untuk waktu yang panjang atau kerja di malam hari atau kerja dalam mana kanak-kanak* itu berada terkurung dalam premis majikan secara tidak munasabah (Sumber: ILO, 2011: *IPEC Mainstreaming Child labour concerns in education sector plans and Programmes*, Geneva, 2011& ILO Handbook on Hazardous child labour, 2011).

Kerja berat (dalam konteks buruh kanak-kanak): merujuk kepada kerja yang berkemungkinan berbahaya kepada kesihatan kanak-kanak. (Sumber: Laporan FSC mengenai kriteria dan penunjuk generik berdasarkan prinsip-prinsip Konvensyen Teras ILO, 2017).

Nilai-nilai Konservasi Tinggi (HCV) (High Conservation Values): Mana-mana nilai berikut:

- HCV 1: Diversiti spesis. Penumpuan diversiti biologi termasuk spesis endemik, dan spesis langka atau terancam, yang penting di peringkat global, serantau atau kebangsaan Spesis Diversity.
- HCV 2: Ekosistem dan mozek tahap landskap. Landskap hutan tidak terganggu dan ekosistem tahap landskap besar serta mozek ekosistem yang penting di peringkat global, serantau atau kebangsaan, dan yang mengandungi sejumlah besar spesis yang wujud secara semulajadi dalam pola taburan dan jumlah banyak semulajadi.
- HCV 3: Ekosistem dan habitat. Ekosistem, habitat atau refugia langka atau terancam *.
- HCV 4: Perkhidmatan ekosistem kritikal. Perkhidmatan ekosistem asas dalam hal keadaan kritikal, termasuk perlindungan kawasan tадahan air dan kawalan hakisan tanah dan cerun yang cenderung terhakis.
- HCV 5: Keperluan komuniti. Tapak-tapak dan sumber yang menjadi fundamental kepada memuaskan keperluan asas komuniti setempat atau Orang Asal/Asli (untuk kehidupan, nutrien, air dsb.), yang dikenalpasti menerusi rundingan bersama dengan masyarakat atau Orang Asal/Asli ini.
- HCV 6: Nilai-nilai budaya. Tapak-tapak, sumber, habitat dan landschap yang mempunyai kepentingan kebudayaan, arkeologi atau sejarah global atau kebangsaan dan/atau mempunyai kepentingan kebudayaan, ekologi, ekonomi atau keagamaan/kesucian kritikal kepada kebudayaan masyarakat tempatan atau Orang Asal/Asli, yang dikenalpasti menerusi rundingan bersama dengan masyarakat atau Orang Asal/Asli ini.

(Sumber: berdasarkan FSC-STD-01-001 V5-2).

Kawasan-kawasan Nilai Konservasi Tinggi: Zon-zon dan ruang fizikal yang memiliki dan/atau diperlukan untuk kewujudan dan penyelenggaraan *Nilai-nilai Konservasi Tinggi** yang dikenalpasti.

Laporan penilaian Nilai Konservasi Tinggi: Tujuan laporan adalah untuk memberi penerangan lebih jelas tentang dapatan dan keputusan pengurusan serta menyediakan maklumat yang mencukupi untuk membolehkan pakar pihak ketiga menentukan sama ada proses pengenalpastian dan rundingcara yang dijalankan itu mencukupi untuk menjustifikasi keputusan-keputusan pengurusan. Ini hendaklah dilakukan dengan cara yang jelas serta konsisten dan selalunya merangkumi satu tinjauan semula rakan sebaya dan proses rundingcara bagi menjamin kawalan kualiti. Semua laporan penaksiran HCV hendaklah disediakan oleh penaksir HCV berlesen di bawah

Skim Pelesenan Pentaksir HCV (ALS) *(Assessor Licensing Scheme)* yang diasaskan oleh Rangkaian Sumber HCV dan mengandungi elemen-elemen berikut:

- Ringkasan eksekutif: Dapatan utama dalam laporan, termasuk jadual ringkasan dan peta HCV yang ditemukan dalam kawasan pentaksiran serta jangkauan masing-masing dan tinjauan tentang opsyen-opsyen pengurusan yang dikenalpasti bagi penyenggaraan.
- Pengenalan: Tinjauan menyeluruh bagi kawasan pentaksiran, maklumat latarbelakang tentang pengurus guna tanah dan skop serta tujuan pentaksiran HCV.
- Metodologi HCV: Metodologi yang digunakan dalam pentaksiran, termasuk:
 - I. Maklumat tentang pasukan pentaksiran (ini boleh jadi satu ringkasan kepakaran, dan bukannya nama-nama para individu – keterangan diri hendaklah juga dimasukkan dalam Lampiran),
 - II. Sumber-sumber data yang digunakan termasuk apa-apa data yang dikumpul secara spesifik untuk pentaksiran, dan
 - III. Proses rundingcara pihak berkepentingan termasuk satu senarai pihak berkepentingan yang dihubungi.
- Konteks landskap dan kepentingan konservasi bagi kawasan pentaksiran.
- HCV dikenalpasti: Setiap HCV harus diterangkan dengan jelas serta keputusan tentang kehadiran atau ketiadaan hendaklah dijelaskan dan dijustifikasi. Untuk setiap HCV yang dikenalpasti sebagai wujud atau secara potensialnya wujud, lokasi dan taburan (cth. peta) dan status hendaklah diterangkan dan disertakan satu penerangan yang jelas tentang bagaimana rumusan dibuat. Berbaloi dengan meletakkan data dan laporan analitik yang terperinci sebagai lampiran di mana dapatan utama dijadikan teks utama. Semua isu yang dibangkitkan sewaktu proses rundingcara dan bagaimana isu-isu itu mempengaruhi hasil akhir harus dicatatkan.
- Syarat-syarat pengurusan dan pemantauan: Objektif-objektif pengurusan dan langkah-langkah spesifik yang perlu diambil bagi setiap HCV hendaklah diterangkan (termasuk peta kawasan pengurusan HCV yang berkaitan). Ini harus diterangkan secara mendalam dengan mengambil kira konteks landskap, penaksiran ancaman dan pengurusan ancaman dan opsyen-opsyen mitigasi dengan memberi perincian yang sewajarnya untuk menunjukkan bagaimanakah nilai tersebut akan diselenggara atau ditambahbaik. Harus wujud satu rekod jelas tentang proses rundingcara yang digunakan untuk membangunkan opsyen-opsyen pengurusan HCV termasuk apa-apa isu yang dibangkitkan dan bagaimana isu-isu itu diselesaikan. Sekali lagi, penggunaan peta adalah disyorkan jika berkaitan, manakala maklumat terperinci pula boleh dimasukkan ke dalam lampiran.
- Lampiran-lampiran: Rujukan kepada data yang digunakan (termasuk data primer yang diambil dalam lapangan), kelayakan pasukan dan peninjauan semula HCV, rekod rundingcara pihak berkepentingan, dan ringkasan laporan tinjauan semula rakan sekerja.

Proses kajian semula oleh rakan sekerja: Draf laporan HCV seharusnya tertakluk kepada kajian semula oleh satu atau lebih pakar pihak ketiga bebas sebelum disediakan untuk capaian umum. Objektif kajian semula rakan sebaya adalah memastikan kawalan kualiti. Satu ringkasan laporan kajian semula rakan sebaya hendak diletakkan dalam lampiran sebagai dokumen awam termasuk cadangan kajian semula dan justifikasi tindakan-tindakan yang diambil sebagai respons (menerima atau menolak cadangan).

Kebolehdapatan umum: Satu ringkasan awam bagi laporan hendaklah disediakan yang mengandungi segala maklumat yang berkaitan dengan pengenalpastian HCV atau yang bersifat relevan dengan pemahaman umum tentang keputusan pengurusan berhubung HCV. Laporan HCV hendaklah tidak mengandungi:

- Maklumat yang sensitif dari segi komersial, tidak relevan kepada pengenalpastian atau pengurusan HCV, dan
- Maklumat sensitif yang boleh disalahguna oleh orang awam (cth. tapak-tapak persarangan burung-burung langka, tapak perkuburan yang menghadapi risiko perbuatan penyamun kubur, dsb.).

Satu draf laporan lengkap dengan tindakan pengurusan HCV yang dicadangkan harus dibuka untuk rundingan audien yang lebih luas untuk satu tempoh dan versi muktamad hendaklah disediakan untuk capaian masyarakat umum (Sumber: Berdasarkan Garis panduan unggul untuk pentaksiran Nilai Konservasi Tinggi, ProForest, July 2008).

Penggredan tinggi: Penggredan tinggi adalah satu amalan pengambilan pokok di mana hanya pokok kayu yang paling baik kualiti dan bernilai sahaja diambil, sering kali tanpa menjana semula anak benih baharu atau penyingkiran pokok kayu berbaki yang berkualiti rendah, rosak dan dalam melakukan sedemikian, menyahgred kesejahteraan ekologi dan nilai komersial bagi hutan. Penggredan tinggi menjadi amalan yang menentang usaha-usaha pengurusan kelestarian sumber. (Sumber: berdasarkan *Glossary of Forest Management Terms. North Carolina Division of Forest Resources. Mac 2009*).

Konvensyen Buruh ILO Teras (ILO Core (Fundamental) Conventions): Ini merupakan piawaian pekerja yang merangkumi prinsip-prinsip asas dan hak-hak di tempat kerja: kebebasan berpersatuan dan pengiktirafan berkesan hak perundingan kolektif*; pembasmian semua bentuk buruh paksa atau wajib*; penghapusan berkesan buruh kanak-kanak*; dan pembasmian diskriminasi* berkenaan dengan penggajian dan pekerjaan*. Lapan Konvensyen Asas adalah:

- Kebebasan Berpersatuan dan Perlindungan Hak untuk Mengatur Konvensyen (*Freedom of Association and Protection of the Right to Organise Convention*), 1948 (No. 87)
- Hak untuk Mengatur dan Konvensyen Perundingan Kolektif (*Right to Organise and Collective Bargaining Convention*), 1949 (No. 98)
- Konvensyen Buruh Paksa (*Forced Labour Convention*), 1930 (No. 29)
- Konvensyen Penghapusan Buruh Paksa (*Abolition of Forced Labour Convention*), 1957 (No. 105)
- Konvensyen Umur Minimum (*Minimum Age Convention*), 1973 (No. 138)
- Konvensyen Bentuk Paling Teruk Buruh Kanak-kanak (*Worst Forms of Child Labour Convention*), 1999 (No. 182)
- Konvensyen Saraan Sama (*Equal Remuneration Convention*), 1951 (No. 100)
- Konvensyen Diskriminasi (Penggajian dan Pekerjaan) (*Discrimination (Employment and Occupation) Convention*), 1958 (No. 111)

(Sumber: Laporan FSC mengenai kriteria dan penunjuk 174 eneric berdasarkan prinsip-prinsip Konvensyen Teras ILO, 2017).

Perisyiharan ILO mengenai Prinsip-prinsip Asas dan Hak-hak di Tempat Kerja dan Susulannya, yang diterima pakai oleh persidangan Buruh Antarabangsa di Sesi Kelapan Puluh Enamnya (ILO Declaration on Fundamental Principles and Rights at Work and its Followup, adopted by the International Labour conference at its Eighty-sixth Session), 18hb. Jun 1998 (Lampiran disemak pada 15 Jun 2010): ialah pengakuan tegas prinsip-prinsip ILO (art 2) yang mengisyiharkan bahawa semua Anggota, walaupun ia belum meratifikasi Konvensyen yang berkenaan mempunyai obligasi, yang timbul daripada hakikat keanggotaan organisasi itu sahaja untuk menghormati, menggalakkan dan merealisasikan dengan niat baik* dan mengikut Perlembagaan, prinsip berkenaan dengan hak-hak asasi yang merupakan hal perkara Konvensyen-konvensyen itu, iaitu:

- Kebebasan berpersatuan dan pengiktirafan berkesan hak perundingan kolektif*;
- Pembasmian semua bentuk buruh paksa atau wajib*;
- Penghapusan berkesan buruh kanak-kanak*; dan
- Pembasmian diskriminasi* berkenaan dengan penggajian dan pekerjaan*.

(Sumber: Laporan FSC mengenai kriteria dan penunjuk generik berdasarkan prinsip-prinsip Konvensyen Teras ILO, 2017).

Indikator: Suatu pembolehubah kuantitatif atau kualitatif yang boleh disukat atau diterangkan, dan yang menyediakan satu cara untuk menentukan sama ada sesuatu *Unit Pengurusan** itu mematuhi syarat-syarat Kriteria FSC. Justeru itu, Indikator dan nilai-nilai ambang yang berkaitan menakrifkan syarat-syarat yang perlu ada untuk pengurusan hutan yang bertanggungjawab di tahap *Unit Pengurusan** dan merupakan asas utama bagi penilaian hutan (Sumber: FSC-STD-01-002 V1-0 FSC Senarai Istilah (2009)).

Landskap Budaya Orang Asli (*Indigenous cultural landscapes*): Landskap kebudayaan asli* merupakan landskap hidup yang dianggap oleh Orang Asal/Asli* sebagai punca nilai-nilai alam sekeliling, sosial, kebudayaan dan ekonomi kerana hubungan lama mereka dengan tanah, air, fauna, flora dan roh serta kepentingannya kepada identiti kebudayaan mereka kini dan masa hadapan. Sesuatu landskap kebudayaan asli* disifatkan oleh ciri-ciri yang telah dikekalkan melalui interaksi jangka panjang berdasarkan pengetahuan jagaan tanah, dan amalan mata pencarian mudah suai. Ia merupakan landskap di mana Orang Asal/Asli* menjalankan tanggungjawab pengawasan.

Orang Asal/Asli: Orang dan kumpulan orang yang boleh dikenalpasti atau dicirikan seperti berikut:

- Pencirian utama atau Kriteria adalah pengenalpastian kendiri sebagai Orang Asal/Asli di tahap individu dan penerimaan oleh masyarakat sebagai ahlinya;
- Kesinambungan bersejarah dengan masyarakat pra-kolonial dan/atau pra-penempatan;
- Pautan kukuh kepada wilayah dan sumber-sumber semulajadi di kawasan sekeliling;
- Sistem sosial, ekonomi atau politik yang berbeza;
- Bahasa, kebudayaan dan kepercayaan yang berbeza;
- Membentuk kumpulan masyarakat bukan dominan;
- Membuat ketetapan untuk menyelenggara dan menghasilkan semula alam sekitar dan sistem nenek moyang mereka sebagai manusia dan komuniti yang berbeza.

(Sumber: Diadaptasi dari *United Nations Permanent Forum on Indigenous, Factsheet 'Who are Indigenous People'* Oktober 2007; *United Nations Development Group, 'Guidelines on Indigenous People' Issues'* United Nations 2009, *United Nations Declaration on the Rights of Indigenous People*, 13 September 2007).

Aktiviti perindustrian: Aktiviti perindustrian hutan dan sumber pengurusan seperti pembinaan jalan, perlombongan, empangan, pembangunan bandar dan penuaian balak.

Infrastruktur: Dalam konteks pengurusan hutan, jalan raya, jambatan, pembetung, pendaratan kayu balak, kuari, penimbunan, bangunan dan lain-lain struktur yang diperlukan dalam usaha pelaksanaan *pelan pengurusan**.

Landskap Hutan Utuh (Intact Forest Landscapes) (IFL): satu kawasan dalam lingkungan jangkauan litupan hutan global kini yang mengandungi hutan dan hutan bukan ekosistem yang secara minimumnya dipengaruhi oleh aktiviti ekonomi manusia dengan keluasan sekurang-kurangnya 500 km² (50,000 ha) dan ukuran lebar minimum 10 km (diukur sebagai garis pusat bagi satu bulatan yang seluruhnya ditandakan dengan sempadan-sempadan kawasan berkenaan) (Sumber: *Intact Forests / Global Forest Watch*. Definisi senarai istilah seperti yang diberi di laman web *Intact Forest*. 2006-2014).

Harta intelek: Amalan serta pengetahuan, inovasi dan lain-lain ciptaan minda (Sumber: Berdasarkan *Convention on Biological Diversity, Article 8(j)*; dan *World Intellectual Property Organization. What is Intellectual Property? WIPO Publication No. 450(E)*).

Intensiti: Satu ukuran bagi daya, keseriusan atau kekuatan sesuatu kegiatan pengurusan atau lain-lain kejadian yang mempengaruhi impak-impak aktiviti tersebut (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Pihak berkepentingan yang berminat: Sesiapa, kumpulan orang atau entiti yang menunjukkan minat atau diketahui mempunyai kepentingan dalam aktiviti-aktiviti sesebuah *Unit Pengurusan**. Berikut dibentangkan contoh-contoh pihak berkepentingan yang berminat.

- Organisasi konservasi, contohnya NGO alam sekitar;
- Organisasi buruh (hak-hak), contohnya kesatuan buruh;
- Organisasi hak asasi manusia, contohnya NGO sosial;
- Projek pembangunan tempatan;
- Kerajaan tempatan;
- Jabatan kerajaan kebangsaan serantau yang berfungsi;
- Pejabat-pejabat FSC Kebangsaan;
- Pakar-pakar tentang isu-isu tertentu, contohnya Nilai-nilai Konservasi Tinggi.

(Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2)

Protokol saintifik yang diterima di peringkat antarabangsa: Satu prosedur berasaskan sains pra dijelaskan yang sama ada diterbitkan oleh suatu rangkaian atau kesatuan saintifik antarabangsa atau yang sering dirujuk dalam hasil karya saintifik antarabangsa (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Spesis invasif: Spesis yang pantas berkembang di luar kelompok. Spesis invasif boleh mengubah perhubungan antara spesis asli dan boleh mempengaruhi fungsi ekosistem serta kesihatan manusia (Sumber: Berdasarkan *World Conservation Union (IUCN)*. Senarai Istilah seperti yang diberi dalam laman web *IUCN*).

Tanah dan wilayah: Untuk tujuan Prinsip-prinsip dan Kriteria, ini merupakan tanah-tanah atau wilayah-wilayah yang telah Orang Asal/Asli atau masyarakat setempat memiliki secara tradisional atau diduduki mengikut adat dan di mana akses terhadap sumber-sumber semulajadi adalah mustahak untuk memelihara kelestarian kebudayaan dan kehidupan mereka (Sumber: Berdasarkan *World Bank Safeguard OP 4.10 Orang Asal/Asli*, seksyen 16 (a). Julai 2005.).

Landskap: Satu mozek geografi yang terdiri daripada ekosistem interaktif yang terhasil daripada pengaruh geologi, topografi, tanah, iklim, biotik dan interaksi manusia di dalam sesebuah kawasan yang diberi (Sumber: Berdasarkan *World Conservation Union (IUCN)*. Senarai Istilah seperti yang diberi dalam laman web *IUCN*).

Nilai-nilai landskap: Nilai-nilai landskap boleh dilihat sebagai lapisan-lapisan persepsi manusia yang ditindih pada landskap fizikal. Sesetengah nilai-nilai landskap seperti nilai ekonomi, rekreasi, sara hidup atau kualiti visual yang berkait rapat dengan ciri-ciri fizikal. Lain-lain nilai landskap seperti nilai intrinsik atau kerohanian adalah lebih berciri simbolik dan lebih dipengaruhi oleh persepsi individu atau konstruksi sosial berbanding ciri-ciri landskap fizikal (Sumber: Berdasarkan laman web *Landscape Value Institute*).

Sah / Perundangan: Menurut perundangan primer (undang-undang kebangsaan atau tempatan) atau perundangan sekunder (peraturan subsidiari, dekri, perintah, dll.). ‘Perundangan’ turut merangkumi keputusan berasaskan kaedah yang dibuat oleh agensi yang kompeten di sisi undang-undang di mana keputusan sedemikian dibuat secara langsung dan logik daripada undang-undang dan peraturan. Keputusan yang dibuat oleh agensi yang kompeten di sisi undang-undang adalah tidak sah jika tidak dibuat secara langsung dan logik dari undang-undang dan peraturan dan jika tidak berasaskan kaedah tetapi sebaliknya menggunakan budi bicara pentadbiran (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Kompeten di sisi undang-undang: Diberikan mandat undang-undang untuk melaksanakan sesuatu fungsi tertentu (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2). Pihak berkuasa yang kompeten di sisi undang-undang adalah agensi-agensi pihak berkuasa yang terikat dengan kuasa-kuasa warta masing-masing.

Pendaftaran sah di sisi undang-undang: Lesen kebangsaan atau tempatan yang sah di sisi undang-undang atau satu set kebenaran untuk mengoperasi sebuah usahaniaga dengan hak-hak untuk membeli dan menjual produk-produk dan/atau perkhidmatan secara komersial. Lesen atau kebenaran tersebut boleh digunakan untuk individu, usahaniaga milik persendirian atau entiti korporat awam. Hak-hak untuk membeli dan menjual produk-produk dan/atau perkhidmatan tidak membawa obligasi untuk berbuat demikian. Oleh itu, pendaftaran sah di sisi undang-undang turut digunakan kepada Organisasi-organisasi yang mengoperasikan sesebuah *Unit Pengurusan** tanpa jualan produk atau perkhidmatan; umpamanya, rekreasi yang tidak ditentukan harganya atau untuk konservasi Biodiversiti atau habitat (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Status perundangan: Cara *Unit Pengurusan** diklasifikasikan mengikut undang-undang. Dari segi tempoh pegangan, ia bermakna kategori tempoh pegangan seperti tanah negeri komunal atau pegangan pajakan atau pegangan bebas atau tanah kerajaan, dll. Jika *Unit Pengurusan** diubah daripada satu kategori kepada kategori yang lain (contohnya, dari tanah Negeri kepada tanah orang asal komunal) statusnya termasuk kedudukan semasa dalam proses peralihan. Daripada segi pentadbiran, status perundangan boleh bererti bahawa tanah itu dimiliki oleh negara secara keseluruhan, ditadbir bagi pihak negara oleh sesebuah jabatan kerajaan dan dipajak oleh sesebuah Kementerian kerajaan kepada operator sektor swasta melalui konsesi (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Kerja ringan: Undang-undang^{*} atau peraturan kebangsaan boleh membenarkan pengambilanmasuk pekerja berumur 13 hingga 15 tahun untuk melakukan pekerjaan yang - a) tidak berkemungkinanberbahaya kepada kesihatan atau tumbesaran; dan b) tidak sedemikian di mana ianya boleh memprajudis kehadiran mereka di sekolah, penyertaan mereka dalam program orientasi atau latihan vokesyional yang diluluskan oleh pihak berkuasa yang kompeten atau kapasiti mereka untuk memanfaat arahan yang diterima (Sumber: Konvensyen ILO 138, Artikel 7).

Gaji sara hidup: Ganjaran yang diterima untuk satu minggu kerja standard oleh seseorang pekerja di sesuatu tempat tertentu agar pekerja dan keluarganya dapat menikmati satu taraf hidup yang memuaskan. Elemen-elemen taraf hidup yang memuaskan termasuk makanan, air, perumahan, pendidikan, penjagaan kesihatan, pengangkutan, pakaian dan lain-lain barang keperluan termasuk untuk situasi luar jangka (Sumber: *A Shared Approach to a Living Wage. ISEAL Living Wage Group. November 2013*).

Komuniti setempat: Komuniti mengikut saiz yang berada dalam lingkungan atau bersebelahan *Unit Pengurusan**, dan juga yang dekat untuk memberi impak yang besar^{*} ke atas ekonomi atau nilai-nilai alam sekitar *Unit Pengurusan** atau menyebabkan ekonomi, hak atau alam sekitar unit itu mengalami kesan penting akibat kegiatan pengurusan atau aspek-aspek biofizikal *Unit Pengurusan** (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Undang-undang tempatan: Kelompok undang-undang primer dan sekunder (akta, ordinans, statut, dekri) yang terhad aplikasinya kepada daerah geografi tertentu dalam lingkungan sesebuah wilayah kebangsaan, serta peraturan sekunder dan prosedur pentadbiran tertier (kaedah-kaedah / syarat-syarat) yang menerbitkan kuasanya secara langsung dan eksplisit dari undang-undang primer dan sekunder ini. Undang-undang menerbitkan kuasanya secara mutlak dari konsep kedaulatan (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Asal-usul tempatan: Banyak jenis tumbuhan asli merentasi satu kelompok geografi yang luas. Walau bagaimanapun, dalam lingkungan kelompok tersebut, populasi berlainan bagi sesuatu spesis tertentu mungkin boleh berubah sedikit mengikut adaptasi kepada keadaan tempatan dan habitat individu yang spesifik. Populasi berlainan yang mengandungi variasi genetik tempatan dikenali sebagai asal-usul. Disebabkan setiap asal-usul itu unik, maka penting agar asal-usul berlainan ini dipelihara (Sumber: *Native Plants Society – Australia*).

Jangka panjang: Skala masa bagi pemilik atau pengurus hutan seperti yang dimanifestasi oleh objektif-objektif *pelan pengurusan**, kadar penuaan, dan komitmen untuk menyelenggara litupan hutan yang kekal. Tempoh masa yang terlibat akan berubah mengikut konteks dan keadaan ekologi serta menjadi satu fungsi bagiberapa lamakah masa diambil oleh sesuatu ekosistem untuk memulihkan struktur dan komposisi semulajadinya berikutan penuaan atau gangguan, atau untuk menghasilkan keadaan matang atau primer (Sumber: FSC-STD-01-002 V1-0 FSC Senarai Istilah (2009)).

Objektif pengurusan: Sasaran, amalan, hasil dan pendekatan pengurusan spesifik ditetapkan untuk mencapai syarat-syarat piawai ini.

Pelan pengurusan: Pengumpulan dokumen, laporan, rekod dan peta yang menjelaskan justifikasi dan mengaturkan aktiviti yang dijalankan oleh pengurus, kakitangan atau organisasi dalam lingkungan atau yang berkaitan dengan *Unit Pengurusan** termasuk objektif dan polisi (Sumber: FSC- STD-01-001 V5-2).

Pemantauan pelan pengurusan: Usaha susulan dan perencanaan prosedur untuk tujuan menilai pencapaian *objektif-objektif pengurusan**. Hasil-hasil aktiviti pemantauan digunakan dalam pelaksanaan *pengurusan penyesuaian**.

Unit Pengurusan: Satu ruang atau kawasan yang dikemukakan untuk pengesahan FSC mempunyai sempadan yang diterangkan dengan jelas dan diurus sebagai satu set objektif-objektif pengurusan jangka panjang yang dinyatakan dalam *pelan pengurusan**. Kawasan atau kawasan-kawasan ini termasuk:

- Semua kemudahan dan kawasan dalam lingkungan atau bersebelahan ruang atau kawasan ini di bawah hak milik *perundangan* atau kawalan pengurusan atau dioperasi oleh atau bagi pihak *Organisasi** untuk tujuan menyumbang kepada objektif-objektif pengurusan; dan
- Semua kemudahan dan kawasan di luar dan bukan bersebelahan ruang atau kawasan ini dan dioperasi oleh atau bagi pihak *Organisasi**, semata-mata untuk tujuan menyumbang kepada objektif-objektif pengurusan.

(Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Kawalan pengurusan: Tanggungjawab seperti yang dijelaskan untuk para pengarah korporat bagi usahaniaga komersial dalam undang-undang komersial kebangsaan dan dianggap oleh FSC sebagai turut digunakan kepada organisasi sektor awam (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Usia/umur minimum (bagi pekerjaan): tidak kurang daripada umur penyempurnaan pendidikan wajib, dalam sebarang keadaan harus tidak kurang daripada 15 tahun. Walau bagaimanapun, sesebuah negara yang kemudahan ekonomi dan pendidikannya tidak dibangunkan dengan baik pada awal, boleh menetapkan umur minimum 14 tahun. Undang-undang kebangsaan[†] juga boleh mengizinkan pengambilan pekerja berumur antara 13-15 tahun untuk melakukan kerja ringan* yang tidak bersifat prajudis bagi kehadiran sekolah mahupun berbahaya kepada kesihatan atau tumbesaran kanak-kanak*. Umur 12-13 tahun boleh digunakan untuk kerja ringan* di negara-negara yang menetapkan umur minimum 14 tahun (C 138, Article 2).

Undang-undang negara: Kelompok undang-undang primer dan sekunder (akta, ordinans, statut, dekri) yang digunakan pada sesuatu wilayah kebangsaan serta peraturan sekunder dan tatacara pentadbiran tertier (peraturan / syarat-syarat) yang menerbitkan kuasanya secara langsung dan eksplisit dari undang-undang primer dan sekunder ini. (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Spesis asli: Sesuatu spesis, subspesis atau takson lebih rendah, yang wujud dalam lingkungan kelompok semulajadinya (masa lalu dan semasa) dan potensi penyerakan (dalam kelompok di mana ia berada secara semuljadi atau boleh wujud tanpa pengenalan secara langsung dan tidak langsung atau penjagaan manusia) (Sumber: *Convention on Biological Diversity (CBD)*). Program spesis invasif asing. Senarai Istilah seperti yang diberi dalam laman web CBD).

Keadaan-keadaan semulajadi/ekosistem semulajadi: Untuk tujuan Prinsip-prinsip dan Kriteria serta mana-mana aplikasi teknik pemulihan, istilah seperti ‘keadaan-keadaan lebih semulajadi’, ‘ekosistem semulajadi memperuntukkan pengurusan tapak-tapak untuk manfaat atau untuk memulih spesis asli dan pertalian spesis asli yang secara tipikalnya wujud di kawasan setempat dan untuk mengurus pertalian dan nilai-nilai alam sekitar ini bagi membentuk ekosistem yang bersifat tipikal dengan kawasan setempat. Garis panduan lebih lanjut diberi dalam FSC *Forest Stewardship Standards* (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Hutan semulajadi: Satu kawasan hutan yang mempunyai banyak ciri dan elemen utama ekosistem semulajadi seperti kompleksiti, struktur dan diversiti biologi termasuk ciri-ciri tanah, flora dan fauna, di mana semua atau hampir semua pokok adalah spesis asli, tidak diklasifikasi sebagai perladangan. ‘Hutan semulajadi’ merangkumi kategori-kategori berikut:

- Hutan yang dipengaruhi oleh penuaan atau lain-lain gangguan, di mana pokok-pokok sedang atau telah dijana semula oleh satu kombinasi antara penjanaan semula semulajadi dan buatan dengan spesis tipikal bagi hutan semulajadi di sesebuah tapak itu, dan di mana banyak ciri-ciri atas-tanah dan bawah tanah bagi hutan semulajadi masih wujud. Dalam hutan-hutan iklim sederhana berkaitan dengan angin utara dan bahagian utara yang secara semulajadinya terdiri daripada hanya satu atau beberapa spesis pokok sahaja, satu kombinasi antara penjanaan semula semulajadi dan buatan untuk menjana semula hutan dari spesis asli yang sama, dengan kebanyakan ciri-ciri utama dan elemen-elemen utama ekosistem semulajadi bagi tapak berkenaan adalah tidak dianggap sebagai pengubahan terhadap perladangan;
- Hutan-hutan semulajadi yang diselenggara dengan amalan silvikultur tradisional termasuk penjanaan semula secara semulajadi atau penjanaan semula dibantu;
- Hutan sekunder atau pengkoloniasian yang baik pembentukan dengan spesis asli yang dijana semula di kawasan-kawasan bukan hutan;
- Definisi ‘hutan semulajadi’ termasuk kawasan yang diterangkan sebagai ekosistem berpokok, tanah berpokok kayu dan savanah.

Keterangan mengenai hutan-hutan semulajadi dan ciri-ciri serta elemen-elemen utamanya boleh dijelaskan dalam Piawaian Pengurusan Hutan FSC, dengan keterangan dan contoh-contoh yang bersesuaian.

'Hutan semulajadi' tidak termasuk tanah yang sebahagian besarnya tidak berpokok, sebelum itu bukan hutan dan masih belum memiliki banyak ciri-ciri dan elemen ekosistem semulajadi. Penjanaan semula pokok muda boleh dianggap sebagai hutan semulajadi selepas beberapa tahun mengalami kemajuan ekologi. Piawaian Pengurusan Hutan FSC boleh menunjukkan tempoh kawasan-kawasan sedemikian boleh dipisahkan dari *Unit Pengurusan** atau harus dipulih ke arah keadaan-keadaan lebih semulajadi, atau diubah kepada gunatanah lain.

FSC tidak membangunkan ambang-ambang kuantitatif antara kategori hutan yang berlainan dari segi keluasan, kepadatan, ketinggian, dll. Piawaian Pengurusan Hutan FSC boleh menyediakan ambangan dan lain-lain garis panduan sedemikian dengan keterangan dan contoh-contoh yang bersesuaian. Sementara menunggu garis panduan sedemikian, kawasan yang sebahagian besarnya dilitupi pokok, terutamanya dari spesis asli, boleh dianggap sebagai hutan semulajadi.

Ambangan dan garis panduan boleh merangkumi seperti berikut:

- Lain-lain jenis tumbuhan dan komuniti serta ekosistem lain yang termasuk dalam *Unit Pengurusan**, termasuk tanah rumput, tanah semak, tanah lempap, dan tanah berpokok kayu terbuka;
- Penjanaan semula pokok muda atau pengkolonisasian dalam turutan primer di tapak-tapak terbuka yang baharu atau tanah kebun tertinggal, yang masih belum memiliki banyak ciri-ciri dan elemen utama ekosistem semulajadi. Ini boleh dianggap sebagai hutan semulajadi setelah beberapa tahun mengalami kemajuan ekologi;
- Penjanaan semula pokok muda yang semulajadi dalam kawasan hutan semulajadi boleh dianggap sebagai hutan semulajadi, walaupun selepas pembalakan, penebangan nyata atau lain-lain gangguan, ciri-ciri dan elemen utama ekosistem semulajadi kekal, di atas tanah dan di bawah tanah;
- Kawasan-kawasan di mana penyahhutan dan penyahgradasian hutan adalah sangat teruk sehingga kawasan itu tidak lagi 'sebahagian besarnya dipenuhi pokok' boleh dianggap sebagai bukan hutan apabila ia mengandungi nilai prinsipal atas tanah dan bewah tanah sangat sedikit dan elemen-elemen utama hutan semulajadi. Penyahhutan sebegini adalah hasil daripada kombinasi pembalakan melampau serta berulang, padang ragut, pertanian, pengumpulan sebagai kayu bakar, pemburuan, api, penghakisan, perlombongan, penempatan, infrastuktur dll. Piawaian Pengurusan Hutan FSC dapat membantu untuk membuat keputusan dalam menentukan kawasan terbabit perlu diasingkan daripada *Unit Pengurusan** harus dipulihkan ke arah keadaan bersifat semulajadi atau ditukar kepada lain-lain kegunaan.

(Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Bahaya-bahaya semulajadi: Gangguan yang boleh menyebabkan risiko kepada masyarakat dan *nilai-nilai alam sekitar** dalam lingkungan *Unit Pengurusan** tetapi boleh juga menjelaskan fungsi-fungsi ekosistem yang penting; contohnya ialah seperti musim kering, banjir, tanah runtuh, hujan ribut, longsoran tanah, dll.

Hasil balak bukan bulat: Mana-mana kayu yang tertakluk kepada apa-apa proses pembuatan dan termasuk papan, gurisan, venir dan papan lapis serta papak kayu, penyekat dan slanga.

Hasil hutan bukan kayu (NTPF): Semua produk selain kayu yang diperolehi dari Unit Pengurusan*
(Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Objektif: Tujuan asas yang ditetapkan oleh *Organisasi** untuk sesuatu usahaniaga hutan, termasuk keputusan tentang polisi dan cara yang dipilih untuk mencapai tujuan tersebut (Sumber: Berdasarkan F.C. Osmaston. 1968. *The Management of Forests*. Hafner, Baharu York; dan D.R. Johnston, A.J. Grayson and R.T. Bradley. 1967. *Forest Planning*. Faber & Faber, London).

Kod amalan obligatori: Satu manual atau buku panduan atau lain-lain sumber arahan teknikal yang mesti dilaksanakan oleh sesuatu *Organisasi** mengikut kehendak undang-undang (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Kemalangan pekerjaan: Satu kejadian berlaku atau dalam perjalanan ke tempat kerja yang menyebabkan kecederaan maut atau bukan maut (Sumber: *International Labour Organization (ILO)*. *Bureau of Library and Information Services. ILO Thesaurus* seperti yang dinyatakan dalam laman web ILO).

Penyakit pekerjaan: Mana-mana penyakit yang dihidapi akibat pendedahan kepada faktor-faktor risiko dari kegiatan pekerjaan. (Sumber: *International Labour Organization (ILO)*. *Bureau of Library and Information Services. ILO Thesaurus* seperti yang diberi dalam laman web ILO).

Kecederaan pekerjaan: Sebarang jenis kecederaan diri, penyakit atau kematian akibat kemalangan pekerjaan (Sumber: *International Labour Organization (ILO)*. *Bureau of Library and Information Services. ILO Thesaurus* seperti yang diberi dalam laman web ILO).

Rekod/sejarah Oral: Pengumpulan dan kajian maklumat bersejarah tentang individu, keluarga, peristiwa penting atau kehidupan seharian yang menggunakan pita audio, pita video atau transkripsi bagi temuduga yang dirancang. (Sumber: *Wikipedia*).

Organisme: Mana-mana entiti biologi yang berupaya melakukan replikasi atau pemindahan bahan genetik (Sumber: *Council Directive 90/220/EEC*).

Organisasi: Orang atau entiti yang memegang atau sedang memohon untuk mendapatkan pengesahan serta bertanggungjawab mempamerkan pematuhan kepada syarat-syarat yang menjadi dasar kepada pengesahan FSC (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Tanah Gambut: Terbentuk dari kawasan yang dibanjiri air dan basah dengan sejumlah besar penumpukan bahan organik, dilitupi satu lapisan tumbuhan yang lemah yang berkaitan dengan darjah keasidan tertentu yang menghasilkan satu warna pencirian kuning jingga (Sumber: Aguilar, L. 2001. *About Fishermen, Fisherwomen, Oceans and tides*. IUCN. San Jose (Costa Rica)).

Racun makhluk perosak: Mana-mana bahan atau persediaan yang disediakan atau digunakan untuk melindungi tumbuhan atau kayu atau lain-lain produk daripada makhluk perosak; dalam pengawalan makhluk perosak; atau dalam usaha membuatkan makhluk perosak tersebut tidak lagi berbahaya. Definisi ini termasuk racun serangga, racun tikus, akarisida, moluskisida, larvaesida, fungisida dan herbisida (Sumber: FSC-POL-30-001 *FSC Pesticides Policy* (2005)).

Perladangan: Suatu kawasan hutan yang diwujudkan dengan menanam atau menyemai dengan menggunakan spesis asing atau asli, seringkali dengan satu atau lebih spesis, menggunakan peruanan teratur dan usia sama dan kekurangan dari segi kebanyakan ciri utama dan elemen-elemen utama hutan-hutan semulajadi. Penerangan perladangan boleh didefinisikan lagi dalam Piawaian Pengurusan Hutan FSC, dengan menyertakan keterangan atau contoh-contoh yang bersesuaian seperti:

- o Kawasan-kawasan yang pada awalnya telah mematuhi definisi ‘perladangan’ ini tetapi selepas satu tempoh panjang, ia mengandungi banyak atau kebanyakan ciri-ciri utama dan elemen-elemen utama ekosistem semulajadi yang boleh diklasifikasi sebagai hutan-hutan semulajadi.
- o Perladangan yang diurus untuk memulih dan menambahbaik diversiti biologi dan habitat, kompleksiti struktur dan kefungsian ekosistem boleh, selepas beberapa tahun, ia diklasifikasikan sebagai hutan-hutan semulajadi.
- o Hutan-hutan iklim sederhana dengan angin utara dan utara yang secara semulajadinya terdiri daripada hanya satu atau beberapa spesis pokok sahaja, satu kombinasi antara penjanaan semula semulajadi dan buatan untuk menjana semula hutan dari spesis asli yang sama, dengan kebanyakan ciri-ciri utama dan elemen-elemen utama ekosistem semulajadi bagi tapak berkenaan tidak dianggap sebagai pengubahan kepada perladangan.

(Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2)

Pelan selepas penuaian: Satu pelan kegiatan yang perlu dilaksanakan selepas penuaian yang biasanya akan merangkumi pemasangan perparitan silang, penyingkiran jambatan dan pembetung, pembentukan semula landing, inventori selepas penuaian dan rawatan silvikultur di mana perlu.

Pendekatan berwaspadा: Satu pendekatan yang mensyaratkan bahawa apabila maklumat yang ada menunjukkan bahawa aktiviti pengurusan boleh menyebabkan ancaman berlakunya kerosakan yang teruk atau tidak boleh dipulih kepada alam sekitar atau ancaman kepada kebajikan manusia, Organisas* akan mengambil langkah-langkah eksplisit dan berkesan untuk mencegah kerosakan tersebut dan mengelakkan risiko-risiko kepada kebajikan, meskipun maklumat saintifik tidak lengkap atau tidak konklusif, dan apabila berkecenderungan terkesan dan kepekaan nilai-nilai alam sekitar tidak dapat dipastikan (Sumber: Berdasarkan Prinsip 15 *Rio Declaration on Environment and Development*, 1992, dan *Wingspread Statement on the Precautionary PRINSIP of the Wingspread Conference*, 23–25 Januari 1998).

Pra-penuaian [syarat]: Diversiti, komposisi, dan struktur *hutan** atau perladangan sebelum penebangan pokok dan aktiviti-aktiviti sampingan seperti pembinaan jalan raya.

Prinsip: Suatu peraturan atau elemen penting; dalam hal keadaan FSC, bagi pengurusan hutan (Sumber: FSC- STD-01-001 V4-0).

Perlindungan: Lihat definisi Konservasi.

Kawasan perlindungan: Lihat definisi Zon Konservasi.

Tersedia untuk capaian umum: Cara yang boleh diakses atau boleh dilihat oleh orang awam (Sumber: *Collins English Dictionary*, Edisi 2003).

Spesis nadir: Spesis yang tidak umum atau jarang ditemukan tetapi tidak diklasifikasi sebagai terancam. Spesis-spesis ini terletak di kawasan geografi yang terhad atau dalam habitat tertentu sahaja atau mempunyai taburan yang kurang pada satu skala besar. Spesis ini hampir bersamaan dengan kategori IUCN (2001) bagi Hampir Terancam (*Near Threatened*) (NT), termasuk spesis yang hampir mencapai atau berkemungkinan mencapai, kategori terancam dalam masa depan yang terdekat. Spesis ini juga hampir bersamaan dengan spesis berisiko (*imperiled species*) (Sumber: Berdasarkan IUCN. (2001). *IUCN Red List Categories and Criteria: Version 3.1. IUCN Species Survival Commission. IUCN. Gland, Switzerland and Cambridge, UK*).

Diratifikasi: Proses mengikut undang-undang, konvensyen atau perjanjian antrabangsa (termasuk perjanjian alam sekitar pelbagai pihak) yang diluluskan secara sah oleh sesebuah badan perundangan kebangsaan atau mekanisme perundangan* yang setara dengan demikian di mana undang-undang, konvensyen atau perjanjian antrabangsa itu secara automatik menjadi sebahagian daripada undang-undang kebangsaan atau boleh menggerakkan pengubalan undang-undang yang memberi kesan perundangan yang serupa. (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Munasabah: Dikira sebagai saksama atau bersesuaian dengan keadaan atau tujuan, berdasarkan pengalaman secara am (Sumber: *Shorter Oxford English Dictionary*).

Penuaian Impak Rendah: Penuaian (atau pembalakan) menggunakan teknik-teknik bagi mengurangkan impak terhadap baki dirian (Sumber: Berdasarkan *Guidelines for the Conservation and Sustainable Use of Biodiversity in Tropical Timber Production Forests, IUCN 2006*).

Refugia: Satu kawasan terpencil di mana perubahan yang ekstensif, secara tipikal disebabkan perubahan iklim atau akibat gangguan seperti disebabkan oleh manusia, tidak berlaku dan di mana tumbuhan dan haiwan yang tipikal bagi sesuatu rantau itu boleh terus hidup (Sumber: *Glen Canyon Dam, Adaptive Management Program – Senarai seperti yang diberi dalam laman web Glen Canyon Dam*).

Saraan: Termasuk upah atau gaji biasa, asas atau minimum dan apa juar emolumen tambahan sekalipun yang perlu dibayar secara langsung atau tidak langsung, sama ada secara tunai atau bukan dalam bentuk wang, oleh majikan kepada pekerja dan yang timbul daripada penggajian pekerja* (Sumber: Konvensyen ILO 100, Artikel 1a).

Kawasan Sampel Perwakilan: Bahagian-bahagian *Unit Pengurusan** yang ditanda semula untuk tujuan konservasi atau pembaikpulihan contoh-contoh yang boleh dilaksanakan bagi ekosistem yang akan wujud secara semulajadi di sesuatu rantau geografi tersebut.

Daya Tahan: Keupayaan sesuatu sistem untuk menyelenggara fungsi-fungsi dan proses utama dalam keadaan sistem tersebut menghadapi tegasan atau ketegangan dengan merintangi atau mengadaptasi kepada perubahan. Daya tahan boleh digunakan untuk sistem ekologi dan juga sistem sosial (Sumber: *IUCN World Commission on Protected Areas (IUCN-WCPA). 2008. Establishing Marine Protected Area Networks – Making it Happen. Washington D.C.: IUCN-WCPA National Oceanic and Atmospheric Administration and The Nature Conservancy*).

Memulihkan/Pemulihian: Perkataan-perkataan ini digunakan dalam ertikata yang berbeza mengikut konteks dan dalam pertuturan sehari-hari. Dalam sesetengah kes, ‘memulihkan’ bermakna membaiki kerosakan kepada nilai-nilai alam sekitar akibat aktiviti pengurusan atau lain-lain punca. Dalam keadaan lain, ‘memulihkan’ membawa makna pembentukan keadaan-keadaan bersifat lebih semulajadi di tapak-tapak yang telah mengalami nyahgradasian yang teruk atau diubah kepada gunatanah lain. Dalam Prinsip-prinsip dan Kriteria, perkataan ‘memulihkan’ tidak digunakan untuk membawa pengertian pewujudan semula mana-mana ekosistem sebelumnya, pra-sejarah, pra-perindustrian atau lain-lain ekosistem tertentu yang pra-wujud. (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2). *Organisas** tidak semestinya berobligasi untuk memulihkan nilai-nilai alam sekitar yang telah terkesan akibat faktor-faktor di luar kawalan *Organisas**, umpamanya akibat bencana alam, perubahan iklim, atau akibat aktiviti pihak ketiga yang sah di sisi undang-undang, seperti infrastruktur awam, perlombongan, pemburuan atau penempatan. FSC-POL-20-003 Pemisahan Kawasan-kawasan dari Skop Pengesahan (*The Excision of Areas from the Scope of Certification*) menerangkan proses-proses dengan mana kawasan-kawasan sedemikian boleh dipisahkan dari kawasan yang telah disahkan mengikut keadaan.

*Organisas** juga tidak berobligasi untuk memulih nilai-nilai alam sekitar yang mungkin telah wujud pada satu-satu masa dalam sejarah atau zaman pra-sejarah yang lepas, atau telah terjejas secara negatif oleh pemilik-pemilik atau organisasi-organisasi sebelumnya. Walau bagaimanapun, *Organisas** dijangka mengambil langkah-langkah yang bertanggungjawab untuk meringankan, mengawal dan mencegah nyahgradasian alam sekitar yang berterusan dalam lingkungan Unit Pengurusan* akibat impak-impak sebelumnya itu.

Zon riparian: Antara muka di antara tanah dengan sesebuah jasad air, dan tumbuhan yang berkaitan dengannya.

Risiko: Kebarangkalian bagi sesuatu kesan negatif yang tidak boleh diterima akibat mana-mana aktiviti dalam *Unit Pengurusan** disertai keseriusan dari segi natijahnya (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Skala: Satu ukuran tahap sesuatu aktiviti atau peristiwa pengurusan yang memberi kesan kepada sesuatu nilai-nilai alam sekitar atau *Unit Pengurusan**, dalam masa atau ruang. Sesuatu aktiviti yang mempunyai skala kecil atau skala ruang rendah memberi kesan kepada sebahagian kecil hutan setiap tahun, satu aktiviti yang mempunyai skala kecil atau skala temporal rendah hanya berlaku pada sela masa yang panjang (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Skala, intensiti dan risiko: Lihat definisi individu bagi terma-terma ‘skala’, ‘intensiti’, dan ‘risiko’.

Signifikan: Cukup hebat atau mustahak hingga wajar diberikan perhatian; Harus diperhati. Untuk tujuan Prinsip 9, HCV 1, 2 dan 6 terdapat tiga bentuk yang utama bagi mengiktiraf kepentingan.

- o Satu ketetapan, klasifikasi atau status konservasi yang diiktiraf yang ditentukan oleh sesebuah agensi antarabangsa seperti IUCN atau Birdlife International;
- o Satu ketetapan oleh pihak berkuasa kebangsaan atau serantau, atau oleh sesebuah organisasi konservasi kebangsaan yang berwibawa atas dasar penumpuan Biodiversiti;
- o Satu pengiktirafan secara sukarela oleh pengurus, pemilik Organisasi, atas dasar maklumat yang ada, atau kehadiran penumpuan biodiversiti yang diketahui wujud atau yang disyaki wujud, meskipun tidak diberi ketetapan secara rasmi oleh agensi-agensi lain.

Manapun satu daripada bentuk-bentuk tersebut akan menjustifikasi ketetapan sebagai HCV 1, 2 dan 6. Terdapat banyak kawasan di dunia ini yang telah menerima pengiktirafan bagi kepentingan dari segi biodiversiti masing-masing yang dikira dengan pelbagai cara. Peta-peta dan klasifikasi sedia ada bagi kawasan berkeutamaan untuk konservasi biodiversiti memainkan peranan penting dalam mengenalpasti kehadiran potensial HCV 1, 2 dan 6 (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Silvikultur: Seni dan sains pengawalan bagi pengasasan, pertumbuhan, komposisi, kesihatan dan kualiti hutan-hutan dan rimba untuk memenuhi keperluan bersasar yang pelbagai dan nilai-nilai pemilik tanah dan masyarakat atas satu dasar berciri kelestarian (Sumber: *Nieuwenhuis, M. 2000. Terminology of Forest Management. IUFRO World Series Vol. 9. IUFRO 4.04.07 SilvaPlan and SilvaVoc*).

Pemegang kepentingan: Lihat definisi-definisi untuk ‘pihak berkepentingan terkesan’ dan ‘pihak berkepentingan yang berminat’.

Prosedur Operasi Standard: (atau) SOP adalah satu set prosedur, perintah tetap, protokol, garis panduan atau arahan langkah-langkah yang disusun oleh sesebuah organisasi untuk membantu pekerja menjalankan operasi rutin. Matlamat SOP adalah mencapai kecekapan, hasil yang berkualiti dan keseragaman dalam prestasi dengan mengurangkan salahfaham dan kegagalan untuk mematuhi peraturan-peraturan industri (Sumber: Diadaptasi daripada *Wikipedia*).

Undang-undang berkanun atau undang-undang statut: Undang-undang yang terkandung dalam Akta-akta Parlimen (badan perundangan kebangsaan) (Sumber: *Oxford Dictionary of Law*).

Tempoh pegangan: Perjanjian yang ditakrif dari segi sosial yang dipegang oleh individu atau kumpulan, statut perundangan yang sah atau amalan adat berhubung ‘ikatan hak dan tugas’ pemilikan, pegangan, akses dan/atau penggunaan unit tanah tertentu atau sumber-sumber yang berkait dengannya (seperti pokok-pokok individu, spesis tumbuhan, air, mineral, dll.) (Sumber: *World Conservation Union (IUCN)*. Senarai definisi diberi dalam laman web IUCN).

Ancaman: Satu petanda atau amaran tentang kerosakan atau impak negatif yang bakal atau berkemungkinan berlaku (Sumber: Berdasarkan *Oxford English Dictionary*).

Spesis terancam: Spesis yang memenuhi kriteria IUCN (2001) untuk kepada Lemah Ancaman (*Vulnerable*) (VU), Terancam (*Endangered*) (EN) atau Terancam secara Kritikal/Terancam Teruik (*Critically Endangered*) (CR), dan menghadapi risiko kepupusan yang tinggi, amat tinggi atau amat sangat tinggi di dunia. Kategori-kategori ini boleh ditafsir semula untuk tujuan FSC mengikut klasifikasi kebangsaan yang rasmi (yang berkepentingan perundangan*) dan kepada keadaan dan kepadatan penduduk tempatan (yang boleh memberi kesan kepada *keputusan tentang langkah-langkah konservasi yang sewajarnya*) (Sumber: Berdasarkan IUCN. (2001). *Kategori dan Kriteria Senarai Merah IUCN: Versi 3.1 (IUCN Red List Categories and Criteria: Version 3.1. IUCN Species Survival Commission. IUCN. Gland, Switzerland and Cambridge, UK)*).

Tahap penuaian kayu: Kuantiti penuaian sebenar yang dijalankan di *Unit Pengurusan**, dijejaki mengikut isipadu (cth. meter padu atau kaki papan) atau keluasan (cth. hektar atau ekar) metrik untuk tujuan perbandingan dengan tahap penuaian dikira yang dibenarkan (maksimum).

Pengiraan tahap penuaian kayu harus berdasarkan satu analisis yang termasuk sekurang-kurangnya:

-
- o Satu pendekatan berhati-hati yang menunjukkan kualiti maklumat yang digunakan;
 - o Maklumat pertumbuhan dan kadar hasil terkini;
 - o Inventori terkini;
 - o Kawasan-kawasan disediakan untuk penuaian;
 - o Pengurangan isipadu yang disebabkan oleh kematian dan pereputan serta gangguan semulajadi seperti kebakaran, serangga dan penyakit;
 - o Analisis kepekaan bagi faktor-faktor yang digunakan bagi pengiraan kadar penuaian, dengan perhatian spesifik diberi kepada anggaran dan andaian input di mana data adalah lemah;
 - o Pengurangan isipadu dan keluasan untuk tujuan perlindungan nilai-nilai sosial, kerohanian, kebudayaan dan lain-lain nilai yang dikenalpasti dalam P3 dan P4;
 - o Pengurangan isipadu dan keluasan untuk tujuan perlindungan nilai-nilai alam sekitar yang dikenalpasti dalam P6;
 - o Objektif-objektif pengurusan yang dikenalpasti dalam P7;
 - o Pendekatan-pendekatan untuk menyelenggara secara sepenuh dan/atau menambahbaik Nilai-nilai Konservasi yang Tinggi yang dikenalpasti dalam P9;
 - o Pengurangan isipadu dan keluasan untuk tujuan perlindungan nilai-nilai yang dikenalpasti dalam P10.

Tepat pada masanya: Secepat mungkin mengikut keadaan; ditangguh dengan tidak sengaja oleh Organisasi*; mematuhi undang-undang, kontrak, lesen atau invois yang digunakan.

Ilmu Tradisional: Maklumat, pengetahuan, kemahiran dan amalan yang dikembangkan, dikekalkan dan diturunkan dari generasi ke generasi dalam lingkungan sesuatu komuniti, sering membentuk sebahagian daripada identiti kebudayaan atau kerohanianya. (Sumber: Berdasarkan definisi *World Intellectual Property Organization (WIPO)*. Definisi senarai istilah seperti yang diberi di bawah Dasar / Ilmu Tradisional di laman Web *WIPO*).

Orang tradisional: Orang tradisional adalah kumpulan sosial atau orang yang tidak mengenal kendiri sebagai orang asal/asli dan yang mengesahkan hak-hak mereka kepada tanah, hutan dan lain-lain sumber berdasarkan pendudukan dan penggunaan adat atau tradisional sejak masa yang panjang (Sumber: *Forest Peoples Programme (Marcus Colchester, 7 Oktober 2009)*).

Pengesahan transaksi: Pengesahan oleh badan perakuan dan/atau *Accreditation Services International (ASI)* bahawa tuntutan output FSC yang dibuat oleh pemegang perakuan adalah tepat dan sepadan dengan tuntutan input FSC rakan perdagangannya (Sumber: *FSCSTD-40-004 V3-0*).

Aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan: Contoh-contoh bagi aktiviti-aktiviti yang tidak dibenarkan termasuk penuaian, pemburuan, penangkapan ikan, pemerangkapan, pengumpulan, pendudukan haram, dll.

Menegakkan: Untuk mengiktiraf, menghormati, mengekalkan dan menyokong (Sumber: *FSC-STD-01-001 V5-2*).

Hak penggunaan: Hak-hak menggunakan sumber-sumber *Unit Pengurusan** yang boleh dijelaskan oleh adat tempatan, perjanjian bersama, atau ditetapkan oleh lain-lain entiti yang memegang hak-hak akses. Hak-hak ini boleh menyekat penggunaan sumber-sumber tertentu hingga ke tahap penggunaan spesifik atau teknik-teknik penuaian yang tertentu (Sumber: FSC-STD-01-001 V5-2).

Majoriti besar: 80% daripada jumlah kawasan Landskap Hutan Utuh* dalam Unit Pengurusan* mulai 1 Januari 2017. Majoriti besar* juga memenuhi atau melebihi maksud minimum Landskap Hutan Utuh*.

Sasaran-sasaran yang boleh disahkan: Sasaran spesifik seperti keadaan hutan masa depan yang diinginkan diasaskan untuk mengukut kemajuan ke arah pencapaian setiap *objektif pengurusan**. Sasaran ini dinyatakan sebagai hasil jelas di mana pencapaiannya boleh disahkan dan penentuan boleh dibuat sama ada sasaran tersebut telah berjaya dicapai atau tidak.

Pengesah: Menentukan sumber maklumat bagi ukuran atau pengesahan yang ditentukan dalam Indikator. Bermakna, Pengesah atau kaedah pengesahan menunjukkan bagaimana caranya untuk memperolehi bukti bahawa objektif-objektif yang ditetapkan itu telah dicapai dan/atau dari mana bukti boleh ditemukan yang akan menyediakan data/maklumat yang diperlukan untuk memenuhi setiap Indikator. Dalam piawaian ini, Pengesah tergolong dalam 3 jenis:

- o Dokumen-dokumen: Termasuk melihat dan memeriksa kandungan dokumen-dokumen pengesahan pematuhan,
- o Temu bual: Termasuk menanyakan soalan dan menilai jawapan-jawapan untuk menunjukkan kesedaran dan/atau pemahaman tentang subjek-subjek spesifik, dan
- o Pemeriksaan: Termasuk pemerhatian lapangan bagi tapak-tapak fizikal dan amalan di lapangan.

Bahagian yang amat terhad: Kawasan terbabit *hendaklah** tidak melebihi 0.5% daripada kawasan *Unit Pengurusan** pada mana-mana satu tahun, dan tidak melibatkan sejumlah lebih dari 5% dari keluasan *Unit Pengurusan** (Sumber: Berdasarkan FSC-STD-01-002 V1-0 FSC Senarai Istilah (2009)).

Bahan sisa: Bahan yang tidak boleh digunakan atau tidak dikehendaki atau produk sampingan, seperti:

- o Sisa berbahaya, termasuk sisa kimia dan bateri;
- o Bekas;
- o Lain-lain bakan bakar dan minyak motor;
- o Sampah termasuk logam, plastik dan kertas; dan
- o Bangunan, jentera dan kelengkapan yang terbiar.

Jasad-jasad air (termasuk laluan air): Anak air, sungai, aliran air, kolam dan tasik bermusim, sementara dan kekal. Jasad-jasad air termasuk sistem tanah riparian atau tanah lembap, tasik, paya, rawa dan mata air.

Kekurangan air: Satu bekalan air yang mengehadkan pengeluaran makanan, kesihatan manusia dan pembangunan ekonomi. Kekurangan air yang serius diertikan sebagai bersamaan dengan 1,000 meter padu setahun setiap orang atau lebih tinggi daripada penggunaan 40% relatif kepada bekalan. (Sumber: *Millennium Ecosystem Assessment. 2005. Ecosystem and Human Well-Being: Policy Responses. Findings of the Responses Working Group. Washington DC: Island Press, Halaman 599-605*).

Tegasan air: Berlaku apabila permintaan untuk air melebihi jumlah yang ada dalam sesuatu tempoh tertentu atau apabila kualiti lemah menyekat penggunaan air. Tegasan air menyebabkan kemerosotan sumber air tawar dari segi kuantiti (eksploitasi melampau akuifer, sungai yang kering, dll.) dan kualiti (eutrofikasi, pencemaran bahan organik, pencerobohan air garam, dll.) (Sumber: *UNEP, 2003, dirujuk di Gold Standard Foundation. 2014. Water Benefits Standard*).

Tanah lembap: Kawasan-kawasan peralihan di antara sistem-sistem daratan dan akuatik dalam aras mata air biasanya berada pada atau berhampiran permukaan atau tanah dilitupi air cetek (Sumber: *Cowarding, L.M., Carter, V., Golet, F.C., Laroe, E.T. 1979. Classification of Wetlands and Deepwater Habitats of the United States. DC US Department: Washington*).

Di bawah Konvensyen Ramsar, tanah lembap boleh terdiri daripada pantai berlumpur, kolam semulajadi, tanah paya, lubang bawah tanah, padang rumput lembap, rawa, tanah gambut, paya air tawar, hutan paya bakau, tasik, sungai dan juga sesetengah terumbu karang (Sumber: IUCN, Tidak bertarikh, Definisi IUCN – Bahasa Inggeris).

Pekerja: Semua orang yang diambil bekerja termasuk kakitangan awam serta orang yang “bekerja sendiri”. Ini termasuk kakitangan bekerja sambilan, sementara dan bermusim daripada semua pangkat dan kategori, termasuk buruh, pentadbir, penyelia, eksekutif, pengurus, kakitangan kontraktor serta kontraktor dan sub-kontraktor yang bekerja sendiri (Sumber: *ILO Convention C155 Occupational Safety and Health Convention, 1981*).

Organisasi pekerja: Mana-mana organisasi pekerja* yang bertujuan memperjuang dan membela kepentingan pekerja* harus ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia. Adalah mustahak untuk mengambil maklum bahawa peraturan-peraturan dan garis panduan tentang komposisi organisasi pekerja ini berbeza dari negara ke negara lain, khususnya yang berkaitan dengan apa yang dianggap sebagai anggota biasa serta mereka yang dianggap mempunyai kuasa “mengupah dan memecat”. Organisasi pekerja yang cenderung mengasingkan perkaitan antara mereka yang boleh “mengupah dan memecat” dengan yang tidak berkuasa untuk berbuat demikian. (Sumber: Laporan FSC mengenai kriteria dan penunjuk generik berdasarkan prinsip-prinsip Konvensyen Teras ILO, 2017).



Forest Stewardship Council®

ic.fsc.org

FSC International Center gGmbH
Adenauerallee 134 · 53113 Bonn · Germany



All Rights Reserved FSC® International 2022 FSC®F000100